

"USAHA-USAHA kita mengisai kemerdekaan adalah dengan mengambil bentuk proses evolusi. Namun ia tetap cergas dan berterusan. Kerana itu apa-apa jua yang kita capai atau perolehi adalah sentiasa relevan kepada kehendak dan keperluan negara." - Titah sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-21 pada 22 Februari 2005.

Delita قليت بروني BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DARIPADA Abdullah bin Omar Radiallahuanhuma, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Jika seseorang pergi bersembahyang Jumat, maka sunatlah ia mandi." - Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Imam Al-Bukhari.

TAHUN 50 BILANGAN 24

RABU 15 JUN 2005/1426 رابو 8 جمادى الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

Brunei - Russia perluas kerjasama dua hala



Berita lanjut dan gambar-gambar dimuatkan muka 3, 4, 5, 7, 8, 9, 11, 12, 13 dan 24.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Presiden Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin di Majlis Santap Malam Rasmi di Alexandra Hall, Grand Kremlin Palace.

MOSCOW, RUSSIA, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa kerjasama serantau dan antarabangsa telah membuka peluang-peluang untuk membangun lebih rapat dan kerjasama yang lebih praktikal antara Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia.

Ini, titah baginda, dapat dilihat dalam usaha yang sedang dilakukan oleh Bandar Seri Begawan dan Moscow untuk memperluas ruang lingkup kerjasama dalam pelancangan, pertahanan, pendidikan dan kebudayaan.

"Jadinya, kita sangat gembira jika kita dapat

menarik minat rakyat dan Kerajaan Russia dan beta berharap lawatan yang diadakan ini akan membantu untuk menggalakkan minat berkenaan," titah baginda di Majlis Santap Malam Rasmi yang disembahkan oleh Presiden Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin di Grand Kremlin Palace di sini hari ini.

Selubungan dengan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan rasa puas hati terhadap perkembangan hubungan dua hala yang telah dilalui antara kedua-dua negara yang bercirikan persahabatan dan saling hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain.

Dalam memastikan hubungan ini sentiasa kukuh dan berpanjangan, baginda menitahkan pendapat bagi kedua-dua negara mencari jalan supaya rakyat kedua-

dua buah negara dapat mengetahui lebih dekat antara satu sama lain, berkongsi pengalaman, meningkatkan kefahaman dan penghargaan serta sama-sama menikmati hubungan muhibah di peringkat antarabangsa.

"Beta percaya, bahawa cara terbaik untuk memastikan bahawa ianya tetap kuat dan bertahan ialah melalui agensi kemanusiaan yang mudah. Dengan ini, apa yang beta maksudkan ialah mencari jalan bagi penduduk kita untuk saling mengenali dengan lebih baik lagi, berkongsi pengalaman, memperdalam kefahaman mereka dan menghargai antara satu dengan yang lain dan gembira menikmati peluang-peluang muhibah antarabangsa," titah baginda mengharapkan.

Lihat muka 24

Brunei lahir penghargaan kepada Russia

MOSCOW, RUSSIA, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan ucapan tahniah kepada TYT Vladimir V. Putin, Presiden Persekutuan Russia di atas peranan besar mereka dalam melaksanakan hal-ehwal sejagat.

Baginda juga melahirkan penghargaan terhadap usaha negara kuasa besar itu dalam usaha mereka membantu mencari penyelesaian yang adil mengenai konflik di Palestin dan kemelut di Timur Tengah.

Menurut baginda, dunia kini dipelopori oleh ciri-ciri saling bersandar, saingan yang sihat dan keperluan yang sama. Menurut baginda, masa depan banyak dibentuk oleh keputusan antarabangsa yang besar yang diputuskan di Pertu-

buhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ini, titah baginda, memerlukan satu bentuk kepimpinan yang baru oleh anggotanya yang paling berpengaruh.

"Dengan yang demikian, beta ingin mengucapkan penghargaan yang setingginya kepada Tuan Presiden dan rakyat Russia terhadap usaha yang telah Tuan Presiden lakukan bagi menyediakan kepimpinan yang sedemikian. Beta khususnya mengucapkan terima kasih terhadap usaha Tuan Presiden dalam membantu mencari penyelesaian yang adil terhadap banyak masalah yang kompleks di Palestin dan Timur Tengah," titah baginda di Majlis Santap Malam Rasmi di Grand Kremlin Palace yang disembahkan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir V. Putin di sini hari ini.

Lihat muka 2

Menjalin lembaran baru

MOSCOW, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas undangan Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir V. Putin, Presiden Persekutuan Russia telah berangkat mengadakan lawatan rasmi ke Persekutuan Russia bermula dari 6 hingga 9 Jun.

Kebangkitan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung dan dihalu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir V. Putin, Presiden Persekutuan Russia. Dalam lawatan rasmi berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan mengadakan pertemuan bersama Gabenor Saint Petersburg, Puan Yang Terutama Valentina Mat-

vienko.

Ketika keberangkatan lawatan rasmi, baginda juga berkenan mengadakan rundingan dua hala bersama Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin pada 7 Jun. Kedua-dua pihak membincangkan perkara-perkara dua hala dan juga antarabangsa.

Kedua-dua pihak mengambil maklum bahawa perjumpaan dan perundingan yang diadakan baru-baru ini telah membuka satu peringkat baru antara Negara Brunei Darussalam dan Russia, dengan memberikan satu perkembangan terhadap pembangunan hubungan persahabatan dan kerjasama yang berkepentingan sama antara kedua-dua negara berdasarkan prinsip-prinsip saling menghormati bagi kedaulatan kebangsaan, tidak campurtangan dalam hal-ehwal dalaman antara satu dengan yang lain dan keseksamaan

kedaulatan, di samping telah membuat satu sumbangan penting dalam pengukuhan perdamaian dan keselamatan di rantau Asia Tenggara dan dunia seluruhnya.

Kedua-dua pihak juga melahirkan puas hati terhadap perkembangan hubungan dua hala sejak penubuhan hubungan diplomatik pada bulan Oktober 1991. Kedua-dua pihak juga mengiktiraf kepentingan untuk mengekalkan dialog dan hubungan peringkat tinggi dalam kerjasama perkara-perkara dua hala. Konsultasi berterusan antara Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia serta penyelesaian usaha kedua-dua negara dalam pertubuhan antarabangsa adalah dianggap sebagai berguna dan produktif.

Kedua-dua pihak juga mengesahkan kesediaan

untuk mempertingkatkan usaha ke arah memperluas perdagangan dan hubungan ekonomi serta kerjasama pelaburan. Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk menggalakkan hubungan terus antara masyarakat peniaga kedua-dua negara.

Dengan mengambil maklum kerjasama teknikal ketenteraan sebagai satu bidang yang membuka prospek yang baik dan memenuhi kepentingan kebangsaan kedua-dua negara, kedua-dua pihak juga bersetuju untuk memperkukuhkan interaksi hubungan dalam bidang ini. Kedua-dua pihak juga melahirkan penghargaan terhadap penandatanganan Perjanjian Kerjasama antara Universiti Brunei Darussalam dan Moscow State Institute of International Relations (University) MFA Russia.

Lihat muka 24

KELUARGA
CERIA,
HIDUP
BAHAGIA

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan:
Russia memainkan peranan dalam hal-ehwal serantau
- Muka 2
Melirik Masa Silam:
Menangani kerenah anak-anak sambil melihat suasana silam
- Muka 7

Lawatan DPMM ke sektor penting Kementerian Kesihatan
- Muka 16 dan 17
Lawatan DPMM ke Hospital RIPAS dan Pusat Kesihatan Berakas
- Muka 20 dan 21

Sekitar liputan Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII
- Muka 18, 19, 22 dan 23

Jangan abaikan hal berpakaian ketika berjemah ke masjid
- Muka 3 ANEKA
Kehamilan Remaja
- Muka 8 ANEKA
Cerpen:
Dua Kali Dua
- Muka 12 dan 13 ANEKA

TAHUKAH AWDA

ROYAL College of Obstetric and Gynaecology, London telah mengiktiraf Jabatan Obstetrik & Ginekologi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha sebagai pusat latihan bagi mendapatkan kelulusan keapakan dalam bidang obstetrik dan ginekologi. Pengiktirafan itu membolehkan doktor-doktor lepasan ijazah pertama (MBBS atau MBChB) menjalani latihan dalam bidang obstetrik dan ginekologi di Jabatan Obstetrik dan Ginekologi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha tanpa ke luar negeri. Mereka akan menjalani latihan keapakan dengan cara bekerja sambil belajar mengikut kurikulum kursus yang telah disediakan oleh Royal College of Obstetric and Gynaecology, London. - FOKUS KESIHATAN, Bilangan 92 Mac/April 2004. Negara Brunei Darussalam: Kementerian Kesihatan (2004/12).

HALUAN...



15 JUN 2005 BERSAMAAN 1426 ١٥ جمادى الأول

MISI KE RUSSIA
BERJAYA TINGKATKAN
KERJASAMA

KEBERANGKATAN lawatan rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia baru-baru ini telah mencapai kejayaan dalam usaha Negara Brunei Darussalam mempererat persahabatan dan meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan negara kuasa besar itu. Misi lawatan kali pertama itu telah membuahkan hasil yang menggalakkan sekali gus dapat memperteguh lagi hubungan dua hala Bandar Seri Begawan dan Moscow.

Hubungan dua hala yang termeterai sejak 15 tahun lalu di Bandar Raya New York pada 1 Oktober 1991 berjalan dengan baik dan terus berjaya menjalin dan memperluas ruang lingkup kerjasama dalam pelbagai bidang antaranya pendidikan, pertahanan, kebudayaan dan pelancongan. Lawatan yang bersejarah itu sangat signifikan dan memberi makna yang besar terhadap negara kita yang kecil ini kerana telah dapat bekerjasama dengan sebuah negara besar di dunia dalam pelbagai isu-isu serantau dan antarabangsa.

Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin, Presiden Persekutuan Russia yang menegaskan bahawa lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan terus meningkat dan memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan yang sedia terjalin antara kedua-dua negara. Tuan Yang Terutama menyifatkan lawatan yang julung-julung kalinya sungguh bermakna dan mempunyai signifikan dalam usaha kedua-dua negara menjalin hubungan dan kerjasama di masa akan datang.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam titah baginda menekankan bahawa dalam memastikan hubungan tersebut sentiasa kukuh dan berpanjangan, perlunya kedua-dua negara mencari jalan supaya rakyat masing-masing dapat mengetahui lebih dekat antara satu sama lain, berkongsi pengalaman, meningkatkan kefahaman dan penghargaan serta bersama-sama menikmati hubungan muhibah di peringkat antarabangsa.

Sehubungan dengan itu, baginda melahirkan penghargaan Persekutuan Russia di atas peranan besar mereka dalam melaksanakan hal-ehwal sejagat terutama komitmen negara kuasa besar itu terhadap penyelesaian yang adil mengenai konflik di Palestin dan kemelut di Timur Tengah serta komitmen berterusan Russia terhadap perdamaian dan kemajuan di Asia khususnya mengenai rundingan enam pihak di Korea Utara.

Semasa lawatan bersejarah itu, Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia telah mengeluarkan Kenyataan Bersama yang menekankan mengenai hasrat murni kedua-dua pemimpin bagi mengukuhkan persahabatan dan kerjasama berdasarkan prinsip saling hormat-menghormati terhadap kedaulatan, tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalaman dan persamaan hak masing-masing. Kedua-dua pemimpin juga terus mengotakan komitmen untuk mencari jalan yang perlu dalam membanteras secara menyeluruh jenayah tanpa sempadan dan membendung keganasan antarabangsa.

Ternyata, lawatan pemimpin kita dari 6 hingga 9 Jun ke Persekutuan Russia itu merupakan mercu tanda dalam sejarah hubungan dua hala di antara Bandar Seri Begawan dan Moscow. Lawatan tersebut walaupun singkat, namun ianya telah dapat memahat kerjasama yang baik dalam pelbagai bidang khususnya dalam usaha negara kita untuk mempererat dan memperteguhkan lagi persahabatan dengan mana-mana negara di dunia ini. Prinsip kita adalah jelas bahawa kita akan meneruskan dasar berbaik-baik dengan semua negara berdasarkan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Bagi kita, Russia amatlah penting ke arah menjana kemajuan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam di masa akan datang kerana pengaruh negara kuasa besar itu amatlah kuat dan berupaya mencorakkan dimensi dan hala tuju dunia sejagat. Dalam erti kata yang lebih luas misi baginda itu menjadi perintis jalan yang lebih konkrit dalam usaha kedua-dua negara membina jambatan kerjasama dua hala yang lebih terbuka dan mendalam.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika lawatan rasmi ke Moscow, Persekutuan Russia semasa mengadakan Sidang Akhbar Bersama dengan Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir Putin bertempat di Red Room, Grand Kremlin Palace pada 7 Jun 2005.

TUAN Presiden, tuan-tuan dan puan-puan daripada akhbar.

Terima kasih Tuan Presiden, di atas ucapan tadi. Ianya adalah satu penghormatan dan beta sangat gembira untuk berada di sini.

Beta ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Presiden dan kerajaan Tuan Presiden terhadap atur cara yang rapi yang telah disediakan untuk lawatan beta dan beta ingin mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada rakyat Russia kerana sambutan yang sangat menggalakkan yang telah diberikan kepada beta. Beta sangat berterima kasih dan merasa dihormati.

Beta juga mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan kerana berada di sini. Beta maklum bahawa biskita semua adalah sangat sibuk membuat laporan terhadap hal-ehwal negara yang besar ini dan beta sangat menghargai terhadap liputan yang telah diberikan terhadap lawatan beta ke negara ini.

Beta maklum bahawa rakyat di Negara Brunei Darussalam juga menghargai perkara ini. Mereka melihat perkara ini sebagai satu tanda yang jelas ter-

hadap persahabatan yang dikongsi bersama oleh negara kami yang kecil dan negara yang besar ini.

Kita memang sangat menghormati Presiden Putin sejak ia datang dan tinggal di negara kami ketika Sidang Kemuncak APEC. Hubungan yang telah diwujudkan sejak di sepanjang tahun 1990-an ini diperkukuhkan lagi kedua-duanya secara dua hala dan juga dengan rakan-rakan di Asia Tenggara dalam ASEAN.

Seperti yang telah beta

RUSSIA
MEMAINKAN
PERANAN
DALAM
HAL-EHWAL
SERANTAU

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris
oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

titahkan kepada Tuan Presiden, kita semua mengalu-alukan sumbangan yang Tuan Presiden dan kerajaan Tuan Presiden sumbangkan dalam pembangunan rantau kita, juga terhadap kestabilan dan perdamaian dalam Asia seluruhnya. Salah satu tujuan lawatan beta ini ialah untuk mengesahkan lagi peranan yang sangat penting yang kami lihat bagi Russia dalam memainkan peranannya dalam hal-ehwal serantau kita. Sekarang ianya meliputi seluruh ruang lingkup kerjasama antarabangsa moden.

Di Negara Brunei Darussalam, kita khususnya sangat gembira untuk mendapat peluang berkongsi pandangan dengan sebuah negara anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap keselamatan, bukan sahaja dalam rantau kami tetapi juga seluruh dunia. Kita berminat untuk membina

cangkan perkara yang kami percayai perspektifnya yang meluas dan mendalam.

Ini, kami percaya, memerlukan kami untuk menimbangkan keselamatan dalam erti kata yang menyeluruh. Kita melihat perkara tersebut sebagai satu faktor yang positif dalam penghidupan seharian rakyat negara kami. Dengan itu kami meletakkan nilai yang sangat tinggi terhadap jenis kestabilan yang menggalakkan keluarga kami dan masyarakat kami memiliki keyakinan diri di masa akan datang.

Kami juga maklum bahawa masa depan ini adalah dalam ancaman, sama ada secara dalaman atau luaran. Memiliki keyakinan, kami merasa, adalah tersedia melalui saling faham-memahami yang lebih baik antara orang, saling kenal-mengenal dan menghormati, saling menghargai kepelbagaian kemanusiaan dan berkongsi pengalaman dan kepakaran antara satu dengan yang lain.

Inilah semangat perbincangan yang beta dan Tuan Presiden Putin bincangkan pada pagi tadi iaitu mengenai semua isu yang timbul dalam pertahanan dan keselamatan. Beta merasa kami telah melangkah selangkah ke hadapan dalam pengukuh hubungan negara kami dalam bidang kerjasama yang sangat penting ini.

Sememangnya, bukan itu sahaja yang telah kami bincangkan.

Ketika kita melihat hal-ehwal serantau dan antarabangsa, kita juga menimbangkan perkara lain, lebih khusus, iaitu aspek kerjasama dua hala. Kita me-

lihat khususnya mencari jalan yang boleh di mana kerajaan dan rakyat Russia mungkin boleh menyertai kami dalam tugasan terpenting utama kami di negara kami.

Perkara tersebut ialah usaha kami untuk membina ekonomi kami dari terlalu bersandarkan kepada industri minyak dan gas. Dalam hubungan ini, kami melihat dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Seperti yang beta titahkan, perkara yang terpenting bagi kami itu sedang dalam peringkat dimajukan. Kami sangat-sangat mengalu-alukan peluang untuk bekerjasama rapat dengan Russia.

Untuk keseluruhannya, beta sangat gembira dengan perbincangan kami pagi ini seperti gembiranya beta untuk berada di sini di Moscow. Beta juga mengalu-alukan bagi lebih banyak peluang untuk melawat kami pada bila-bila masa mereka terluang.

Perkara yang sama juga ditujukan kepada biskita, tuan-tuan dan puan-puan dari akhbar.

Beta mengucapkan terima kasih kerana datang ke sini pada pagi ini dan beta juga ingin mengulangi perkara yang sama kepada biskita. Biskita semua adalah dialu-alukan untuk datang bila-bila masa ada masa terluang.

Sekali lagi, Tuan Presiden, terima kasih beta secara peribadi terhadap persahabatan dan kesudian Tuan Presiden dan penghargaan yang tidak terhingga kepada rakyat negara tuan yang besar ini kerana mengalu-alukan keberangkatan beta.

Terima kasih.

Brunei lahirkan penghargaan
kepada Russia

Dari muka 1

Sehubungan dengan itu, baginda juga melahirkan penghargaan di atas komitmen Russia terhadap perdamaian dan kemajuan di Asia, terutama sekali sokongan negara berkenaan dalam rundingan enam pihak di Korea Utara.

"Seperti yang Tuan Presiden maklum, perkara ini adalah menjadi kebaikan mendalam bagi rakyat kita dan kita mengalu-alukan sumbangan positif yang telah Tuan Presiden tawarkan kepada proses perdamaian berkenaan. Kita juga ingin mengucapkan tahniah terhadap komitmen Tuan Presiden bagi perdamaian dan kemajuan di Asia, khususnya sokongan Tuan Presiden bagi rundingan enam pihak di Korea

Utara," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga melahirkan rasa kegemilangan kerana Russia sebagai rakan dialog bagi hal-ehwal rantau Asia Tenggara.

"Seperti rakan seperjuangan dalam Dialog ASEAN-Russia dan Forum Serantau ASEAN (ARF), kita gembira yang Tuan Presiden melihat diri Tuan Presiden sebagai rakan dalam hal-ehwal serantau yang sama-sama kita kongsi ini," titah baginda lagi.

Terdahulu dalam titah baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan bahawa semenjak mengambil alih semula kemerdekaan secara penuh pada tahun 1984, Negara Brunei Darussalam sentiasa menghulurkan persahabatan yang muhibah dan saling

menghormati semua bangsa.

Negara Brunei Darussalam, titah baginda lagi, ingin bekerjasama dengan semua masyarakat yang mempunyai berbagai-bagai kepercayaan dan memainkan apa jua peranan yang dapat bagi membantu membina kehidupan dunia berasaskan dasar-dasar berkenaan.

"Selepas mengadakan mesyuarat dengan Tuan Presiden dan Menteri-menteri Tuan Presiden dalam beberapa tahun yang lalu, beta maklum bahawa rakyat Persekutuan Russia juga berkongsi kepercayaan ini. Beta dengan ini mengucapkan tahniah kepada Tuan Presiden dan Kerajaan Tuan Presiden terhadap peranan yang telah dimainkan dalam memandu hal-ehwal dunia pada hari ini," titah baginda.

Lawatan rasmi Kebawah DYMM ke Russia

Presiden Putin raikan Kebawah DYMM

Brunei sentiasa hulurkan persahabatan

MOSCOW, RUSSIA, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Malam Rasmi yang diadakan di Alexandra Hall, Grand Kremlin Palace di sini hari ini.

Majlis tersebut diselenggarakan oleh Presiden Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

Baginda berada di Moscow bagi keberangkatan lawatan rasmi selama

Laporan Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn
dari Moscow, Russia

empat hari bermula dari 6 hingga 9 Jun. Lawatan baginda yang julung-julung kalinya diadakan ke negara kuasa besar itu adalah atas jemputan Presiden Russia.

Terdahulu sebelum itu, keberangkatan baginda di-alu-alukan oleh Presiden Putin.

Kebawah Duli Yang

syarakat yang mempunyai pelbagai kepercayaan dan memainkan apa jua peranan yang dapat bagi membantu membina kehidupan dunia berasaskan dasar-dasar berkenaan," titah baginda.

Sehubungan dengan itu, baginda mengucapkan tahniah kepada Presiden Putin dan kerajaan Tuan Yang Terutama atas peranan mereka dalam melaksanakan hal-ehwal seajagat.

Rombongan Negara Brunei Darussalam yang mengahiri majlis tersebut ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Mohamad Yasmin; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Md. Janin bin Erih dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliahkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Keberangkatan ke Tsnitochmash

MOSCOW, RUSSIA, 8 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke 'Special Weapons Firing Range Institute' (Tsnitochmash) yang terletak di Tsnitochmash Firing Range, Bandar Klimok di sini hari ini.

Keberangkatan tiba baginda di institut tersebut telah di-alu-alukan oleh Pengarah Ageng institut berkenaan, Vladimir Ivanov yang juga telah menyampaikan taklimat ke hadapan majlis baginda mengenai perkembangan dan pencapaian institut berkenaan.

Selepas mendengar taklimat, baginda dan rombongan dibawa melawat menyaksikan pameran senjata api dan alat-alat per-

hubungan yang digunakan oleh tentera Russia.

Dari sana, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung untuk menyaksikan aktiviti dan pertunjukan menembak target di luar kawasan khas institut berkenaan dari pelbagai senjata.

Semasa menyaksikan pertunjukan menembak dengan menggunakan peluru hidup, baginda juga berkesempatan berinteraksi bersama beberapa orang jurutera profesional institusi Tsnitochmash.

Apa yang menarik perhatian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri berkenan menguji beberapa jenis senjata menembak target dari jarak 50 dan 100 meter dengan menggunakan pistol dan 'machine gun'.

Kemahiran baginda dalam menembak target telah menarik perhatian Pengarah

Ageng dan pegawai-pegawai kanan institut itu. Baginda yang memang mahir dalam menembak telah berjaya menjatuhkan beberapa target sasaran dengan tepat.

Turut menguji kemahiran menembak target dengan menggunakan 'machine gun' ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliahkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Selepas menghabiskan masa kira-kira 40 minit, baginda dibawa pula menyaksikan cara-cara menembak di dalam air ke arah sasaran (underwater weapons demonstration) oleh seorang ahli penembak tepat institut berkenaan yang terletak tidak jauh dari kompleks institut itu.

Sebelum berangkat me-

ninggalkan Firing Range, baginda diraikan di Majlis Santap Tengah Hari oleh Pengarah Ageng Tsnitochmash.

Di sana baginda berkenan menerima cenderamata dan seterusnya berkenan menandatangani buku pelawat.

Menyertai rombongan baginda dalam lawatan itu ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Mohamad Yasmin; Duta Besar Negara Brunei

Dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh MGIMO University

MOSCOW, 8 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meneruskan lagi atur cara keberangkatan lawatan rasmi ke Moscow, Persekutuan Russia dengan berangkat ke MGIMO University di sini.

Keberangkatan tiba baginda di universiti berkenaan dijunjung oleh Tuan Viktor Antonovich, Rektor MGIMO University dan juga pegawai-pegawai kanan universiti berkenaan.

Sejurus berangkat tiba, baginda kemudian dijunjung berangkat ke Pejabat Rektor di tingkat tiga bangunan universiti berkenaan untuk disembahkan taklimat oleh Rektor MGIMO University.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian dijunjung berangkat ke Majlis Menyembahkan Ijazah Doktor Kehormat MGIMO University yang akan dilangsungkan di Dewan Nombor Satu.

Majlis berkenaan diadului oleh Rektor MGIMO University menyampaikan ucapan dan kemudian mengisytiharkan ke hadapan majlis baginda mengenai pengurniaan Ijazah Doktor Kehormat diikuti kemudian oleh pengurniaan jubah dan topi ke hada-

pan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia disembahkan oleh Ketua Protokol MGIMO University.

Sejurus kemudian, Lagu Kebangsaan Pelajar Antarabangsa dinyanyikan oleh Kumpulan Koir MGIMO University.

Baginda di majlis berkenaan juga berkenan mengurniakan titah penerimaan. Juga hadir ialah ahli rombongan Negara Brunei Darussalam.

MGIMO University adalah sebuah universiti yang berprestij di Moscow dan telah berusia 60 tahun pada tahun lalu. Sejarah penubuhannya bermula pada tahun 1943 apabila Sekolah Hubungan Antarabangsa telah ditubuhkan di Moscow State University. Setahun kemudian, pada 14 Oktober 1944, satu perintah telah ditandatangani untuk mengubah sekolah berkenaan menjadi Institut Hubungan Antarabangsa atau MGIMO University.

Antara pemimpin negara yang telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat dari MGIMO University termasuklah bekas Presiden Republik Indonesia, Puan Megawati Soekarnoputri; Presiden Republik Perancis, Tuan Jacques Chirac; bekas Presiden Republik Filipina, Tuan Fidel Ramos dan beberapa lagi pemimpin dunia yang lain.

Berangkat melawat Zhukhovsky Airfield

MOSCOW, RUSSIA, 8 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Zhukhovsky Airfield bagi menyaksikan demonstrasi aerobatik dari udara oleh jet Shukoi di sini hari ini.

Keberangkatan tiba baginda di Pengkalan Zhukhovsky telah di-alu-alukan oleh Pengarah Ageng Syarikat Shukoi, Pogoyan Michael Hsianovich yang juga telah menyampaikan taklimat ke hadapan majlis baginda mengenai Zhukhovsky Airfield.

Sebelum menyaksikan

pertunjukan aerobatik oleh Pesawat SU-30, baginda mula-mula dibawa melawat sebuah jet pejuang yang bertindak sebagai 'combat training aircraft' BE-2004L di sebuah hangar yang menempatkan pesawat berkenaan. Di sana baginda disembahkan penerangan oleh ketua reka bentuk pesawat berkenaan.

Dari sana, baginda melawat beberapa buah kapal terbang yang digunakan semasa kecemasan bagi tujuan menghantar misi bantuan dan juga beberapa buah pesawat terbang buatan Russia. Baginda juga berkesempatan meninjau lebih dekat sebuah helikopter jenis M4C - Russia RA-06291 yang merupakan sebuah helikopter yang

terbesar di dunia.

Selepas itu, baginda dibawa menyaksikan pertunjukan aerobatik oleh pesawat SU-30 yang menunjukkan aksi yang menarik dan mendebarkan di ruang angkasa Pengkalan Zhukhovsky.

Sebelum berangkat meninggalkan pengkalan tersebut, baginda berkenan menerima cenderamata dan menandatangani buku pelawat.

Pada sebelah malamnya, baginda berkenan pula berangkat ke Bolshoi Theatre bagi menyaksikan persembahan tarian ballet. Terdahulu keberangkatan baginda dijunjung oleh Pengarah Ageng Bolshoi Theatre.

Menyertai baginda di dua acara itu ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Mohamad Yasmin; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Md. Janin bin Erih dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliahkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Berangkat ke Tugu Peringatan Perang

MOSCOW, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memulakan atur cara keberangkatan lawatan rasmi baginda ke Russia dengan berangkat ke Tomb of The Unknown Soldiers yang terletak di Alexanderovskiy Garden di sini.

Keberangkatan tiba baginda di Alexanderovskiy Garden dijunjung oleh Komander Tentera Bandar Raya Moscow dan seterusnya dijunjung berangkat ke sebuah tempat yang di-

angkat dengan diiringi oleh Komander Tentera Bandar Raya Moscow dan didahului oleh Pemerintah Perbarisan Kawalan Kehormatan yang diiringi oleh dua orang anggota tentera yang membawa kalungan bunga menuju Tomb of The Unknown Soldiers.

Setelah kalungan bunga diletakkan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudian menyentuh riben kalungan bunga berkenaan dan berundur tiga tapak ke belakang dan bertafakur seketika.

Sejurus selepas itu Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam dan Persekutuan Russia dimainkan. Baginda kemudian dijunjung oleh Komander Tentera Bandar Raya Moscow untuk menyaksikan kawalan barisan kehormatan berjalan lalu.

Juga turut hadir dalam majlis berkenaan ialah ahli-ahli rombongan Negara Brunei Darussalam yang lain.

Tomb of The Unknown Soldiers merupakan sebuah tugu peringatan perang yang diadadikan untuk tentera-tentera Soviet yang terbunuh ketika Perang Great Patriotic War yang berlaku pada tahun 1941 hingga 1945. Ia terletak di Tembok Kremlin dalam Alexanderovskiy Garden.

Dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat MGIMO University



MENGURNIAKAN TITAH ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan titah sejurus selepas dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh The Moscow State Institute of International Relations (MGIMO University) (atas).

Gambar-gambar oleh Pg. Haji Bahar
Pg. Hj. Omar dan Haji Masmaleh
Haji Mohd. Ali
dari Persekutuan Russia



BAGINDA ketika dipakaikan jubah oleh Ketua Protokol MGIMO University (atas).

DISEBAHKAN CENDERAMATA ... Baginda ketika berkenan disebarkan cenderamata berupa sebuah buku (atas kanan).

DIALU-ALUKAN ... Keberangkatan baginda di MGIMO University dijunjung oleh Rektor MGIMO University, Viktor Antonovich Sadovnichy (kiri).

DISEBAHKAN PENERANGAN ... Baginda disebarkan penerangan oleh Viktor Antonovich Sadovnichy mengenai pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh dunia yang telah dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat (kanan).



DISEBAHKAN TAKLIMAT ... Baginda dengan penuh minat mendengar sembah taklimat ringkas mengenai universiti tersebut oleh Rektor MGIMO University (bawah kanan).

SEBAHAGIAN rombongan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menghadiri Majlis Penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat MGIMO University (bawah).



Keberangkatan ke Tsnitochmash dan Zhukhnovsky Airfield



MENGUJI TEMBAKAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menguji kecekapan menembak target dengan menggunakan pistol ketika berangkat melawat Special Weapons Firing Range Institute (Tsnitochmash).

CENDERAMATA ... Baginda ketika berkenan menerima cenderamata sepucuk pistol yang disumbangkan oleh Pengarah Agung Institut Tsnitochmash, Vladimir Ivanov (kanan).

BAGINDA dengan penuh minat melihat sepucuk pistol sambil menerima sembah penerangan oleh seorang jurulatih di institut berkenaan (bawah kanan).



PENUH MINAT ... Baginda dengan penuh minat menyaksikan cara-cara menembak di dalam air ke arah sasaran (underwater weapons demonstration) oleh seorang penembak.

DIRAIKAN ... Baginda ketika berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang disumbangkan oleh Pengarah Agung Institut Tsnitochmash.



BAGINDA semasa meninjau sebuah helikopter semasa berangkat melawat Zhukhnovsky Airfield.



DISEMBAHKAN TAKLIMAT ... Baginda semasa disebarkan taklimat mengenai Pesawat SU-30 oleh seorang juruterbang pesawat berkenaan selepas membuat pertunjukan aerobatik (kiri sekali).

PENUH MINAT ... Baginda dengan penuh minat menyaksikan pertunjukan aerobatik pesawat terbang buatan Russia iaitu SU-30 di ruang udara Zhukhnovsky Airfield (gambar kiri dan atas).

Anugerah Remaja Putera mempersiapkan belia menyahut cabaran globalisasi

BERAKAS, 26 Mei. - Bengkel Penyelaras Anugerah Remaja Putera yang telah diadakan selama empat hari berturut-turut bermula 23 hingga 26 Mei bertujuan untuk mempersiapkan dan melengkapkan belia bagi menyahut cabaran globalisasi di era yang serba-serbinya memerlukan generasi yang berfikir terbuka secara meluas, berani dan berilmu.

Antara lain program tersebut diadakan ialah untuk memberikan maklumat dan pengenalan awal mengenai Anugerah Remaja Putera kepada pemimpin-pemimpin belia di Negara Brunei Darussalam.

Seramai 52 peserta yang mengikuti Bengkel Penyelaras Anugerah Remaja Putera yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin persatuan belia dan pegawai-pegawai kerajaan yang telah terpilih secara jemputan oleh pihak Jabatan Belia dan Sukan bagi menyertai bengkel tersebut.

Program ini juga merupakan salah satu lagi usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Belia dan Sukan bagi membuka jalan untuk belia bergiat aktif dan melibatkan diri di dalam aktiviti

Oleh Noor khadijah Tengah

ti yang bermanfaat, dengan itu belia akan lebih mengenali diri mereka sendiri dan membentuk keperibadian positif diri belia itu sendiri.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol telah berucap demikian selaku tetamu kehormat di Majlis Penutup Bengkel Penyelaras Anugerah Remaja Putera bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Beliau juga difahamkan bahawa Bengkel Penyelaras Anugerah Remaja Putera merupakan titik permulaan ke arah pelaksanaan Anugerah Remaja Putera yang mana program tersebut telah diadaptasikan Anugerah Remaja bertaraf antarabangsa yang mula diperkenalkan di United Kingdom pada tahun 1956.

Tambahnya, program yang dimaksudkan itu ialah 'The Duke of Edinburgh Award For Young People' dan kemudiannya dikenali pada masa ini sebagai 'International Young People Award' yang sedang dilaksanakan oleh lebih dari 130 buah negara di seluruh dunia.

Menurutnya, bagi mencapai matlamat ini hendaklah memerlukan pemedualian dan sokongan daripada

pelbagai pihak yang relevan dalam mengelilingi hal-hal belia.

Awang Japar menyatakan bahawa penyertaan bengkel ini memang kena pada tempatnya di mana peserta adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin persatuan belia dan juga pegawai-pegawai kerajaan daripada agensi-agensi yang bakal terlibat di dalam sama-sama menjayakan Program Anugerah Remaja Putera itu nanti.

"Bengkel penyelaras ini akan dapat memberikan pendedahan awal dan maklumat mengenai Program Anugerah Remaja Putera kepada agensi-agensi berkenaan dan telah dapat dimanfaatkan oleh peserta untuk bertukar-tukar fikiran serta pendapat di dalam pembentukan penyelaras Program Anugerah Remaja Putera di Negara Brunei Darussalam," jelas Awang Japar.

Beliau berharap program ini akan dapat diaplikasikan dengan berkesan dan berjaya melahirkan belia yang berkeperibadian positif, proaktif dan kaya dengan wawasan seperti yang dihasilkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam di dalam titah baginda semasa Musabiqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara 2005.

Sementara itu, Pengarah Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Puan Wasitah binti Haji Mohammad Yusof berucap bahawa program ini seharusnya dilihat sebagai satu program yang positif dan perlu diwujudkan kerana golongan sasaran utamanya adalah remaja yang berusia 14 - 25 tahun.

Sehubungan dengan itu, beliau menambah, jika program ini diaplikasikan dengan tepat dan betul, pembentukan remaja yang baru bermula dari usia yang masih muda, akan mampu melahirkan remaja dan para belia yang mempunyai nilai-nilai positif sekali gus mampu membentuk pelapis bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negara.

Oleh itu, Puan Wasitah menerangkan bahawa bengkel itu adalah permulaan untuk jalinan kerjasama yang erat antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia melalui program anugerah itu.

"Semoga jalinan yang terjalin ini mampu merealisasikan hasrat Negara Brunei Darussalam menjadi ahli baru dalam Program Anugerah Remaja antara-

bangsa terutama di rantau Asia Tenggara," jelas Puan Wasitah selaku Fasilitator Bengkel Penyelaras Anugerah Remaja Putera.

Dengan itu, beliau memberitahu bahawa pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menyokong sepenuhnya pembentukan program anugerah itu di Negara Brunei Darussalam dan program tersebut akan dapat mengeratkan lagi perpaduan di kalangan negara Asia Tenggara dengan pertukaran idea serta pendapat untuk mereka sama-sama menjadikan remaja aset yang perlu diberi tumpuan untuk masa hadapan negara.

Anugerah yang berprestij ini juga adalah menentukan pencapaian peribadi bagi golongan muda untuk mereka mengenali diri sendiri dalam membentuk diri mereka menjadi golongan belia yang bertanggungjawab, berdisiplin dan berwawasan.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar telah berkesudian bertukar-tukar cenderamata bersama Cik Azura binti Haji Sarbin, Timbalan Rakan Muda, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia serta menyampaikan sijil kepada peserta Bengkel Penyelaras Anugerah Remaja Putera.

39 peserta wanita terima sijil



PENOLONG Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustazah Hajah Noor binti Haji Mohadi semasa menyampaikan sijil kepada seorang peserta. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mei. - Seramai 39 orang peserta yang mengikuti Kursus Fardu Kifayah bagi wanita menerima sijil masing-masing.

Kursus yang berlangsung selama dua hari itu bermula 28 Mei dan berakhir pada 30 Mei adalah anjuran Jame' Asr Hassanal Bolkiah di sini.

Penyampaian sijil kursus disempurnakan oleh Penolong Pengarah Hal Ehwal Ugama, Ustazah Hajah Noor binti Haji Mohadi. Dalam ucapan

Oleh Refa'ah Ali Osman

nya, beliau berharap para peserta kursus dapat memanfaatkan segala yang dipelajari dan kursus seumpama itu akan dapat disasarkan lagi kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Antara lain tujuan kursus berkenaan adalah sebagai usaha menambahkan lagi bilangan penggapai di negara ini.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MENANANGI KERENAH ANAK-ANAK Sambil MELIHAT SUASANA SILAM

sekalinya yang sudah jarang disebut-sebut. Sebab, tindakan susulan terhadap setiap saranan yang dikumandangkan itu adalah amat perlu wujud dalam bentuknya yang tidak sukar untuk diikuti, perlunya penglibatan lebih banyak pihak, perlunya lebih banyak fasilitasi, perlunya penguatkuasaan yang mencukupi dan atas segalanya itu ialah peruntukan yang efisien terhadap projek-projek yang pasti akan keberkesannya setelah mengkajinya dari banyak sudut yang berkaitan.

Yang disebutkan di atas itu adalah antara yang selalu diketengahkan dalam banyak pertemuan baik ia merupakan seminar sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa atau pertemuan-pertemuan khusus mengenai dengan anak-anak, tentang ge-

nerasi baru ataupun bakal pemimpin bangsa dimasa hadapan dan selanjutnya juga tentang hal-hal buruk yang melanda anak-anak, remaja dan belia lelaki dan perempuan yang kini menjadi isu antarabangsa baik tentang penderaan, penyalahgunaan anak-anak yang tidak berdosa termasuk penyeludupan dadah yang menjadikan wang ringgit sebagai kiblat hidup, mahupun segala macam penyakit dan segala macam ancaman yang menjadikan ibu bapa dan penjaga yang bertanggungjawab semakin bertambah gusar.

Sesungguhnya, kehidupan ibu bapa dan penjaga kanak-kanak itu adalah sentiasa mengimpikan agar waris-warisan mereka menjadi yang terbaik. Kemungkinan yang menagih kepada matlamat itu akan sentiasa menjadi fokus pemikiran mereka sehingga

diperjelas lagi melalui usaha-usaha yang dapat dicapai oleh kemampuan mereka. Tetapi pada yang tidak mampu atau kurang daripada yang termampu itu, maka tangan mereka tidak akan sampai menjangkau seperti mana apa yang diharapkan oleh mereka. Namun semuanya itu bergantung kepada hasil di penghujung perjalanan meraih impian itu. Lalu, ada sebahagiannya sampai ke hujung impian, sebahagiannya di pertengahan dan sebahagiannya pula gagal di ketika sedang berada dalam permulaan perjalanan.

Yang berjaya ke hujung perjalanan mencapai impian itu pula, tidak semestinya anak-anak dari mereka yang mampu atau sangat berkemampuan dari segi harta benda dan kewangan bahkan ramai juga daripada mereka yang hidupnya amat sederhana dan ada juga yang langsung tidak punya apa-apa dan melalui azam yang kuat disertai dengan rasa berkebolehan, maka akhirnya puncak yang tinggi itu dapat dicapai jua. Mereka itu semuanya bermula daripada alam anak-anak seperti juga orang lain. Itu adalah gambaran dahulu bagi mereka yang terdahulu itu. Tentulah tidak sama dengan mereka yang ada sekarang ini, apa lagi apabila dilihat kepada keperluan pendidikan dengan banyak disiplin yang perlu diikuti berbanding dengan dahulu yang hanya kira-kira satu peremput daripada apa yang ada dalam beg sekolah yang disikut oleh anak cucu kita sekarang ini. Tetapi, isi beg itu bukan ukurannya, namun kualiti jua adalah pembantu besar kepada persaingan yang perlu diikuti dari masa ke semasa agar tidak menjadi 'penggugur' terkebelakang dan 'kegunaannya' adalah untuk semua musim, apa lagi apabila disertai dengan keikhlasan, kejujuran yang niatnya semata-mata kerana Allah, yang menyayangi makhluk-Nya di muka bumi yang dijadikan-Nya ini.

Akhirnya bahawa kawalan itu adalah masih tetap perlu biar bagaimanapun sibuknya kita, sedikit-tidaknya dengan melalui sepatah dua pesan untuk sentiasa menjaga keselamatan, menghindarkan permusuhan dan penganiayaan, berkecualan baik, tidak menyakiti hati orang, selalu jujur dan amanah, menyenangi dan mengamalkan sifat sabar serta sentiasa mengingati Allah Yang Maha Menjadikan. Hanya kata-kata yang demikian itu sahajalah yang selalu dipesankan kepada anak-pinak orang-orang di masa silam itu. Apakah ianya masih boleh dilakukan sekarang atau kita hanya sekadar berserah hanya kerana kita memikirkan bahawa mereka itu sudah cukup terpelajar dan boleh berfikir dengan baik tanpa memperkirakan 'hati orang muda-muda' sebab kita semua adalah juga pernah muda, sementara anak-pinak kita itu belum 'pernah tua'.



BIMBINGAN budaya berakhlak mulia sentiasa ditanamkan di masa silam. Ia menjadi utap dalam mengharungi kehidupan harian yang sentiasa berubah dari hari ke hari.

SEJAUH ini memang sudah banyak benar diperkatakan orang tentang kerenah anak-anak zaman sekarang yang sukar dilarang sambil cuba-cuba melihat terhadap sebab-musababnya. Banyak yang menekankan bahawa antara punca berlakunya pelbagai kerenah anak-anak itu ialah disebabkan kelalaian ibu bapa atau penjaga anak-anak itu sendiri. Lalu digarispandukan agar ibu bapa atau penjaga anak-anak itu perlulah sentiasa memata-matai dan hendaklah selalu memonitor setiap langkah yang dilalui oleh anak-anak itu. Berikutan dengan itu mungkin ada pelbagai inisiatif yang dilakukan oleh ibu bapa atau penjaga anak-anak itu dalam memastikan anak-anak mereka itu tidak melimpasi garis pandu yang telah ditetapkan itu.

Selain daripada itu tidak kurang pula yang kekurangan upaya baik pada hal-hal yang berkaitan dengan pendekatan disebabkan kurangnya pengetahuan mengenai apa yang disarankan itu mahupun tidak punya waktu atau amat terbatasnya kesempatan untuk berbuat demikian, maka solusi yang ada tidak lain tidak bukan adalah menganggunkan harapan kepada sekolah atau di mana sahaja tempat anak-anak mereka itu belajar. Atau menganggunkan harapan kepada badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan yang ada peranan dalam perkara bimbingan disiplin, membina diri yang boleh menyemai rasa bertanggungjawab terhadap diri sendiri, menanamkan rasa kasih sayang berkeluarga, bermasyarakat, beragama dan berbangsa yang mencukupi kepada banyak bidang terutamanya budaya bangsa, adat resam dan lain-lainnya sehingga dapat memperteguhkan rasa kedirian sebagai anak bangsa itu dan selanjutnya berkembang rasa kebersamaan dan mempercambah rasa tanggungjawab kekitaan yang seiring dengan itu dapat pula memperteguh rasa kebanggaan sebagai anak bangsa itu sendiri dan menjadi tulang punggung kepada keteguhan bangsa yang sentiasa mengarah kepada kecemerlangan yang diidamkan oleh semua orang itu.

Semua disiplin di atas itu, bunyinya amat besar selain sedap didengar, tetapi untuk mencapainya adalah satu hal yang bukan mudah, bahkan ianya akan berlarut-larutan yang seolah-olah ianya tidak punya batas waktu. Sejauh ini, kita hanya mempertemukan susunan kata-kata dengan kekuatannya yang tersendiri, sementara maksudnya tidak berbeza apa yang dikehendaki oleh suasana yang sudah pun beranjak jauh dengan tokoh-tokohnya

Dari meja...

PERTUBUNGAN AWAM

Sumber maklumat untuk biskita

KELOLAAN
JAWATANKUASA PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN KEMENTERIAN
DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KEMENTERIAN KESIHATAN

* 26 Jun 2005: - Simposium Hari Tembakau Sedunia 2005. Maklumat lanjut: Ramlan/Dayang Hajah Hamsah. Tel: 2380989/ 2381640.

* 1st International Anaesthesia, Critical Care Medicine and Pain Conference In Brunei Darussalam. Maklumat lanjut: Hajah Hamsah/Hajah Mahanum. Tel: 2380989/2381640.

PEPERIKSAAN PEGAWAI PERKHIDMATAN
PENTADBIRAN BRUNEI (BAS) DAN
PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DALAM
TANGGAGAJI B2/B2 EB3

* Hari Khamis 23 Jun 2005: - Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Constitution of Brunei Darussalam). - Jam 8.30 - 11.30 pagi.

* Hari Jumaat 24 Jun 2005: - Perintah-perintah Am 1961 dan Peraturan-peraturan Perkhidmatan. - Jam 8.30 - 11.30 pagi.

* Hari Ahad 26 Jun 2005: - Peraturan-peraturan Kewangan. - Jam 8.30 - 11.30 pagi.

* Hari Isnin 27 Jun 2005: - Undang-undang Am Negara Brunei Darussalam (General Laws). - Jam 8.30 - 11.30 pagi.

KECEMERLANGAN MOSCOW JADI PERHATIAN DUNIA

MOSCOW, 8 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah memuji kemajuan yang telah dicapai oleh Russia dalam kecemerlangan akademik.

Baginda bertitah demikian di Majlis Mengurniakan Ijazah Doktor Kehormatan yang berlangsung di MGIMO University di sini.

Menurut Baginda kecemerlangan Russia itu jelas terbukti dengan rekod penyelidikan yang melimpahi smpadan Russia itu sendiri dan juga penubuhan Pusat Pengajian Pasca - Soviet pada awal kurun baru ini yang mana merupakan detik bersejarah dalam pergerakan hal-ehwal antarabangsa dunia.

"Rekod penyelidikan bebas yang panjang oleh institusi ini adalah maklumat lebih dari smpadan Moscow dan Russia itu sendiri. Sumbangan kepada bantuan antarabangsa yang telah dibuat oleh kakitangan akademik yang terkenal adalah sangat terpuji bagi kesungguhan serta kedalaman pengetahuan mereka. Ia juga terkenal khususnya dedikasi mereka bukan sahaja terhadap kecemerlangan akademik tetapi juga keperluan yang mantap terhadap dunia

tempat tinggal kita pada masa kini. Ini dengan jelas terbukti dengan pembukaan Pusat Pengajian Pasca-Soviet pada awal kurun baru ini.

Dalam banyak cara, penubuhan pusat berkenaan mengiktiraf bahawa kita telah mencapai satu detik bersejarah dalam pergerakan hal-ehwal antarabangsa moden. Ia juga mengisytiharkan bahawa komitmen rakyat Russia dalam memainkan peranan penting dalam dunia antarabangsa yang baru yang kita kongsi bersama ini. Usaha yang telah dilakukan di sini telah mengarah kepada pemahaman dunia dan tempat yang terpenting ini yang telah diisi oleh rakyat Russia," titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah bahawa Brunei dan juga seluruh Asia Tenggara, menaruh kepentingan yang tinggi terhadap usaha sedemikian. Cabaran yang sangat mendesak yang telah diwujudkan oleh perkembangan moden sosial dan teknologi hanya dapat dipenuhi dengan jayanya, jika penyelesaian dibentuk atas dasar pengajian yang mendalam dan analisis yang tepat. Tugas inilah yang telah pihak Russia lakukan dan ianya adalah sangat berharga.

"Russia telah membuat kajian yang bagi kami dalam forum politik dan diplomatik menjuknya sebagai 'punca penyebab' terhadap perkara

Oleh Jaafar Haji Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

yang membimbangkan bagi semua orang hari ini. Biskita telah bekerja dalam satu kerja asas yang penting pemahaman antarabangsa yang kita semua harapkan akan menawarkan satu jalan keluar dari kekecewaan dan persegketaan," titah baginda lagi.

Baginda bertitah lagi bahawa kajian sedemikian menawarkan satu asas, tempat terbaik-baik semula bukan sahaja tempatan dan juga perbezaan antarabangsa, tetapi juga konfrontasi yang sudah lama terjadi yang telah membentuk dunia kita yang saling bersandar antara satu dengan yang lain dan juga global ini," titah baginda.

Menyentuh mengenai hubungan rasmi kedua negara, baginda bertitah bahawa Brunei kini lebih berupaya memahami kecemerlangan Russia walaupun mempunyai perbezaan dari sejarah dan epik.

"Hubungan rasmi kita baru sahaja ditubuhkan. Tetapi penghargaan terhadap rakyat Russia dan sejarah epik yang panjang dan pencapaian yang membanggakan dalam banyak aspek usaha manusia yang cemerlang

menjadikan kami lebih berupaya untuk memahami kebanggaan biskita terhadap negara biskita sendiri."

"Bagi kami pula, dengan skala yang kurang epik, juga bangga dengan sejarah panjang dan pencapaian masyarakat kita yang ada dalam negara kami. Mungkin nilai sosial yang mendalam terhadap masa lalu kami telah memberikan kami penghormatan terhadap orang lain, apa jua pun latar belakang mereka, kepercayaan dan agama. Dengan yang demikian, penglibatan tinggi kami hari ini terhadap prinsip-prinsip antarabangsa dalam dialog dan perundingan, tidak kira bagaimanapun usahanya masalah berkenaan, berapa pun panjang prosesnya atau berapa pun hasilnya yang mengecewakan," titah baginda.

Baginda menyatakan dengan berpegang kepada prinsip-prinsip tertentu akan dapat mengekalkan jalan ke arah persahabatan yang tulen dan berpanjangan.

"Ini mencerminkan banyak prinsip-prinsip murni yang telah diajarkan oleh kepercayaan kami. Ini telah

mengarahkan kami pada setiap masa untuk menggunakan sebaik mungkin anugerah manusia untuk mengamalkan bertimbang rasa, memahami dan setia kawan. Dengan yang demikian, kepercayaan kami jalan ke arah perdamaian dan persahabatan yang tulen berpanjangan adalah dengan baik dicapai melalui pertemuan antara orang, saling mengenali dan memahami antara satu dengan yang lain, belajar untuk menghargai antara satu dengan yang lain dan yang terpenting, sentiasa sensitif terhadap kebimbangan antara satu dengan yang lain."

Menyentuh mengenai anugerah Ijazah Doktor Kehormatan yang telah dianugerahkan ke hadapan majlis baginda, baginda menyifatkan ianya adalah satu contoh yang jelas mengenai semangat persahabatan kedua-dua negara dan baginda juga menghargai anugerah tersebut.

"Semangat persahabatan dan muhibah rakyat Russia telah menjadi contoh yang jelas dengan pengantugerahan yang telah diberikan kepada beta hari ini. Beta sangat menghargainya. Beta mengucapkan terima kasih setingginya terhadap penghormatan untuk bersama biskita dan terhadap anugerah dan penghormatan yang telah diberikan kepada rakyat dan negara beta," titah baginda.

Brunei Darussalam ambil langkah bendung wabak Selesema Burung

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Jun. - Dengan berlakunya wabak penyakit Selesema Burung di beberapa buah negara di rantau Asia sejak 2004 hingga sekarang, Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan jabatan-jabatan berkenaan telah membuat beberapa langkah yang bersesuaian untuk membendung penularan penyakit tersebut di negara ini.

Menurut siaran akhbar Jabatan Pertanian, di antara tindakan-tindakan yang telah diambil termasuklah meningkatkan kawalan pemeriksaan di semua pos-pos kawalan kemasukan di negara ini.

"Larangan sementara import semua jenis ayam dan burung serta produk-produk berkenaan dari negara-negara yang terjejas dan yang berisiko tinggi juga dikenakan," jelas siaran itu.

Di samping itu juga, jelas siaran tersebut, Jabatan Pertanian, KPSSU juga menjalankan pemantauan yang berterusan terhadap ternakan ayam di ladang-ladang dan rumah-rumah persendirian serta tempat-tempat kedai haiwan.

"Alhamdulillah dengan berkat kerjasama yang padu daripada orang ramai

yang begitu prihatin dan faham akan risiko bahaya penyakit berkenaan sehingga sekarang Negara Brunei Darussalam masih bebas daripada jangkitan penyakit berkenaan," jelas siaran itu lagi.

Siaran tersebut seterusnya menjelaskan bahawa pihak kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Task Force Kebangsaan Menangani Penyakit-penyakit Zoonik yang di-pengerusikan bersama Setiausaha Tetap KPSSU dan Kementerian Kesihatan.

Sehubungan itu, bagi menghadapi sebarang kemungkinan berlaku wabak penyakit Selesema Burung di negara ini berlaku, satu pelan tindakan telah disediakan sebagai garis panduan bertindak bagi pegawai-pegawai berkenaan.

Ke arah memastikan keberkesanan atau ketepatan pelan tindakan yang disediakan, Jabatan Pertanian dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Perkhidmatan Bomba telah mengadakan latihan bagi menangani wabak penyakit Selesema Burung.

Latihan berkenaan dijalankan di salah sebuah

ladang ternakan ayam di Daerah Brunei dan Muara iaitu kawasan Kemajuan Pertanian Tanah Tua Kulapis.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa latihan pada 9 Jun itu ialah:

* Kawalan kurantin di sekitar kawasan yang terjejas, termasuk jalan masuk dan keluar,

* Kawalan lalu lintas di tempat-tempat berkenaan,

* Pengambilan contoh-contoh untuk dihantar ke makmal rujukan OIE di Australia,

* Pemusnahan ayam yang terjejas, dan

* Penguburan bangkai-bangkai ayam yang terjejas di tempat yang telah disediakan.

Operasi lebih dua jam itu telah dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam hubungan ini orang ramai dinasihatkan supaya tidak akan berasa cemas mengenai perkara itu dan dipohonkan supaya akan memberi kerjasama kepada pegawai-pegawai yang bertugas.

Sehubungan itu orang ramai juga diingatkan agar tidak merasa bimbang mengenai perkara tersebut kerana negara ini masih bebas daripada virus penyakit Selesema Burung.

Kastam ASEAN berperanan realisasikan pengukuhan integrasi, persaingan ASEAN

Oleh Samle Hj. Jait
samle.jait@information.gov.bn

GADONG, 6 Jun. - Kerjasama ASEAN dalam bidang kastam telah lama wujud terutama dalam usaha mengukuhkan integrasi dan meningkatkan persaingan ASEAN justeru itu pentadbiran-pentadbiran Kastam ASEAN, perlu memainkan peranan penting untuk merealisasikan inisiatif tersebut.

Menteri Kewangan II (Kedua) dan Pemangku Menteri Kewangan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Datu Paduka Haji Awang Abdul Rahman perkara itu ketika merasmikan Mesyuarat Ke-13 Ketua-ketua Pengarah Kastam ASEAN di sini.

Menurut Yang Berhormat, pentadbiran-pentadbiran Kastam ASEAN juga telah menyediakan Pelan Strategi Kemajuan Kastam bagi tahun 2005-2010 yang dihasratkan untuk mengharmonikan struktur Kastam ASEAN dan menyediakan perdagangan serta pelaburan di rantau ini.

Strategik Pelan itu telah dikeluarkan pada Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ASEAN Ke-9 di Vietianne, Laos pada April lalu.

Pentadbiran-pentadbiran Kastam ASEAN, tambah Yang Berhormat berperanan besar dalam mempermudahkan pengaliran barang-barang di rantau ini dan dalam waktu yang sama berusaha memerangi penyelu-

dupan, penipuan komersil dan keganasan.

Yang Berhormat percaya, ukuran kemudahan perdagangan, apabila digunakan dengan sempurna akan melengkapi pelaksanaan prosedur-prosedur penguatkuasaan kastam.

Sejak peristiwa 11 September 2001, penekanan yang luas telah diberikan bagi memerangi penipuan komersil, jenayah wang haram (money laundering) dan pembiayaan kepada penganas.

Yang Berhormat berpendapat, penipuan komersil telah menjadi isu lama diselesaikan oleh Pentadbiran-pentadbiran Kastam, Pentadbiran-pentadbiran Kastam perlu meneliti kembali keutamaan-keutamaan dan melaksanakan strategi-strategi, di samping tataraca menangani bagi mengatasi cabaran-cabaran berkenaan.

Sebagai masyarakat dalam ASEAN, peluang-peluang bagi kerjasama dengan rakan-rakan yang berpotensi dalam rantau Asia Pasifik tidak terhad, malah perlu ditingkatkan.

Sehubungan dengan itu, Pentadbiran-pentadbiran Kastam ASEAN secara berterusan mengukuhkan hubungan kerjasama dengan rakan dialog bagi sama-sama meningkatkan kerjasama kastam dan amalan-amalan selaras dengan amalan terbaik antara-bangsa dan piawaian.



MENTERI Kewangan II (Kedua) dan Pemangku Menteri Kewangan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Datu Paduka Haji Awang Abdul Rahman semasa merasmikan Mesyuarat Ke-13 Ketua-ketua Pengarah Kastam ASEAN. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

Yang Berhormat berkata, ia jelas membuktikan rakan kongsi dalam agensi-agensi dan rakan dialog dengan sektor swasta akan benar-benar membantu ASEAN dalam meneruskan kegiatan untuk meningkatkan k erjasama dan integrasi bagi mencapai objektif-objektif yang dihasratkan.

Menurutnya, Yang Berhormat kekuatan itu tidak dinafikan menjadi senjata ASEAN untuk menghadapi cabaran-cabaran yang dibawa oleh global dan teknologi baru di dunia ketika ini.

Mesyuarat dua hari itu diharap memberi faedah bersama kepada Pentad-

biran-pentadbiran Kastam dalam ASEAN, di samping mengukuhkan semangat persahabatan dan solidariti di kalangan pentadbiran-pentadbiran Kastam dalam ASEAN.

Sepanjang mesyuarat itu, para delegasi berbincang mengenai beberapa isu yang menjadi kepentingan bersama, di samping bertukar pendapat dalam membantu memudahkan pentadbiran masing-masing.

Mesyuarat Ketua-ketua Pengarah Kastam ASEAN pertama kali diadakan pada tahun 1993, Negara Brunei Darussalam buat julung kalinya menjadi tuan rumah pada mesyuarat kelima.

Lawatan rasmi Kebawah DYMM ke Russia



Gambar-gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pengiran Haji Omar dan Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BERSALAMAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Alexander Saltanov, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Russia sejurus sebelum baginda berangkat meninggalkan Bandar Raya Moscow bagi meneruskan lawatan ke Saint Petersburg (kiri).

JUNJUNG ZIARAH ... Baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia dengan diiringi oleh Tuan Yang Terutama Md. Janin bin Erih di Kremlin Residence (bawah kiri).

MENGAMINKAN DOA ... Baginda ketika menadah tangan mengaminkan doa sejurus sebelum berangkat meninggalkan Bandar Raya Moscow menuju Saint Petersburg di Kremlin Residence (kanan).



Berita mengenai keberangkatan tiba di St. Petersburg, Majlis Santap Tengah Hari dan Majlis Perpisahan di Moscow dimuatkan di muka 11



DIALU-ALUKAN ... Keberangkatan tiba baginda dan rombongan di Lapangan Terbang Pulkovo - I dialu-alukan oleh Gabenor Saint Petersburg dan pembesar-pembesar Bandar Raya berkenaan.



DIRAIKAN ... Baginda ketika berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang disempahkan oleh Gabenor Saint Petersburg, Puan Yang Terutama Valentina Matviyenko di Restoran Ampire dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu yang menjadi perhatian bersama (atas dan bawah).



BERSALAMAN ... Baginda bersalaman bersama seorang pembesar Bandar Raya Saint Petersburg sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Pulkovo - I.



BAGINDA ketika berangkat turun dari pesawat khas sejurus mendarat di Lapangan Terbang Pulkovo - I bagi mengadakan lawatan sehari ke Saint Petersburg.

Lawatan rasmi Kebawah DYMM ke Russia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menyaksikan koleksi bahan-bahan lukisan dan pameran barang-barang berharga di beberapa buah dewan galeri di Muzium Hermitage di Saint Petersburg (atas dan kiri).



Berita mengenai keberangkatan baginda ke Muzium Hermitage dan Peterhoff Palace dimuatkan di muka 11



BAGINDA menyaksikan buku-buku koleksi Muzium Hermitage sambil disebarkan penerangan oleh M.B. Petrovsky, Pengarah Muzium berkenaan.

BAGINDA ketika berangkat melawat sekitar tempat-tempat yang menarik di Istana Peterhoff dengan diiringi oleh Vadim Znamenov, Pengarah Istana Peterhoff semasa berangkat melawat Saint Petersburg (atas dan kanan).



JUNJUNG ZIARAH ... Baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah Timbalan Pengarah Agung Mariinsky Theatre sejurus baginda berangkat menyaksikan persembahan tarian ballet di theatre berkenaan (bawah).



BERSALAMAN ... Baginda bersalaman bersama Gabenor Saint Petersburg, Puan Yang Terutama Valentina Matviyenko sejurus sebelum baginda berangkat meninggalkan Lapangan Terbang Pulkovo - I, bagi menamatkan lawatan rasmi empat hari ke Persekutuan Russia (bawah).



SEMASA keberangkatan lawatan ke Istana Peterhoff, baginda disebarkan penerangan ringkas oleh Pengarah Istana Peterhoff (atas).

MENGAMINKAN DOA ... Baginda menadah tangan mengaminkan doa bertempat di Astoria Hotel sejurus sebelum baginda berangkat balik meninggalkan Bandar Raya Saint Petersburg (bawah).



Beri kesedaran awal terhadap bahaya HIV/AIDS

Oleh Noor Khadijah Tengah

RIMBA, 9 Mei. - Dekan Pelajar, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Ampuan Haji Ibrahim bin Ampuan Haji Tengah berkata, walaupun HIV/AIDS bukan merupakan ancaman yang besar di negara ini namun langkah-langkah untuk membendungnya seperti memberi kesedaran awal terhadap bahaya HIV/AIDS kepada generasi muda khususnya dan seluruh penduduk amnya adalah penting dijalankan.

Dr. Ampuan Haji Ibrahim menyatakan, matlamat negara adalah melahirkan generasi muda yang berkualiti untuk menjamin kualiti pemimpin dan anggota masyarakat akan datang dengan membekalkan mereka dengan ilmu pengetahuan yang bercorak akademik dan non-akademik.

Dekan Pelajar UBD menyatakan perkara tersebut ketika berucap selaku tetamu kehormat di Majlis Perasmian 'Programme Continuing HOPE' (HIV Outreach Programme) berlangsung di Bilik Kafeteria

(Hijau), Bangunan Hal Ehwal Pelajar, UBD di sini.

Beliau seterusnya menerangkan bahawa 'Programme Continuing HOPE' selama satu hari itu merupakan suatu usaha pihak pengajar untuk membantu pihak kerajaan memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai bahasa HIV/AIDS sekali gus untuk mencegah dan mengurangkan gejala sosial di kalangan remaja di Negara Brunei Darussalam dengan memberikan informasi berkaitan program tersebut kepada seluruh golongan remaja terdiri daripada pelajar sekolah dan penuntut di institusi pengajian tinggi serta mahasiswa dan mahasiswi UBD yang merupakan sasaran utama generasi muda yang berisiko tinggi.

"Saya percaya 'Programme Continuing HOPE' yang diadakan pada hari ini merupakan salah satu usaha yang murni ke arah itu, yang juga merupakan tanggungjawab sosial kita bersama kepada

negara dan bangsa," jelas beliau.

Beliau menyeru dan menasihatkan generasi muda supaya sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat dan sempurna dengan tidak melibatkan diri dengan gejala sosial seperti dadah dan aktiviti-aktiviti tidak bermoral.

Beliau menambah, salah satu cara yang efektif mencegah daripada penyakit HIV/AIDS ialah dengan selalu berpegang kepada ajaran-ajaran agama Islam yang maha suci dan sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wataala, di samping berpegang dan mengamalkan nilai-nilai moral yang tinggi.

Beliau menjelaskan bagi pihak UBD program seumpama itu merupakan suatu acara yang disediakan atas inisiatif oleh beberapa pihak untuk para mahasiswa dan mahasiswi memperluaskan diri dengan informasi-informasi yang penting dan berguna untuk mereka ketahui, di samping mencari pengalaman dalam mengikuti program tersebut.

Jutaan warga dunia mati akibat HIV/AIDS

RIMBA, 9 Mei. - HIV/AIDS merupakan penyakit global yang signifikan terutama sekali dari segi impaknya terhadap masyarakat selain cara penularannya telah membebaskan dan menyebabkan kematian berjuta-juta warga dunia.

Pada akhir tahun 2004, dianggarkan sebanyak 39.4 juta warga dunia hidup dengan HIV/AIDS iaitu 4.9 juta merupakan jangkitan baru termasuk 640 ribu daripadanya di kalangan kanak-kanak manakala rantau Asia Tenggara pula merupakan yang kedua teruk terjejas di dunia melibatkan 7.1 juta penduduk.

Bagi menampung beban penyakit tersebut, tanpa sebarang penawar mahupun vaksin pelindung jangkitan, fokus utama tindakan adalah diuruskan kepada langkah-langkah meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai jangkitan HIV/AIDS dan pentingnya pencegahan dari jangkitan HIV selain peningkatan kesedaran terhadap keperluan mereka yang telah dijangkiti perlu diberikan perhatian.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Mohammad Said menyata-

kan perkara tersebut di Majlis Perasmian Program 'Continuing Hope' (HIV Outreach Programme) berlangsung di Bilik Kafeteria (Hijau), Bangunan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Dr. Hajah Rahmah berkata, pada tahun 2002 dan 2003 Sambutan Hari AIDS Sedunia telah memilih 'Stigmatisation and Discrimination' sebagai tema sambutan bagi menekankan lagi salah satu isu 'kritikal' yang telah banyak menimbulkan kesulitan dan beban kepada warga yang telah dijangkiti HIV/AIDS serta keluarga mereka.

Beliau menambah, HIV/AIDS dikategorikan sebagai penyakit kronik dan adalah penting bagi kita untuk meningkatkan kefahaman mengenai penyakit tersebut dan cara jangkitannya serta langkah yang perlu diambil bagi melindungi diri daripada jangkitan.

Menurut beliau, di Negara Brunei Darussalam kes pertama yang dilaporkan adalah pada tahun 1986 iaitu seramai 26 kes melibatkan penduduk tempatan, manakala kes terakhir

pada bulan Disember 2004 di mana pesakit telah meninggal dunia.

Dr. Hajah Rahmah menyatakan bahawa keramaian kes di Negara Brunei Darussalam adalah di peringkat rendah dibandingkan dengan negara serantau.

Beliau memberitahu, cara jangkitan banyak melibatkan dari segi sikap dan tabiat individu khususnya pergaulan seks bebas, selain penyalahgunaan dadah secara bersuntik juga merupakan faktor yang membimbangkan.

Justeru itu, beliau berharap perhatian berterusan bagi memastikan kedudukan HIV/AIDS di negara ini tidak akan meningkat ialah dengan adanya usaha-usaha dalam meningkatkan kesedaran HIV/AIDS meliputi semua lapisan masyarakat.

Beliau berharap, penyerahan 57 mahasiswa dan mahasiswi UBD dalam Program Kesedaran HIV/AIDS anjuran Bank Standard Chartered itu akan mendatangkan manfaat dalam menaati tanggungjawab bagi melindungi diri dan negara ini dari beban jangkitan HIV/AIDS.



"PENGLIBATAN meluas daripada beliau akan dapat menghindarkan mereka daripada kegiatan yang negatif, di samping memupuk semangat patriotik..." jelas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan.

Ahli jawatankuasa diseru pupuk kerjasama

Oleh Abu Bakar Haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

TUTONG, 1 Jun. - Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi Daerah Tutong diseru supaya memupuk semangat bekerjasama dan bermuafakat dalam mengukuhkan dan melaksanakan apa jua acara yang telah diatur.

Seruan dibuat semasa perjumpaan antara Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi Daerah Tutong rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah di sini.

Pihak jawatankuasa haruslah lebih prihatin dalam menyusun apa jua program dengan mengatur acara-acara yang dikenal pasti mendapat sambutan daripada orang ramai khususnya golongan belia, di samping menghidupkan acara-acara tradisi yang sememangnya mendapat sambutan.

Selain itu Yang Berhormat juga berharap dengan adanya penglibatan meluas daripada beliau akan

dapat menghindarkan mereka daripada kegiatan yang negatif, di samping memupuk semangat patriotik, berpasukan dan bersama-sama menyumbangkan khidmat bakti serta memupuk semangat kecintaan kepada raja dan negara.

Kemuncak acara yang dijangka berlangsung di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim akan dihadiri kira-kira 10 ribu pengunjung yang terdiri pelbagai lapisan masyarakat termasuk murid-murid sekolah.

Menyentuh mengenai masalah yang berbangkit, Yang Berhormat menjelas-

kan agar ianya diselesaikan melalui perundingan dan permuafakatan serta disusuli dengan tindakan, kerana menurut Yang Berhormat, dengan mengamalkan kaedah sedemikian majlis yang akan diadakan itu akan menjadi lebih teratur, sempurna dan meriah serta mengeratkan hubungan lagi perpaduan.

Juga disentuh dalam pertemuan itu termasuklah peranan yang perlu ditonjolkan oleh ahli-ahli jawatankuasa sambutan berkecemasan, Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, pegawai-pegawai kerajaan dan swasta dalam mengemblem tenaga untuk melibatkan seberapa banyak pihak atau kumpulan untuk mewakili daerah tersebut.

Bangunan baru Balai Bomba Lapangan Terbang

Oleh Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

BERAKAS, 9 Jun. - Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bakal mempunyai Balai Bomba yang baru apabila dijangka siap pada bulan Mac tahun hadapan.

Bangunan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 dengan peruntukan \$5.4 juta dengan tempoh pembinaan 12 bulan telah disempurnakan perletakan batu asasnya oleh Timbalan Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Abdul Hamid.

Pembinaan bangunan itu adalah bagi menggantikan bangunan lama Balai Bomba Lapangan Terbang

yang dibina sejak tahun 1974.

Bangunan tersebut dijangka akan menempatkan blok pentadbiran, blok operasi, ruang penempatan kenderaan bomba dan 'casualty clearance centre'.

Dengan terdapatnya kemudahan itu nanti segala pengurusan, perawatan dan penempatan bagi mangsa-mangsa kemalangan dan kecemasan akan lebih teratur serta sempurna, di samping dapat memenuhi tahap perkhidmatan perlindungan keselamatan dan kesejahteraan para pegawai serta kakitangan anggota Bomba Lapangan Terbang.



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof, Timbalan Menteri Perhubungan semasa menuang simen bagi memulakan perletakan batu asas bangunan baru Balai Bomba Lapangan Terbang.

Lawatan rasmi Kebawah DYMM ke Russia

Kebawah DYMM, Presiden Putin adakan perjumpaan empat mata

MOSCOW, RUSSIA, 7 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Presiden Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin telah mengadakan rundingan empat mata bertempat di Green Room, Grand Kremlin Palace di sini.

Baginda berada di Moscow bagi keberangkatan lawatan rasmi selama empat hari bermula dari 6 hingga 9 Jun. Lawatan baginda yang julung-julung kalinya diadakan ke negara kuasa besar itu adalah atas jemputan Presiden Russia.

Dalam perjumpaan tersebut, kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pandangan mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Terdahulu dalam perjumpaan itu, Presiden Putin menegaskan bahawa lawatan rasmi empat hari Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Russia akan meningkatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan yang sedia terjalin antara kedua-dua negara sejak 15 tahun yang lalu.

Tuan Yang Terutama menyifatkan, lawatan baginda yang julung-julung kali ke sini sungguh bermakna dan mempunyai

signifikan dalam usaha Bandar Seri Begawan dan Moscow ke arah menjalin hubungan dua hala serta berusaha menggiatkan lagi pelbagai kerjasama di masa akan datang.

Selepas mengadakan perjumpaan tersebut, baginda dan Presiden Putin mengetahui delegasi masing-masing di Mesyuarat Plenari Dua Hala yang diadakan di Red Room, Grand Kremlin Palace.

Sebelum mengadakan mesyuarat itu, baginda diperkenalkan kepada delegasi-delegasi Persekutuan Russia. Sementara Tuan Yang Terutama diperkenalkan kepada delegasi Negara Brunei Darussalam.

Dalam perjumpaan yang diadakan dengan penuh kemessan itu, kedua-dua pemimpin meneruskan perbincangan mengenai cara-cara meningkatkan lagi hubungan di antara Bandar Seri Begawan dan Moscow.

Di akhir mesyuarat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menjemput Tuan Yang Terutama Presiden Putin membuat lawatan ke Negara Brunei Darussalam.

Presiden Putin dalam jawabannya, menerima baik jemputan berkenaan yang mana lawatan itu akan dilakukan pada tarikh yang akan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Rombongan Negara

Brunei Darussalam yang menyertai mesyuarat tersebut terdiri dari Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Paduka Lim Jock Seng; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Mohamad Yasmin; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Md. Janin bin Erih dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.

Selepas mesyuarat itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menghadiri Sidang Akhbar bersama Presiden Putin.

Dalam sidang akhbar itu, baginda melahirkan penghargaan kepada Presiden Putin, kerajaan dan rakyat Russia terhadap sambutan mesra dan layanan baik yang diberikan sepanjang lawatan baginda ke Russia.

"Lawatan ini adalah petanda bagi persahabatan yang baik yang dikongsi bersama Negara Brunei Darussalam, sebuah negara kecil dengan Russia, sebuah negara yang besar," titah baginda.

Melawat muzium terbesar di dunia

SAINT PETERSBURG, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat melawat Muzium Hermitage, muzium terbesar di dunia yang terletak di tengah-tengah Bandar Raya Saint Petersburg.

Keberangkatan tiba baginda di muzium berkenaan telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengarah Muzium Hermitage, M. B. Petrovsky dan pegawai-pegawai kanan muzium berkenaan.

Baginda menghabiskan masa lebih 45 minit untuk menyaksikan keindahan muzium berkenaan dengan dibawa melawat ke beberapa dewan galeri yang sungguh indah dan menakutkan.

Muzium Hermitage merupakan muzium yang terbesar di Russia. Ianya mengandungi nilai-nilai

artistik yang sangat besar antaranya ialah Rumah Kesenian Harta Karun Louvre, Galeri Kebangsaan, Metropolitan dan el Museo del Prado.

Muzium tersebut mengandungi lima bangunan besar, empat daripadanya membentuk ciri-ciri yang cemerlang - Tambak Dvortsovaya (Palace).

Sementara itu, bangunan monumen Hermitage Baru (arca L. Klenze dengan V.P. Stasov dan N.E. Efimov) merupakan bangunan pertama yang didirikan khas sebagai muzium.

Sekarang ini, Galeri Lukisan mempamerkan karya-karya Raphael dan Leonardo da Vinci, Titian dan Murillo, Rubens dan Rembrandt, Picasso dan banyak lagi.

Seni arca dari negara Eropah juga paling banyak dipamerkan di muzium tersebut.

Di samping itu, Muzium Hermitage juga memperkayakan kebudayaan Purba Mesir, China, Teluk Parsi

dan Byzantium dengan lebih 70 ribu barang-barang purba Roman dan Greek juga dipamerkan.

Sebelum berangkat meninggalkan muzium berkenaan, baginda berkenan menandatangani buku pelawat.

Terdahulu sebelum itu, baginda telah diraikan di Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Gabenor Saint Petersburg, Puan Yang Terutama Valentina Matviyenko yang diadakan di Restoran Ampire.

Sebelum Majlis Santap bermula, baginda dan Gabenor Saint Petersburg telah bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu yang menjadi perhatian bersama.

Hadir sama di Majlis Santap itu ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock

Lawatan ke Russia mercu tanda hubungan dua hala

SAINT PETERSBURG, RUSSIA, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menamatkan lawatan empat hari ke Persekutuan Russia atas undangan Tuan Yang Terutama Vladimir Putin, Presiden Russia.

Dalam siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan di sini sejurus sebelum keberangkatan balik baginda, menegaskan bahawa lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu menandakan mercu tanda dalam sejarah hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia kerana ini merupakan lawatan rasmi pertama semenjak kedua-dua buah negara menjalin hubungan diplomatik pada 30 Oktober 1991.

Menurut siaran akhbar itu lagi, semasa baginda mengadakan perjumpaan dengan Presiden Putin, kedua-dua pemimpin telah membincangkan cara

Laporan
Jaafar Haji Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
dan Hj. Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

meningkatkan hubungan dua hala dan bertukar-tukar pandangan mengenai hal-ehwal serantau dan antarabangsa.

Semasa lawatan bersejarah itu, kedua-dua belah pihak, telah menyatakan hasrat kedua-dua pemimpin untuk mengukuhkan hubungan persahabatan dan kerjasama kedua-dua negara berdasarkan prinsip saling hormat-menghormati terhadap kedaulatan, tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalaman dan persamaan hak masing-masing.

Kenyataan bersama itu melahirkan rasa puas hati kedua-dua pihak mengenai perkembangan hubungan dua hala sejak tertubuhnya hubungan diplomatik 15 tahun yang lalu.

Dalam hubungan ini, kedua-dua negara telah menyatakan kesediaan untuk meningkatkan usaha

dalam meluaskan kerjasama melalui perundingan di antara Kementerian-kementerian Hal Ehwal Luar Negeri masing-masing.

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dan mencari jalan perlu dalam membanteras secara menyeluruh jenayah tanpa sempadan.

Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia mengulangi kutukan mereka terhadap keganasan antarabangsa dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun. Bandar Seri Begawan dan Moscow bersedia untuk meningkatkan kerjasama dalam membanteras keganasan ini.

Sebelum berangkat ke Lapangan Terbang Pul'kovo - I, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri

Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar ke hadapan majlis baginda ialah Gabenor Saint Petersburg, Puan Yang Terutama Valentina Matviyenko; Tuan Yang Terutama Andrey A. Tatarinov, Perutusan Menteri Khas kepada Negara-negara ASEAN dan Negara-negara di Laut Pasifik Selatan; Tuan Yang Terutama Md. Janin bin Erih, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Persekutuan Russia; Tuan Yang Terutama Alexander Alexeevich Karchava, Duta Besar Persekutuan Russia ke Negara Brunei Darussalam dan Mikhail E. Timoshkin, Ketua Protokol Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Russia serta beberapa orang kenamaan Saint Petersburg.

Berangkat melawat Bandar Raya St. Petersburg

SAINT PETERSBURG, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Bandar Raya Saint Petersburg yang terletak di Utara Russia bagi destinasi terakhir dalam lawatan rasmi baginda ke Persekutuan Russia.

Sebelum berangkat ke bandar raya itu, doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz, Mufti Kerajaan bertempat di Kremlin Residence,

tempat persemayaman baginda sepanjang tiga hari berada di Moscow.

Hadir di Lapangan Terbang Vnukovo - II untuk menyambut selamat belayar ke hadapan majlis baginda ialah Tuan Yang Terutama Alexander Sal'tanov, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Russia.

Sebelum menaiki pesawat khas, Majlis Perpisahan telah diadakan di mana baginda telah berkenan menerima kawalan perbarisan kehormatan tentera laut, darat dan udara Persekutuan Russia.

Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Pul'kovo - I di Saint Petersburg

dialu-alukan oleh Gabenor Saint Petersburg, Puan Yang Terutama Valentina Matviyenko. Juga mengalu-alukan ialah Wakil Rasmi Presiden Persekutuan Russia di Wilayah Persekutuan Barat Laut, Tuan Vadim A. Tulpanov, Ketua Majlis Perwakilan dan Tuan Alexander V. Prokhorenko, Pengerusi Jawatankuasa Hubungan Luar dan Pelancongan Saint Petersburg.

Sepanjang sehari berada di bandar raya itu, baginda berangkat melawat Muzium Hermitage, Istana Peterhoff dan menyaksikan persembahan tarian ballet di Mariinsky Theatre.

Melawat Peterhoff Palace

SAINT PETERSBURG, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini meneruskan lagi lawatan rasmi dengan berangkat melawat Peterhoff Palace.

Keberangkatan tiba baginda di Peterhoff Palace dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengarah Muzium.

Sejurus sebelum berangkat bagi lawatan ke sekitar muzium, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung untuk menandatangani buku pelawat. Sejurus selepas itu, baginda kemudian berangkat bagi lawatan ke sekitar muzium.

Peterhoff Palace merupakan sebuah kawasan yang terdiri daripada beberapa

buah muzium klasik yang bergemerlapan dengan bahan antik dan perhiasan yang menakutkan. Bahan-bahan yang dipamerkan terdiri daripada barangan yang berusia sehingga dari kurun kelapan belas hingga ke sembilan belas. Muzium ini bukan sahaja terkenal dengan hiasan dalaman yang unik tetapi juga dihiasi dengan pameran hasil karya lukisan dan cat oleh pelukis-pelukis Russia.

Tarikan utama muzium ini ialah Great Palace atau dikenali juga sebagai Istana Musim Panas mula dibina pada tahun 1714 dan diubah suai pada 1747 hingga 1754. Seni bina bangunan istana yang indah dan unik dan berwarna biru laut asalnya kediaman Permaisuri Catherine The Great. Ia juga adalah kediaman raja terakhir Russia, Nicholas II

dan keluarganya. Ia direka sedemikian rupa yang mencerminkan kemegahan dan keagungan Raja Russia ketika itu, Peter The Great.

Ketika musim panas dan musim bunga, air pancutan menghiasi taman yang hijau dan dihiasi arca, menambahkan lagi keindahan kawasan sekitar istana berkenaan.

Sebuah lagi tempat menarik dan unik dalam sekitar muzium ini ialah Monplaisir Palace yang terletak berdekatan dengan Great Palace. Di sinilah terletak galeri gambar pertama yang diasaskan oleh Raja Alexander The Great yang mempamerkan lukisan daripada hasil laut.

Antara tempat-tempat lain yang menarik dalam sekitar kawasan Peterhoff Palace ini termasuklah Marly Palace dan juga Lower Park.



KEBERANGKATAN LAWAN RASMI KE PERSEKUTUAAN



PERTEMUAN DUA PEMIMPIN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir Putin, Presiden Persekutuan Russia sejurus sebelum kedua-dua pemimpin mengadakan pertemuan empat mata (kiri).

DISEMBAHKENALKAN ... Baginda disembahkenalkan kepada Menteri-menteri Kabinet Russia sejurus sebelum baginda dan Presiden Putin mengetuai delegasi masing-masing di Mesyuarat Plenari Dua Hala di St. Catherine Hall, Grand Kremlin Hall (atas).

K E
B
A
N
Pertuan
mengad
ma emp
Preside
Vladim
meliputi
Sema
mengada
Persekut
Putin, m
Mesyuar
Russia y
adakan S
Semp
baginda
Malam
Persekut
Putin.
Selan
'Russian
bunga.

Peng
da



SIDANG AKHBAR BERSAMA ... Baginda dan Presiden Vladimir Putin semasa mengadakan Sidang Akhbar Bersama di Red Room, Grand Kremlin Palace (atas).

DIKENALKAN ... Presiden Russia ketika bersalaman bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (atas kanan).



PENGHORMATAN ... Baginda ketika berkenan meletakkan kalungan bunga di hadapan Tugu 'Russian Unknown Soldier' Alexanderovskiy (kiri).

BARISAN KEHORMATAN ... Baginda ketika berkenan menyaksikan kawalan barisan kehormatan selepas baginda meletakkan kalungan bunga (atas).

TAN RUSSIA

H Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Haji Hassanal Bolkiah bin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Maulana Brunei Darussalam telah berangkat ke Persekutuan Russia selektari 6 hingga 9 Jun lalu atas undangan Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Menteri Kewangan dan Perdagangan Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Menteri Kewangan dan Perdagangan Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Menteri Kewangan dan Perdagangan Brunei Darussalam.

Baginda di Moscow, baginda telah berangkat ke Persekutuan Russia untuk pertemuan empat mata bersama Presiden Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin. Deputi delegasi Negara Brunei Darussalam di Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Menteri Kewangan dan Perdagangan Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Menteri Kewangan dan Perdagangan Brunei Darussalam.

Baginda ke Persekutuan Russia, baginda telah berangkat ke Persekutuan Russia untuk pertemuan empat mata bersama Presiden Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin. Deputi delegasi Negara Brunei Darussalam di Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Menteri Kewangan dan Perdagangan Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Menteri Kewangan dan Perdagangan Brunei Darussalam.

Baginda juga telah berangkat ke Tugu 'Russian Unknown Soldiers' bagi meletakkan kalungan bunga.

ambar-gambar oleh
Haji Bahar Pengiran Haji Omar
Masmaleh Haji Mohd. Ali



BERTITAH ... Baginda ketika bertitah di Majlis Santap Malam Rasmi yang disempakan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Vladimir Putin sempena lawatan rasmi baginda ke Russia yang diadakan di Grand Kremlin Palace (atas).

BERBUAL MESRA ... Baginda ketika berangkat menyaksikan persembahan Russian Ballet di Bolshoi Theatre (kanan).

BAGINDA dengan dilirungi oleh Mejar Jeneral Alexander Nikolayevich Denisov, Komander Tentera Bandar Raya Moscow menuju ke Tugu 'Russian Unknown Soldiers' dengan didahului oleh dua orang tentera membawa kalungan bunga (bawah kanan).



BAGINDA dan Presiden Vladimir Putin berjalan beriringan sejeurus sebelum kedua-dua pemimpin mengetuai delegasi masing-masing di Mesyuarat Plenari Dua Hala (atas).

MESYUARAT PLENARI DUA HALA ... Baginda dan Presiden Vladimir Putin ketika mengetuai delegasi masing-masing di Mesyuarat Plenari Dua Hala Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia (bawah dan bawah kanan).



Pasaran tempatan, pertumbuhan penduduk yang kecil dan kos buruh yang tinggi

PENYEBAB KURANG PENGUSAHA DI BRUNEI



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair (tiga dari kanan) ketika hadir di Majlis Sesi Dialog Mengenai Cabaran-cabaran Perniagaan - Impak Dasar Tempatan dan Serantau anjuran Pusat Pengurusan ASEAN-EC. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

GADONG. - Negara Brunei Darussalam telah berusaha untuk mempelbagaikan ekonomi ketika Kadar Pendapatan Kasar Negara (GDP) masih lagi diperolehi sebahagian besarnya oleh industri minyak dan gas sejak lebih dua dekad.

"Kekurangan pengusaha di Negara Brunei Darussalam adalah disebabkan daripada kecilnya pasaran tempatan, sektor awam yang dominan, pertumbuhan penduduk yang kecil, kos buruh yang tinggi dan yang masih hangat dibincangkan ialah minat yang rendah di kalangan penduduk untuk mempelopori apa yang dianggap sebagai sebahagian kecil orang sebagai arena yang tidak diketahui," jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair ketika memberi ucapan dalam Sesi Dialog Mengenai Cabaran-cabaran Perniagaan - Impak Dasar Tempatan dan Serantau anjuran Pusat Pengurusan ASEAN-EC pada 16 Mei lepas.

Yang Berhormat menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa menggalakkan tanpa mengira apa pun kepada pertumbuhan sektor awam dan melihatnya sebagai satu penjana pertumbuhan bagi masa depan.

Kerajaan telah berusaha tanpa henti untuk merealisasikan pemelbagaian ekonomi negara termasuk menerusi industri agro dan penubuhan Pusat Pertanian Sinaut dan Projek Inkubasi bagi melatih pengusaha tempatan.

Pelbagai rancangan latihan juga telah diwujudkan dan dilaksanakan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) melalui Rancangan Inkubasi Perniagaan Membentuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) tempatan agar lebih mahir dengan mempunyai pengetahuan asas keusahawanan, kepakaran dan keupayaan untuk membolehkan mereka lebih terpacu kepada pasaran dan lebih kompetitif.

Rancangan pembentukan kepakaran bagi pengusaha muda juga dibentuk dan dilaksanakan oleh sektor awam dan pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk Projek LiveWIRE yang dianjurkan

oleh Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) dan Rancangan Usahawan Muda oleh Persatuan Pengusaha Muda, di samping peruntukan bagi Perkhidmatan Skim Mikro Kredit SME oleh Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) merupakan satu lagi contoh usaha kerajaan untuk mendukung industri tempatan.

Ketika ekonomi mengalami krisis kewangan pada tahun 1999, kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak \$200 juta sebagai pakej penyelamat untuk menyelamatkan SME dan kerajaan juga telah melabur sekitar \$50 juta melalui Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dalam usaha untuk mewujudkan industri tempatan.

Pada tahun 2002 pula, kerajaan telah melaksanakan Projek e-Kerajaan yang menjanjikan \$1 bilion dalam pelaburan pembangunan infrastruktur dan perbelanjaan awam.

Sehubungan dengan itu, beberapa sektor barangan dan Perkhidmatan Awam (PA) juga telah dikenal pasti sebagai potensi untuk dipelopori bagi penswastaan, pengkomersilan atau perkongsian sektor awam.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 juga menekankan kepada perkembangan sosioekonomi yang seimbang dengan peluasan pembangunan sumber tenaga manusia, pewujudan perdagangan melalui penggalakan pelaburan dalam dan luar negara termasuk menggalakkan perkhidmatan kewangan dan pelancongan serta penggunaan meluas teknologi infokomunikasi (ICT).

"Dalam usaha kita berterusan untuk mempelbagai ekonomi, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei telah mengenal pasti dua projek utama untuk menarik Pelaburan Terus Asing (FDI) dan

Oleh Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn
dan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

menggalakkan penubuhan industri ke depan yang bernilai tambah iaitu Memajukan Pulau Muara Besar dan Industri Ke Depan Petrokimia di Sungai Liang," jelas Yang Berhormat.

Pada masa yang sama, kerajaan telah juga menekankan ke arah kemajuan pembangunan luar bandar yang seimbang dan terarah melalui agensi yang berkecuali dengan melibatkan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dalam memperkukuh aktiviti ekonomi dan pertanian serta menggalakkan pelancongan dengan mempermudahkan kemasukan ke tempat-tempat yang menarik.

Yang Berhormat percaya peranan kerajaan sebagai pemudah cara akan menjadi penyumbang

utama yang dapat ditawarkan oleh PA dalam menyediakan bantuan yang perlu bagi kemajuan negara dan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 jelas mementingkan usaha ke arah perkembangan berterusan negara melalui beberapa strategi.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai rancangan penjejajaran yang bertujuan untuk menggerakkan beberapa kementerian dan jabatan ke arah objektif yang menyeluruh dan usaha sama ke arah ketelusan bersama agensi kerajaan bagi menggalakkan perkhidmatan yang efisien dan lebih dipercayai.

"Projek e-Kerajaan termasuk pemakaian ICT me-

langgan dan perniagaan termasuk menyumbang kepada aspek sosioekonomi negara dengan membenarkan lebih banyak peluang kerja dalam bidang ICT," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambahkan, usaha bersepadu untuk mengurangkan birokrasi kepada 'permaidani merah' dalam PA adalah juga langkah untuk menjadikan PA lebih efisien dan berkesan yang akan memberi kesan dalam pembangunan SME dan SMI di negara ini termasuk menggalakkan keyakinan pelabur yang lebih tinggi.

"Peranan kerajaan sememangnya tidak terhad kepada keefisienan dalam PA sahaja," Yang Berhormat berkata pembentukan dan pelaksanaan persekitaran dasar yang kondusif bagi perniagaan akan menyentuh hampir semua aspek pengurusan sektor awam.

Menurut Yang Ber-

hormat, rangka kerja perundangan yang tersusun bagi kewangan, pelaburan, pengurusan korporat, persaingan dan hak cipta sudah pun menjadi suatu kemestian yang sudah terwujud bagi sebuah masyarakat yang mempunyai budaya keusahawanan yang berkembang, di samping itu, dasar sosioekonomi yang berhubung kait dengan buruh, kebajikan, kesihatan, pendidikan dan keselamatan mempunyai kesan yang terus tidak hanya ke atas rakyat negara ini, malah melibatkan keupayaan kita untuk menarik pelabur asing dan tenaga manusia yang berkepakaran bagi mempermudah proses pemindahan teknologi pengetahuan kepada tenaga kerja anak tempatan.

"Kita menyedari bahawa halangan kepada perniagaan masih wujud dan kita perlu melihat halangan-halangan berkenaan

pada dasar apa, peraturan dan amalan itu terhalang, pertumbuhan dan pengantarabangsaan SME yang kita bina secara tempatan," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu, kata Yang Berhormat, suatu pendekatan yang bersama dengan tidak hanya menyediakan satu persekitaran yang kondusif bagi perkembangan keusahawanan diperlukan, tetapi perlu menanamkan budaya keusahawanan di kalangan orang Brunei melalui penubuhan infrastruktur yang lebih berasaskan dukungan pengetahuan yang penting bagaimana cara terbaik untuk menerima cabaran dan bergerak melangkaui sempadan serta berupaya memberi tindak balas dengan tepat dan cepat kepada apa jua perubahan pasaran serantau dan global dengan menjadikan diri mereka bersedia untuk menghadapi ketidakpastian dalam perniagaan.

Sektor awam perlu rancang pembangunan jangka panjang

GADONG. - Menangani cabaran yang dihadapi oleh sektor awam adalah sangat perlu dalam rancangan pembangunan jangka panjang yang akan datang, di mana akan memandu pertumbuhan negara bagi tempoh 30 tahun akan datang.

Perancangan masa depan bagi sederhana dan jangka panjang bertujuan untuk membuat anjakan kepada ekonomi yang dipandu oleh sektor awam dengan tidak lagi bersandarkan kepada minyak dan gas sebagai sumber utama pendapatan negara.

Perkara itu dijelaskan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair ketika memberi ucapan dalam Sesi Dialog Mengenai Cabaran-cabaran Perniagaan - Impak Dasar Tempatan dan Serantau anjuran Pusat Pengurusan ASEAN-EC, pada 16 Mei lepas.

Mula-mula Yang Berhormat menjelaskan kebanyakan kerajaan di Asia kini berhadapan dengan dua cabaran utama iaitu pewujudan kerja dan pewujudan struktur perindustrian tempatan yang kompetitif dalam arena antarabangsa di dunia global.

Dalam banyak negara Asia, sektor awam telah mengekalkan peranannya sebagai pengimbang sama ada secara sosial, ekonomi atau politik sehingga kebanyakan barangan dan Perkhidmatan Awam (PA) masih disediakan oleh sektor berkenaan dengan memastikan ekuiti dalam penyerahannya dan peruntukan, di samping menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi yang aktif secara ekonomi.

"Menentukan peranan sesebuah negara da-

lam ekonomi kebangsaan bukanlah satu isu yang baru dan ia telah membawa bersamanya di mana satu perdebatan yang berlanjutan terhadap tanggungjawab negara berhubung dengan ekonomi," ujar Yang Berhormat.

"Adakah negara bertanggungjawab untuk menentukan permintaan yang mana akan dipenuhi oleh PA atau adakah permintaan akan lebih memuaskan oleh individu yang bertindak sebagai ejen awam atau peniaga yang bermotivasi dengan kepentingan persendirian? Atau adakah campur tangan kerajaan ke dalam ekonomi akan menggalakkan atau menghalang keupayaan permintaan dan penyertaan perniagaan awam?" jelas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, banyak 'neo liberals' pada tahun 80-an, PA tidak pernah efisien dan berkesan dalam melaksanakan janjinya, malah mereka bertelagah bahawa salah satu keistimewaan ekonomi pasaran kapitalis ialah keupayaannya untuk membawa pertumbuhan kekayaan awam di mana dalam keadaan operasi biasanya dan ketika ketiadaan peraturan dari luar, pasaran berkenaan memastikan penggunaan sepenuhnya kekayaan masyarakat.

Secara teori, pasaran yang tidak dipantau tetapi mempunyai peraturan sendiri akan menggalakkan pertumbuhan kekayaan masyarakat dan mencapai efisien yang besar serta keberkesannya dalam menyediakan barangan orang awam.

Perkembangan dan penerimaan ekonomi berasaskan pasaran juga menunjukkan kemunculan SME yang rancak dalam dunia yang sedang membangun. SME selalunya dianggap se-

bagai suatu yang baik dalam mewujudkan pekerjaan dan menyediakan sumber utama bagi pembaharuan struktur perindustrian yang kompetitif di mana fokus perkembangan SME sering dipandu oleh pemelbagaian ekonomi, tingginya pengangguran, pengubahsuaian saiz pertumbuhan dan defisit kerajaan.

Bagaimanapun, pengajaran daripada negara-negara yang sedang membangun berkenaan sektor awam yang biasa, peraturan buruh yang sempit, pencukaian yang tinggi dan kos keselamatan sosial yang tinggi mempengaruhi aktiviti perdagangan dilihat sebagai suatu yang tidak menggalakkan dan menghalang orang ramai dari menimbangkan untuk memulakan perniagaan sendiri.

Lebih penting lagi bagi negara-negara yang sedang membangun yang tidak menggalakkan pelaburan asing dalam pertumbuhan SME. Ketika waktu perubahan kepada ekonomi yang lebih berasaskan pasaran, negara yang lebih membangun akan melihat pemindahan yang rancak dalam penyediaan barangan awam dan juga perkhidmatan dari negara kepada peniaga.

Pada masa yang sama peruntukan di sektor awam juga dikurangkan dan dipotong tetapi pada 20 tahun kemudian, negara yang membangun memiliki perdagangan yang bernilai lebih dari AS\$7.700 bilion.

"Rantau kita ini sendiri telah membangun dengan rancak sejak krisis kewangan pada awal tahun 90-an. Apa yang kita panggil sebagai 'Harimau Asia' telah pun pulih dan Bank Pembangunan Asia baru-baru ini melaporkan



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bergambar ramai bersama para pembentang kertas kerja di Sesi Dialog Cabaran-cabaran Perniagaan - Impak Dasar Tempatan dan Serantau anjuran Pusat Pengurusan ASEAN-EC. - Gambar oleh Pengiran Haji Bahar Pg. Hj. Omar.

Dari muka 14

Menurutnya, ia juga diramalkan bahawa negara-negara Asia akan menikmati pertumbuhan agregat kasar produk dalam negara (GDP) sebanyak 6.5 peratus tahun ini dan sehingga 6.9 peratus menjelang 2007.

Asia juga telah menunjukkan sokongan yang kuat bagi sistem perdagangan pelbagai hala, dengan komitmen yang kuat kepada ekonomi Asia yang lebih berintegrasi dan terbuka.

Sebagai satu contoh ialah kemasukan Republik Rakyat China dan Taiwan ke dalam WTO pada tahun 2001 adalah langkah penting dan tindakan ASEAN untuk menjadi kumpulan perdagangan bebas menjelang 2005 serta komitmennya untuk terlibat dalam Perjanjian Perdagangan Bebas dengan beberapa buah rakan serantau.

"Ini juga telah dilihat dalam komitmen yang lebih meluas negara-negara anggota APEC kepada perdagangan bebas sebagai sebuah negara ekonomi yang lebih lanjut menjelang 2010 dan bagi semua negara anggota untuk mempertingkatkan interaksi, perdagangan, pelaburan dan persaingan dalam rantau ini," tambah Yang Berhormat.

Dalam dekad yang lalu, telah terdapat perubahan teknologi dan struktur yang mantap yang mana telah mempermudah bagi SME untuk ikut serta dalam ekonomi antarabangsa apalagi kemajuan dalam ICT khususnya internet, telah menjadi faktor utama dalam mempermudah aliran maklumat dan memperluas potensi pasaran firma yang kecil.

Kerajaan Asia telah bekerja keras untuk mengurangkan halangan-halangan bagi aktiviti perniagaan antarabangsa kedua-duanya di peringkat global dan khususnya peringkat serantau seperti APEC, AFTA dan BIMP-EAGA.

Bagi kebanyakan perniagaan, kata Yang Berhormat, memasuki pasaran antarabangsa adalah suatu yang sangat strategik bagi kelanjutan perkembangan dan saingan agar mereka dapat memasuki ke pasaran global yang boleh membantu mereka merealisasikan potensi bagi firma yang mempunyai perkembangan masa depan yang tinggi dan sering menjadi langkah strategik yang perlu bagi SME dengan memiliki pelaburan yang besar.

Melihat kepada perkembangan ini, beliau menambah, potensi bagi memasuki pasaran Asia adalah sangat menggalakkan dengan rakyat Republik Rakyat China yang berjumlah 1.29 bilion orang sementara India lebih satu bilion dan penduduk ASEAN pula seramai kira-kira 537 juta orang dengan nilai dagangan AS\$758.7 bilion ringgit Amerika.

Kerajaan negara-negara Asia yang sedang membangun sememangnya berhadapan dengan perubahan dasar yang besar dalam usaha untuk merebut potensi faedah ekonomi global dari semua perdagangan mereka, khususnya sektor SME di mana potensinya sahaja tidak mencukupi untuk menarik pelabur asing.

Kedinamikan, inovasi dan keusahawanan juga adalah sangat penting dalam transisi daripada ekonomi yang terurus atau negara kebajikan yang ditadbir oleh sektor awam kepada ekonomi yang dipandu oleh pasaran keusahawanan.

Lawatan Penolong Setiausaha Filipina ke UBD

RIMBA, 1 Jun. - Penolong Setiausaha Republik Filipina, Profesor Manaros Boransing telah mengadakan lawatan ke Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi ini, di sini.

Dalam lawatan tersebut beliau diiringi oleh Pengarah Serantau Proses Damai Republik Filipina, Dr. Estrella Babano dan telah disambut mesra oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail Haji Duraman di

Oleh Noor Khadijah Tengah

Dewan Canselor, UBD.

Tujuan lawatan tersebut diadakan adalah untuk membincangkan mengenai peningkatan program seterusnya dan proses pemilihan pengambilan akan datang serta memperbaharui status Program Madrasah Kerajaan Republik Filipina.

Mereka telah diberikan penerangan mengenai pel-

bagai program yang ditawarkan di UBD dan syarat-syarat kemasukan bagi pelajar dari luar negara.

Kemudiannya mereka telah berkesempatan melawat ke Perkhidmatan Sokongan Akademik, Pusat Teknologi Perhubungan Maklumat, Perpustakaan dan Pusat Teknologi Pendidikan UBD.

Persembahan statik sempena ulang tahun ABDB

TUTONG, 31 Mei. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) kini berusia 44 tahun dengan menempuh banyak kemajuan dan perkembangan sejajar dengan perkembangannya sebagai sebuah angkatan tentera yang semakin mantap.

Bagi memperingati

Oleh Abdullah Asgar
abdullah.asgar@information.gov.bn

penubuhannya sejak 31 Mei 1961, persembahan yang penuh meriah diadakan di Stadium Mini Penanjong Garison di sini yang dihadiri oleh Timbal-

an Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar.

Antara persembahan yang ditunjukkan ialah permainan Pancaragam, Serunai dan Tambur ABDB, kawad senyap, pertunjukan latihan asas jasmani rekrut, mengadakan tempur tanpa senjata dan perang olok-olok yang disaksikan oleh ribuan pengunjung dan orang ramai walaupun dalam keadaan panas terik.

Ketika persembahan padang dijalankan di lain kawasan juga diadakan pameran statik yang memperlihatkan beberapa jenis persenjataan dan perlengkapan yang digunakan oleh anggota-anggota ABDB termasuk pesawat helikopter dan kereta perisai yang diminati oleh pengunjung kanak-kanak.

Di samping dipamerkan kepada orang ramai

beberapa jenis senjata ringan seperti M16 dan 'machine gun' jenis Stelar juga boleh dipegang dan diangkat oleh pengunjung.

Selain mengadakan hari terbuka kepada orang ramai ahli jawatankuasa sambutan juga mengadakan beberapa jenis gerai jualan bagi minuman, makanan, barangan perhiasan rumah dan pakaian yang kesemuanya disertai oleh anggota-anggota ABDB dan ahli keluarga mereka.

Bagi memeriahkan lagi sambutan itu orang ramai juga berpeluang menggunakan anak panah untuk memasuki rumah mistri dan mencuba 'flying fox' serta permainan bouncer yang dikenakan bayaran.

Persembahan yang berakhir kira-kira jam 5.00 petang itu merupakan peluang orang ramai menyaksikan secara dekat mengenai sebahagian persenjataan dalam ABDB, di samping beramah mesra dan mengemukakan soalan kepada anggota-anggota yang bertugas menjaga ruang pameran.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin merasmikan persembahan statik sempena sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-44. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



PERSEMBAHAN Pancaragam, Serunai dan Tambur menyerikan suasana sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-44. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



PERTUNJUKAN latihan asas jasmani rekrut dan tempur tanpa senjata menarik perhatian ribuan pengunjung walaupun dalam suasana panas terik. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.





LAWATAN DPMM KE SEKTOR PENTING KEMENTERIAN KESIHATAN

Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor dan
Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim



DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri disambahkan penerangan oleh Matron Hajah Noraini mengenai bahan-bahan terbitan yang berkaitan dengan Pendidikan Kesihatan Pergigian semasa DYT berangkat melawat Pusat Pergigian Negara (atas).

DULI Yang Teramat Mulla beramah mesra bersama seorang warga tua yang kebetulan sedang menerima rawatan pergigian di Pusat Pergigian Negara (kiri).

DULI Yang Teramat Mulla menyaksikan sebahagian Statistik Pendidikan Kesihatan Pergigian sambil mendengar sembah takdimat oleh seorang pegawai Pusat Pergigian Negara (kanan).



DULI Yang Teramat Mulla berkenan bergambar ramai bersama para Pakar, Pegawai Pergigian Kanan, Pegawai Pergigian dan pegawai serta jururawat sejourus sebelum mengakhiri lawatan kerja ke Pusat Pergigian Negara (atas).

JURUTEKNOLOGI Pergigian, Dayang Hajah Zuraidah binti Haji Abdul Wahab menyambahkan penerangan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulla mengenai sebahagian alat-alat prosthesis yang dihasilkan di Makmal Pergigian, Pusat Pergigian Negara (kanan).

DULI Yang Teramat Mulla semasa disambahkan penerangan mengenai antara lokasi klinik yang menyediakan perkhidmatan pergigian di seluruh negara yang disambahkan oleh Pakar Bedah Pergigian, Dr. Haji Shamsir bin Haji Zainal Abidin (kanan sekali).



PAKAR Ortodontik, Dr. Chua Kui Lay menyambahkan penerangan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulla mengenai pelbagai jenis Appliance Ortodontic yang digunakan dalam rawatan pembetulan gigi (kanan).





DULI Yang Teramat Mulia beramah mesra bersama kanak-kanak yang menerima rawatan di Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC) (kiri).



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah sambil beramah mesra bersama para pakar CDC.



DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan Pakar Ortodontik, Dr. Chua Kui Lay menunjukkan prosedur pemasangan Appliance Orthodontic kepada seorang pesakit.



DULI Yang Teramat Mulia di-sembahkan penerangan mengenai perkhidmatan yang diberikan kepada kanak-kanak di CDC (atas).

DULI Yang Teramat Mulia beramah mesra bersama seorang kanak-kanak yang menerima rawatan di CDC (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah semasa berangkat ke CDC (kanan).



KETUA Pediatrik Kemasyarakatan, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid menyampaikan taklimat ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia mengenai struktur dan fungsi CDC, Kiarong (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan prosedur rawatan pergigian yang diberikan kepada seorang kanak-kanak (kanan).



ARENA SUKAN

DYTM rasmikan Sukan FOBISSEA

BERAKAS, 7 Jun. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah selaku Penaung FOBISSEA berkenan merasmikan Sukan Pertama Pertubuhan Sekolah-sekolah Antarabangsa British Asia Timur dan Selatan yang berlangsung di Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di kompleks tersebut dijunjung oleh Pengarah Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB), David G. Taylor dan Pengerusi Jawatankuasa penganjur, Shane Nathan serta ahli-ahli jawatankuasa.

Majlis perasmian sukan bermula dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, kemudian diikuti perbarisan lalu oleh pasukan-pasukan yang menyertai sukan tersebut iaitu ISB selaku tuan rumah, Seoul Foreign School, Korea; British International School, Viet Nam; International School

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

of Peang, Uplands, British School In Tokyo, Taipei European School, Taiwan, St. Christopher's International Primary School, Penang dan Jerudong International School (JIS).

Sejurus selepas itu diikuti pelancaran rasmi Sukan Pertama FOBISSEA 2005 oleh Duli Yang Teramat Mulia.

Sebanyak empat acara sukan dipertandingkan iaitu bola sepak, padang dan trek, T-Ball dan renang yang disertai oleh kira-kira 300 orang murid.

Duli Yang Teramat Mulia di majlis perasmian itu berkenan menyaksikan pertandingan renang perseorangan medley yang disertai oleh lapan pasukan

dan juga berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang.

Peserta yang mewakili sukan tersebut terdiri mereka yang berumur 4, 5 dan 6 tahun sahaja. Pertandingan Sukan FOBISSEA merupakan sukan tahunan yang diadakan secara bergilir-gilir dan pertama kali diadakan pada tahun 1993 di Sekolah British di Republik Filipina dan pada tahun ini berlangsung di Negara Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Penaung FOBISSEA berkenan mengurniakan pingat kepada seorang pemenang dalam temasya Sukan FOBISSEA. - Gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor.

Walkaton Keluarga Sihat SNLP

Oleh Azrin Mohd. Hassan

BERAKAS, 5 Jun. - Dalam menyumbang kewangan kepada sekolah melalui acara riadah seperti walkaton, ianya juga turut melatih anak-anak sekolah untuk mengambil serius akan pentingnya memiliki tubuh badan yang sihat.

Perkara itu dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman dalam ucapannya

di Majlis Walkaton Keluarga Sihat anjuran Sekolah Nusa Laila Puteri (SNLP) berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Ini, tambah Yang Berhormat, adalah selaras dengan usaha yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan bagi meningkatkan tahap kesihatan dan kesedaran terhadap orang

ramai mengenai kepentingan untuk mengamalkan kegiatan-kegiatan fizikal bagi mengelakkan pelbagai gejala penyakit yang berhubung kait dengan cara hidup sihat.

Yang Berhormat juga menyeru kepada para ibu bapa supaya mengambil berat terhadap kesihatan dan kemajuan pelajaran anak-anak mereka, kerana ia merupakan kunci kepada kejayaan anak-anak mereka di masa hadapan.

Dasar Pendidikan Negara, tambah Yang Berhormat lagi, tidak memberi keistimewaan kepada satu-satu golongan yang terpilih, tapi ianya adalah bagi semua rakyat di negara ini yang mana peluang untuk menduduki bangku sekolah dan melanjutkan pelajaran tinggi, sama ada di dalam atau di luar negeri adalah diberikan sama bagi semua kanak-kanak dalam umur persekolahan dan ianya terpuang kepada setiap individu itu sendiri untuk berusaha bagi mencapai kecemerlangan dalam pelajaran mereka.

Oleh yang demikian, kata Yang Berhormat, ibu bapa perlu bekerjasama dengan pihak sekolah bagi



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi menyertai acara senam robik sejurus sebelum memulakan Walkaton Keluarga Sihat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

merealisasikan kejayaan pendidikan anak-anak mereka dan tidak menyebarkan kesemua tanggungjawab soal pembelajaran anak-anak mereka secara menyeluruh kepada pihak pengajar, kerana sistem pengajaran yang kompleks boleh dijayakan bersama di antara ibu bapa dan pihak sekolah terutamanya kepada pihak penganjur.

Seramai 2,000 orang termasuk ibu bapa, penun-

tut-penuntut dan guru-guru menyertai acara walkaton.

Walkaton yang melibatkan kesemua cawangan SNLP dibahagikan kepada dua kategori iaitu peserta wanita berjalan sejauh tiga kilometer, manakala peserta lelaki berjalan sejauh empat kilometer.

Walkaton Keluarga Sihat anjuran SNLP merupakan walkaton kali kedua diadakan setelah kali perta-

ma iaitu 'Larian Sumbangsiah' yang telah diadakan pada tahun 2002, ianya bertujuan untuk mengutip sumbangan derma bagi membeli keperluan dan peralatan sekolah di samping antara lain bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahim di antara para ibu bapa dan guru-guru serta menggalakkan dan mengamalkan gaya hidup sihat melalui acara walkaton.



SEBAHAGIAN para peserta yang menyertai salah satu acara renang yang dipertandingkan semasa Sukan FOBISSEA di Kompleks Renang, Stadium Negara Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor.

Kejohanan Badminton Piala Ss Open 2005

BERAKAS, 11 Jun. - Amalie Agas dan Sia K. H telah menjuarai kategori bergu lelaki terbuka Kejohanan Badminton Piala Ss Open Tahun 2005 Ketujuh yang berlangsung pada 14 Jun lalu bertempat di Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara, Kampong Lambak Kanan.

Pasangan tersebut telah menewaskan Johan Abdullah dengan C. Liang, yang juga merupakan naib juara pada tahun lepas.

Kedua-dua pasangan ini telah mempamerkan permainan yang menarik

dan saling berebut mata yang akhirnya membawa ke permainan rubber set.

Haji Wahid dan Fadhillah Haji Md. Serudin telah menduduki tempat ketiga setelah mengalahkan pasangan Haji Abdul Rahim dan Azmy.

Sementara itu, Haji Razali Haji Ahad dan pasangannya Shawal Nordin telah menjuarai kategori veteran setelah mengalahkan dengan mudah pasangan Wong P. Lay dan Jong S. Ho.

Tempat ketiga telah disandang oleh Haji Zakaria Haji Mohd. Yusoff dan

Pengiran Emran.

Hadir pada malam tersebut ialah Awang Haji Jamain bin Haji Kahar, Ketua Kampong Perpindahan Lambak Kanan Kawasan 3 dan 4 yang telah berkesudian menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang dalam kategori bergu veteran dan para pengadil perlawanan. Sementara itu Awang Jofri bin Haji Sahat, Pengurus Spotech Marketing telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang bagi kategori bergu lelaki terbuka.



PARA peserta yang menyertai Kejohanan Badminton Piala Ss Open 2005 begambar ramai bersama tetamu kehormat.

ARENA SUKAN

Atlet mulakan cabaran rebut pingat



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad merasmikan Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII (PSK Ke-7). - Gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor.

BERAKAS, 11 Jun. - Sejumlah 1,934 orang atlet lelaki dan wanita yang mewakili 10 buah kontinjen memulakan cabaran mereka dalam temasya Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII (PSK - 7).

Secara tradisi sebelum memulakan cabaran, mereka berhimpun bagi upacara pembukaan rasmi di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan kemudian

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

berentap selama sembilan hari bermula hari ini, bagi membuat perhitungannya untuk merebut pingat-pingat emas, perak dan gangsa dalam 15 acara yang dipertandingkan.

Upacara ringkas pembukaan rasmi telah dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad.

Sejurus selepas perasmian dilancarkan, kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang merupakan juara bertahan temasya ini, muncul men-

dahului perbarisan dengan 367 atlet. Daerah Belait, 229 atlet; Daerah Tutong, 385 atlet; Daerah Temburong, 229 atlet; Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, 350 atlet; Pasukan Polis Diraja Brunei, 247 atlet; Universiti Brunei Darussalam, 150 atlet; Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, 128 atlet; Syarikat Minyak Brunei Shell, 86 atlet dan Persatuan Bank-bank, 107 atlet.

Selepas upacara perbarisan lalu, Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol dalam ucapan alu-aluan antara lain menyatakan bahawa temasya PSK ini merupakan sebagai asas memenuhi peruntukan yang terkandung dalam Dasar Sukan Negara.

Beliau juga menjelaskan bahawa tujuan pengelompokan PSK adalah sebagai projek memba-

ngunan sukan jangka panjang dan berterusan Jabatan Belia dan Sukan, selain bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas di segi fizikal dan mental.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kemudian diperkenalkan kepada kesemua sepuluh kontinjen yang menyertai temasya itu.

Diikuti selepas itu upacara pembacaan ikrar yang dipimpin oleh Nor Aishah Haji Aji, atlet yang berjaya merangkul pingat emas acara Pencak Silat Puteri Jurus Wajib pada temasya Sukan SEA di Viet Nam 2003.

Upacara edisi ke-VII ini juga diserikan dengan lagu khas PSK dengan diiringi persembahan padang oleh penuntut-penuntut Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri dan Lily of The Valley Dancers.

Kontinjen DBM azam pertahan juara

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

BERAKAS, 11 Jun. - Kontinjen Daerah Brunei dan Muara (DBM) berazam memperlihatkan pencapaian cemerlang dan seterusnya mempertahankan kejuaraan yang disandang pada temasya Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII (PSK Ke-7).

Pegawai kontinjen, Awang Haji Ibrahim ketika ditemui di upacara pembukaan rasmi temasya sukan dwitahunan ini di Stadium Negara Hassanal Bolkiah berkata, pencapaian 41 pingat emas, 29 perak dan 19 gangsa pada temasya lalu akan cuba ditingkatkan lagi pada temasya kali ini.

"Kita yakin, pada temasya kali ini beberapa kontinjen seperti Pasukan Polis Diraja Brunei yang merupakan pencabar terdekat kita dua tahun lalu serta Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang menduduki tangga ke-6 difahamkan telah membuat persiapan rapi dan akan menjadi saingan sengit kali ini. Melihat

kepada perkembangan ini atlet kita sedaya cuba memberikan saingan nanti," ujarnya.

Dalam membuat persiapan temasya ini, beliau memberitahu kebanyakan atlet yang mewakili DBM mempunyai pengalaman luas dan mereka telah menjalani latihan sepanjang masa, selain mendapat pendedahan di sukan-sukan serantau seperti Sukan SUKMA di Malaysia dan Sukan Arafura di Australia.

"Jadi, masalah latihan tidak timbul, kerana semua atlet yang dipilih telah menjalani latihan masing-masing sepanjang masa dan sebahagian besarnya juga adalah baru pulang dari Sukan Arafura di Darwin," katanya.

Mengulas mengenai sasaran pingat yang dikehendaki, kontinjen yang mengandungi 367 atlet dan pegawai ini menyasarkan lebih banyak pingat melalui kesemua 15 acara terutama melalui acara olahraga, lumba perahu,



SEGAK ... Salah sebuah dari 10 kontinjen yang menyertai Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) berjalan lalu di upacara pembukaan rasmi. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

lumba basikal, golf, badminton, tenis dan pencak silat.

"Kesemua acara yang disebutkan tadi itu banyak menyumbang pingat kepada kontinjen DBM pada temasya yang lepas, dan kita berharap pada temasya kali ini juga akan dapat meraih lebih banyak lagi.

"Namun begitu, temasya kali ini lebih mencabar memandangkan kesemua kontinjen yang menyertai temasya edisi ketujuh ini telah awal-awal lagi membuat persiapan rapi dan perkembangan ini amat kita ambil perhatian," tambahnya lagi.

Temburong sasar kedudukan terbaik

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

BERAKAS, 11 Jun. - Kontinjen Daerah Temburong menyasarkan impian untuk memperbaiki lagi kedudukan mereka dalam penyertaan Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII dengan mengatasi pencapaian dua tahun lalu.

Menurut Ketua Kontinjen, Awang Shahminan Haji Tengah, pencapaian yang lalu iaitu lima pingat emas, lima perak dan lapan gangsa akan cuba diatasi sekiranya menghadapi saingan sengit dari beberapa kontinjen yang jauh lebih mantap dan kemas persiapan mereka.

"Untuk itu kami pegawai-pegawai mengharap para atlet Daerah Temburong akan dapat mempamerkan persembahan yang terbaik meskipun atlet kali ini merupakan muka-muka baru dari kalangan belia dan penuntut sekolah," ujarnya.

Atlet yang mewakili Daerah Temburong, menurutnya kebanyakan pendatang baru, memandangkan beberapa atlet yang lalu kini telah berkhidmat dengan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja

Brunei serta mereka tidak diberi pelepasan mewakili Daerah Temburong.

Bagaimanapun, katanya, dengan atlet yang baru dan persiapan yang rapi Temburong akan cuba memberikan saingan sengit pada temasya kali ini.

"Kita menyedari harap-



an untuk menduduki tiga tempat teratas di temasya ini, agak sukar namun, dengan adanya persiapan yang sudah kita lakukan sejak bulan April lepas, saya pasti para atlet

Temburong akan menyerlah nanti," katanya.

Pada temasya kali ini Temburong mengemukakan 264 atlet dan pegawai dengan menyertai kesemua acara kecuali acara tenis.



PERSIAPAN rapi dan mantap sesebuah kontinjen itu pasti akan mencapai kejayaan. - Gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor.



TURUT menyertai Upacara Pembukaan Rasmi Temasya Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) kali ini ialah persembahan nyanyian lagu rasmi PSK serta persembahan padang oleh penuntut-penuntut Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dan Lily of The Valley Dancers. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri di bangunan Klinik Pakar Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dijunjung oleh Menteri Kesihatan dan Timbalan Menteri Kesihatan.



LAWATAN DPMM KE HOSPITAL RIPAS DAN PUSAT KESIHATAN BERAKAS



UNIT Dispensari Hospital RIPAS yang membekalkan pelbagai jenis ubat-ubatan bagi pesakit juga dilawati oleh Duli Yang Teramat Mulia (atas).

DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan secara dekat kemudahan yang terdapat di Bahagian 'Oral Maxillofacial' sambil disebarkan penerangan oleh Dr. N. Ravindranathan, Pakar Bedah Oral Maxillofacial (kiri).



Gambar-gambar oleh
Haji Ariffin Mohd. Noor,
Harun Haji Rashid dan
Pg. Rafee Pg. Dato Paduka
Haji Metassim

DULI Yang Teramat Mulia berkenan bergambar ramai bersama Ketua-ketua Bahagian, Pegawai-pegawai Perubatan dan pegawai-pegawai yang bertugas di Hospital RIPAS (kiri).



SELAIN berangkat melawat ke beberapa bahagian Hospital RIPAS, Duli Yang Teramat Mulia juga berkesempatan beramah mesra bersama orang ramai yang mendapatkan perkhidmatan perubatan di sana (atas).

SEJURUS sebelum mendengar taklimat, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan (atas kanan). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mendengar taklimat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Ketua Pegawai Eksekutif Hospital RIPAS.



JUGA dilawati Duli Yang Teramat Mulia ialah Jabatan Kemalangan dan Kecemasan Hospital RIPAS. Dalam gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan secara dekat kemudahan yang terdapat dalam sebuah ambulans.



DULI Yang Teramat Mulla berkenan menandatangani plak sempena petancaran Klinik Berhentil Merokok di Pusat Kesihatan Berakas 'A'.

KELIHATAN Duli Yang Teramat Mulla menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Surau Hospital RIPAS.

DI HOSPITAL RIPAS Duli Yang Teramat Mulla dijunjung berangkat ke Bahagian Rekod-rekod Perubatan.



DULI Yang Teramat Mulla bergambar ramai bersama Pegawai-pegawai Perubatan tempatan sejurus sebelum santap tengah hari di sebuah hotel di ibu negara (atas).

DULI Yang Teramat Mulla berkenan menerima junjung ziarah orang ramai yang menerima rawatan di Klinik Kesihatan Berakas (kiri).

DULI Yang Teramat Mulla menyaksikan sebahagian bahan-bahan makanan yang diluluskan penggunaannya oleh Bahagian Pemakanan (bawah).

ANTARA perkhidmatan yang diberikan oleh Pusat Kesihatan Berakas 'A' yang disaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulla ialah perkhidmatan pengambilan darah bagi pekerja asing (atas).

SEMASA keberangkatan lawatan kerja ke Pusat Kesihatan Berakas 'A' Duli Yang Teramat Mulla juga menyaksikan perkhidmatan suntikan kepada kanak-kanak (kanan).



ARENA SUKAN



Liputan Haji Ahat Haji Ismail,
ahat.ismail@information.gov.bn

Samle Haji Jait,

samle.jait@information.gov.bn

Sukri Hidayat Haji Abu Bakar dan
Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre
Haji Abdullah

Gambar-gambar oleh

Ramli Tengah, Hernie Suliena, Haji Ariffin
Mohd. Noor dan Hamadi Haji Mohammad

UBD alami kekalahan

TUTONG, 12 Jun.- Sebanyak sembilan buah pasukan mengikuti kejohanan bola jaring Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII (PSK Ke-7) yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong hari ini.

Kejohanan bola jaring yang dibahagikan kepada dua kumpulan terdiri daripada kontinjen dari Daerah Brunei dan Muara (DBM), Majlis Sukan ABDB, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Daerah Tutong dan Syarikat Minyak Brunei Shell yang tergolong dalam Kumpulan A.

Sementara Kumpulan B kejohanan bola jaring terdiri daripada kontinjen dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Daerah Belait, Daerah Temburong dan Persatuan Bank-Bank Brunei.

Kejohanan bola jaring peringkat awal yang dijalankan secara liga dalam kumpulan dimulakan dengan pasukan DBM bertemu Majlis Sukan ABDB dengan keputusan 25 - 11, manakala pasukan UBD bertemu Syarikat Minyak Brunei Shell mendapat keputusan 8 - 26.

PDB pula tewas ketika bertemu pasukan Daerah Belait dengan jaringan 12 - 17, kemudian pasukan Daerah Tutong bertemu Majlis Sukan ABDB mendapat keputusan 13 - 17 dan mendapat jaringan 12 - 28 pula ialah pasukan Syarikat Minyak Brunei Shell bertemu pasukan DBM.

Di sebelah petang kejohanan bola jaring diteruskan lagi dengan pasukan Persatuan Bank-Bank bertemu pasukan Daerah Temburong dengan jaringan 11 - 9, sementara pasukan UBD tewas kepada Daerah

Tutong mendapat keputusan 15 - 18.

Dengan beroleh jaringan 8 - 17 pasukan Daerah Temburong tewas ketika bertemu PDB, manakala pasukan UBD kalah teruk ketika bertemu pasukan DBM dengan keputusan 5 - 28 dan pasukan Persatuan Bank-Bank bertemu pasukan PDB diakhiri dengan keputusan 8 - 12.

Kejohanan bola jaring akan diteruskan lagi pada 17 Jun, bagi menentukan pasukan yang layak bertanding di pusingan separuh akhir yang akan diadakan di sebelah petang pada hari yang sama.

Hadiah bagi johan pertandingan bola jaring ini akan menerima piala iringan dan pingat emas, naib johan pula akan menerima pingat perak dan ketiga akan menerima pingat gangsa.

Juga akan diberikan penghargaan ialah pemain tengah terbaik, pemain penghadang terbaik, penjaring terbanyak dan pasukan bersih.



ACARA bola jaring wanita dalam PSK berlangsung di Kompleks Sukan Daerah Tutong.

MS ABDB layak ke separuh akhir

BERAKAS, 11 Jun. - Pasukan bola sepak Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) lebih awal mengesahkan mara ke separuh akhir mewakili Kumpulan A acara bola sepak pada Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII.

MS ABDB yang juga menjadi pasukan 'favourite' pada kejohanan kali ini tidak menghadapi masalah untuk membuka tirai persaingan kejohanan dengan menumpaskan pasukan UBD 3 - 0 sebelum mereka mengalahkan pasukan Temburong 4 - 0.

Kemantapan pasukan MS ABDB terus terserlah dengan tidak memberi simpati kepada pasukan Persatuan Bank-Bank dengan jaringan 9-0 sementara kemenangan 3-0 ke atas pasukan Tutong pada malam perasmian kejohanan Pesta Sukan Kebangsaan di Stadium Ne-

gara Hassanal Bolkiah untuk mengesahkan kemaraan mudah mereka.

Sementara itu, pasukan Persatuan Bank-Bank pula sudah boleh mengucapkan selamat tinggal persaingan setelah gagal memperolehi kemenangan pada tiga perlawanan awal mereka.

Sebelum ini, pasukan Persatuan Bank-Bank tewas teruk kepada MS ABDB 0-9, kalah kepada pasukan UBD 1-3 dan ditewaskan oleh pasukan Tutong 3-4.

Pasukan Tutong, Temburong dan UBD yang masih mempunyai peluang terbuka tetapi terpaksa memastikan kemenangan memihak mereka untuk menjejaki pasukan MS ABDB ke separuh akhir Kumpulan A.

Persaingan dalam Kumpulan B juga menampilkan persaingan sengit, namun Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), RBA

dan DBM sama-sama mempunyai peluang untuk mara ke separuh akhir selepas masing-masing mencipta dua kemenangan.

Kumpulan A diwakili oleh Pasukan Temburong, MS ABDB, Persatuan Bank-Bank, UBD dan Tutong, sementara pasukan Belait, PDB, Syarikat Minyak Brunei Shell, RBA dan DBM di dalam Kumpulan B.



PEMAIN Majlis Sukan ABDB cuba merampas bola dari pemain Tutong (gambar atas), sementara gambar bawah, memperlihatkan aksi percubaan pemain MS ABDB yang berkesudahan kemenangan kepada MS ABDB 3 - 0.



Pungutan pingat dijangka hadapi saingan

BERAKAS, 11 Jun. - Pungutan pingat-pingat pada edisi Ke-VII Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) kali ini dijangka akan memperlihatkan persaingan sengit di kalangan kesemua 10 kontinjen yang menyertai temasya ini.

Daerah Brunei dan Muara selaku juara bertahan umpamanya dijangka akan kehilangan beberapa pingat apabila beberapa atlet yang mewakili daerah itu tahun lalu kini menyertai kontinjen Majlis Sukan ABDB dan Polis Diraja Brunei setelah mereka berkhidmat dalam pasukan tersebut.

Bagaimanapun, jelas Pegawai kontinjen, Awang Haji Ibrahim, kontinjen daerah itu masih tetap yakin mereka masih mampu untuk meraih sebanyak pingat yang dipertandingkan.

Menurutnya, antara 15 acara yang dipertandingkan itu, seperti olahraga, pencak silat, lumba perahu di jangka masih dapat menyumbang pingat, manakala acara sepak takraw, ping pong, badminton dan beberapa acara lainnya akan mendapat persaingan.

Kontinjen Daerah Temburong pula menjangkakan mereka akan kehilang-

an beberapa pingat memandangkan sebahagian besar atlet yang mewakili daerah itu tahun lalu mewakili Majlis Sukan ABDB dan Polis Diraja Brunei.

Namun mereka tetap berazam untuk memberikan saingan sengit bagi memperbaiki kedudukan tahun lalu iaitu tempat keempat.

Majlis Sukan ABDB dan Polis Diraja Brunei dijangka akan dapat memperbaiki kedudukan mereka pada temasya kali ini memandangkan barisan atlet mereka kali ini cukup

mantap dan berpengalaman terutama kemunculan beberapa orang muka-muka baru.

Juga dijangka akan dapat memperbaiki kedudukan mereka kali ini ialah kontinjen dari Universiti Brunei Darussalam (UBD), Persatuan Bank-Bank dan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

UBD yang gagal meraih sebarang pingat pada temasya dua tahun lalu kini mengharapkan atlet mereka untuk merangkul pingat. Pendedahan pada penyer-taan di temasya Sukan

Antara Universiti-universiti ASEAN di Republik Indonesia yang lalu akan dapat menyumbangkan mereka pingat kali ini.

Begitu juga Persatuan Bank-bank dan RBA yang masing-masing gagal meraih sebarang pingat musim lalu dijangka berusaha merebut sebarang banyak pingat. Atlet Persatuan Bank-Bank dan RBA pada akhir-akhir ini banyak didedahkan dengan kejohanan-kejohanan tempatan sebagai pendedahan, justeru mereka yakin akan dapat menyumbang pingat untuk kontinjen mereka.

UBD, Tutong capai kemenangan

GADONG, 12 Jun. - Kejohanan badminton Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII (PSK Ke-7) tahun 2005 telah berlangsung di Kompleks Sukan Mengliat.

Pasukan yang ikut serta ialah Daerah Brunei dan Muara (DBM), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Tutong, Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Perwakilan Pelajar UBD, Majlis Sukan ABDB, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei

dan Temburong.

Acara malam itu sangat menarik sekali di mana pasukan DBM telah mengatasi PDB 7 - 0 dalam pusingan pertama. Ini bermakna pasukan DBM telah dapat mengumpul mata pertama menewaskan PDB dalam acara berpasukan.

Sementara itu Tutong juga menewaskan BSP dengan 7 - 0, pasukan Tutong

juga mendapat mata pertama.

Di samping itu juga MS ABDB telah menewaskan UBD 6 - 1 dan pasukan Temburong juga telah menewaskan RBA 7 - 0.

Acara ini sangat menarik, di mana pasukan akan melawan pasukan iaitu secara pusing keliling. Acara sebegini dapat meningkatkan lagi mutu permainan anak tempatan.

ARENA SUKAN

Kwei Meng rangkul emas

MANTAN pelumba kebangsaan Chung Kwei Ming yang juga pemenang pingat gangsa Sukan SEA 1999 lalu terus menguasai acara merentas desa basikal gunung di Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) 2005.

Untuk mengutip pingat emas beliau mencatat 1 jam 47 minit 55.41 saat yang mendahului peserta lain sejak bermulanya perlumbaan di kawasan McFarm Sendirian Berhad, Kampung Tungku di sini.

Masri Matasan dari Tutong mengutip pingat perak namun di awal perlumbaan hanya dalam kumpulan lima pelumba yang memimpin di depan, tetapi disebabkan kecederaan Raihan Abdul Aziz dan Raffuddin Zakaria peluang tempat kedua tidak dilepaskan.

Manakala Mohd. Sonadey Abdul Jalil berjaya mengutip pingat gangsa yang mewakili Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja (ABDB) walaupun hampir 10 minit dari pemenang pingat emas.

Perlumbaan yang dijalankan di kawasan ladang McFarm Kampung Tungku menggunakan laluan 5.4 kilometer bagi satu pusingan yang terpaksa menempuhi juram, bukit, parit dan laluan rumput.

Dari 28 orang peserta hanya sembilan pelumba berjaya menamatkan perlumbaan yang lain terpaksa menyerah diri disebabkan keletihan dan masalah teknikal pada basikal.

Sementara dalam acara menurun bukit (down hill) yang diadakan di sebelah

petang di tempat yang sama ternyata Raihan Abdul Aziz peserta Tutong mengungguli acara ini dengan merangkul pingat emas pertama bagi dirinya.

Beliau mencatat masa 1 minit 40.29 saat dengan terpaksa menuruni curam tinggi dan halangan buatan serta satu-satu peserta yang dapat membuat 'perfect landing' setelah melompati 'ram' buatan dengan berjaya melimpasi anak sungai.

Pingat perak milik Norazizul Awang peserta Brunei dan Muara dengan mencatat masa 1 minit 49.91 saat walaupun mengalami kerosakan basikal setelah melimpasi 'ram'.

Masri Matasan mengutip pingat gangsa dengan mencatat masa 1 minit 52.12 saat walaupun ber-



PINGAT EMAS ... Peserta Raihan Abdul Aziz yang menjuarai acara menurun bukit PSK Ke-VII.

jaya melompati 'ram' namun harus terjun ke anak sungai kerana kekurangan kelajuan bagi melimpasinya.

Acara ini hanya disertai oleh 12 pelumba, namun hanya 10 peserta saja yang

berjaya menamatkan sedangkan yang lainnya mengalami kerosakan basikal.

Pingat kemenangan disampaikan oleh Pengarah Urusan McFarm Sendirian Berhad, Awang Hirofumi Kawabata.



Liputan

Refa'ah Ali Osman, Abdullah Asgar, abdullah.asgar@information.gov.bn

Azrin Mohd. Hassan
Noor Khadijah Tengah.
Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan
Md. Zul-izzi Haji Duraman

RBA tumpas 0 - 8

BERAKAS, 12 Jun. - Kejohanan bola sepak futsal Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII (PSK Ke-7) 2005, Jabatan Belia dan Sukan BAFA Negara Brunei Darussalam, berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Hassanah Bolkiah, di sini.

Dalam kejohanan itu, lapan buah pasukan telah menyertainya terdiri dari pasukan, Daerah Brunei dan Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong, Daerah Temburong, Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Persekutuan Bank-Bank Brunei (PBB) dan pasukan Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Acara kejohanan tersebut, pasukan Daerah Tutong telah menewaskan Pasukan RBA dengan jaringan 8 - 0, jaringan

yang terbanyak pada masa kini.

Jaringan pembukaan dan kedua dijangkau oleh Tommy Kambang di minit pertama.

Para pemain Daerah Tutong sangat bijak mengatur bola yang dibimbing oleh Johan Haji Jimin.

Manakala Pasukan Daerah Tutong menambah lagi jaringan ketiganya yang dijangkau oleh Johan, jaringan keempat oleh Roslan Haji Ahmad sementara jaringan kelima Sharbini Haji Mohidin, jaringan keenam oleh Jofree Haji Ali Ahmad, manakala jaringan ketujuh oleh Md. Jalil Latif dan jaringan kelapan, Ismail Bujang.

Dalam perlawanan lain Majlis Sukan ABDB telah menewaskan pasukan Daerah Temburong dengan jaringan 2 - 0.



SKUAD Hoki Pasukan Polis gagal menyerah selepas dibelash 7 - 1 oleh Majlis Sukan ABDB dalam saingan PSK.

PDB kecundang 1-7

BERAKAS, 12 Jun. - Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menewaskan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) 7 - 1 dalam perlawanan hoki Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII, 2005 yang berlangsung di Stadium Hoki, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah.

Pada pertemuan itu pasukan Majlis Sukan (ABDB) telah mendahului jaringan pertamanya di minit ke-6 melalui Lans Koperel Azlan Elan.

Walau bagaimanapun, Pasukan PDB mengatur strategi mereka, akan tetapi gagal menemui sentuhan, sebaliknya Majlis ABDB menambah jaringan keduanya di minit ke-16 melalui

tolakan PW2 Abdul Rahman Abdul Hamid.

Pada minit ke-21 pasukan Majlis Sukan (ABDB) menjaringkan gol ketiga mereka melalui Koperel Matius Dawat, manakala Mohd. Hadi Nasaruddin telah berjaya menembusi gawang gol pertama bagi Pasukan PDB.

Di separuh masa kedua, satu kejutan telah dibuat, di mana gol keempat Majlis Sukan ABDB yang telah dijangkau oleh Lans Koperel Azlan di minit pertama. Ini membuatkan lagi Pasukan PDB mengatur corak permainan mereka, akan tetapi dapat juga ditumpaskan oleh Majlis Sukan ABDB melalui tolakan yang dihantar oleh PW2 Abdul

Rahman.

Meskipun ketinggalan, PDB berusaha mencari peluang dengan mencuba tolakan ke gawang lawan, akan tetapi dapat dihalang oleh Majlis Sukan (ABDB). Melalui tolakan yang dicuba di minit ke-12 oleh Lans Koperel Azlam telah menambahkan lagi gol keenam bagi pasukan Majlis Sukan (ABDB).

Serangan demi serangan yang dibuat oleh Lans Koperel Azlam, telah menambahkan lagi gol ketujuh mereka di minit ke-13 melalui tolakan PW2 Abdul Rahman dan terus membawa kemenangan besar bagi pasukan Majlis Sukan ABDB pada perlawanan itu.

DBM terus mara

BERAKAS, 12 Jun. - Skuad bola keranjang lelaki Daerah Brunei dan Muara (DBM) memulakan langkah bersemangat pada saingan Pesta Sukan Kebangsaan Ke-VII (PSK Ke-7) dengan mencatatkan kemenangan berturut-turut mengatasi Majlis Sukan ABDB dan Daerah Temburong berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Pada pembukaan perlawanan pertama DBM berjaya membelash Majlis Sukan ABDB dengan jaringan 112 berbalas 41, manakala skuad lelaki Belait berjaya menumpaskan pihak lawanannya Persatuan Bank-bank dengan menjaringkan 72 berbalas 49 dalam peringkat pusingan kumpulan.

Walaupun DBM jauh ketinggalan pada pusingan pertama menentang skuad Daerah Temburong dengan jaringan 11 berbalas 9 na-

mun DBM dengan berhati-hati mengorak langkah terhadap pertahanan mereka dan terus menunjukkan aksi-aksi serangan yang teratur terhadap pasukan lawanannya.

Skuad DBM berhasil menunjukkan kehebatan mereka di pusingan ketiga di mana banyak jaringan lontaran '3 pointers' dan 'lay up' yang licik dibuat dan memaksa skuad bola keranjang Temburong bagi mengukuhkan pertahanan mereka.

Walau bagaimanapun Skuad Temburong juga berjaya mengukuhkan pertahanan mereka di pusingan akhir dan telah banyak membuat serangan terhadap DBM, namun skuad Daerah Temburong akhirnya juga tetap akur terhadap kemaraan DBM yang menyingkirkan skuad bola keranjang Daerah Temburong dengan jaringan 67 berbalas 55.



MENARIK ... Barisan Daerah Brunei Muara (DBM) mempamerkan aksi menarik ketika bertemu Daerah Temburong dalam acara bola keranjang.



SEBAHAGIAN aksi perlawanan futsal PSK di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin, Presiden Persekutuan Russia semasa mengadakan perjumpaan empat mata di Green Room, Grand Kremlin Palace, Moscow pada 7 Jun lalu.

Lembaran baru Brunei - Russia dijalin

Dari muka 1

Dalam usaha mereka untuk menggalak dan memperkukuhkan hubungan dua hala serta kerjasama, kedua-dua pihak telah bersetuju untuk meneruskan perbincangan dan persediaan bagi penandatanganan beberapa dokumen dua hala termasuk yang berhubung kait dengan penggalakan dan perlindungan bersama pelaburan, kerjasama dalam pelancongan dan perjanjian pengecualian visa bagi pemegang pasport diplomatik dan rasmi.

Kedua-dua negara juga berkongsi pemahaman yang sama mengenai isu-isu utama serantau dan antarabangsa, juga telah bersetuju untuk bekerjasama dalam pengkalan perdamaian dan kestabilan dalam rantau Asia Pasifik dan rantau lain di dunia dan sebagai tindak balas bagi ancaman dan cabaran dan sebagai menggalakan dan pengkalan keselamatan antarabangsa. Kedua-dua pihak juga mengulangi sokongan mereka terhadap peranan penyelesaian utama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Majlis Keselamatan, mengesahkan lagi komitmen mereka untuk melaksanakan tujuan dan prinsip-prinsip Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan terhadap penyelesaian damai konflik dan perbezaan menurut prinsip undang-undang antarabangsa.

Kedua-dua pihak juga menekankan kepentingan bagi semua negara untuk mematuhi dengan ketat perjanjian antarabangsa yang ada dalam bidang kawalan senjata, gencatan senjata dan non-penuliran senjata pemusnah besar (non-proliferation of weapon of mass destruction, WMD), termasuk Perjanjian Anti Penuliran Senjata, Konven-

syen Senjata Biologi dan Konvensyen Senjata Kimia, berkongsi pandangan terhadap kemasukan awal ke dalam kuasa Perjanjian Anti Ujian Nuklear Menyeluruh. Mereka juga menekankan kepentingan terhadap eksplorasi damai dan penggunaan luar angkasa dan berhasrat untuk menggalakkan usaha antarabangsa yang bertujuan untuk mengelakkan penaruhan apa jua jenis senjata di luar angkasa.

Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk memperluaskan kerjasama dan melakukan langkah sesuai dalam konteks dua hala dan pelbagai hala secara menyeluruh membanteras jenayah terancang antara sempadan termasuk pengedaran najis dadah, jenayah ekonomi, jenayah kewangan, penjualan haram senjata dan aktiviti jenayah yang lain. Kedua-dua pihak juga mengulangi kutukan mereka terhadap keganasan antarabangsa dalam apa jua bentuk dan manifestasi serta melahirkan kesediaan untuk memula dan memperluaskan kerjasama menentang kedua-dua gejala sama ada dua hala atau multilateral.

Kedua-dua pihak juga menaruh kepentingan untuk memastikan keselamatan dan pembinaan keyakinan dalam rantau Asia Pasifik dan menggalakkan keberkesanan struktur dan mekanisme pelbagai hala kerjasama dalam konteks Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Forum Serantau ASEAN (ARF), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) dan Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO).

Kedua-dua pihak juga mengulangi bahawa kemasukan Russia ke dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama Asia Tenggara

menyumbang kepada penggalakan keselamatan dan kestabilan dalam rantau ini serta penerusan dialog antara Russia dan ASEAN di peringkat tertinggi. Kedua-dua pihak juga memandang tinggi terhadap permulaan Sidang Kemuncak Pertama ASEAN-Russia yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada penghujung tahun 2005, yang mana akan menyediakan peluang selanjutnya bagi

satu interaksi yang lebih luas antara Russia dan ASEAN dalam semua bidang kepentingan bersama.

Kedua-dua pihak juga membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kebingungan seperti situasi di Semenanjung Korea, Iraq, Timur Tengah dan Afghanistan.

Pihak Russia juga mengesahkan hasratnya untuk turut serta dalam aktiviti

Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan hasrat berkenaan.

Kedua-dua pemimpin juga melahirkan rasa puas hati dengan hasil lawatan dan menyatakan bahawa ia telah menyumbang dengan positif terhadap pengukuhan masa depan hubungan persahabatan dan kerjasama yang pelbagai antara kedua-dua negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tiba di Doha, Qatar bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China (G77 + China). Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Negara Bagi Hal Ehwal Keluarga Negara Qatar, TYT Sheikh Mohammad bin Eid Al-Thani. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

Brunei - Russia perluas kerjasama dua hala

Sambungan dari muka 1

Dalam hubungan ini, baginda secara peribadi sangat menghargai ter-

hadap semua atur cara yang telah disusun untuk keberangkatan lawatan rasmi.

"Beta mengalu-alukan dengan penuh minat untuk melihat lebih banyak lagi

bandar raya besar Tuan Presiden dan untuk melawat Saint Petersburg, sebuah bandar raya yang bersejarah," titah baginda.

Untuk itu, titah baginda lagi, baginda berharap

untuk belajar lebih banyak lagi mengenai sebuah negara seperti Russia ini yang telah pernah kita baca dan kaji di mana kita sangat menghargai untuk diberikan persahabatan yang sedemikian rupa.

Brunei bebas dari Selesema Burung

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Jun. - Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah bebas daripada Virus Selesema Burung dan bercanggah dengan berita-berita yang tersiar dalam laporan beberapa agensi dan media luar negeri.

Berita-berita yang tersiar di media-media tempatan pada 9 Jun 2005 merupakan 'Latihan-Exercise' atau 'Dry-Run' yang perlu dilaksanakan untuk mengukur kemampuan bagi menghadapi sebarang kemungkinan terjadinya penyakit tersebut.

Jabatan Pertanian juga sentiasa memantau ladang-ladang ternakan ayam di negara ini bagi memastikan bahawa amalan-amalan penternakan perlu dilakukan dengan sebaiknya, manakala contoh-contoh juga sentiasa diambil bagi penganalisaan virus dan bakteria. (Berita mengenai latihan menangani 'Selesema Burung' disiarkan di muka 7).

Hadiri Sidang Kemuncak G77

Laporan Zabaidah Haji Salat dari Doha, Qatar

zabaidah.salat@information.gov.bn

DOHA, QATAR, 14 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di sini bagi menghadiri Sidang Kemuncak Kedua Negara-negara Selatan Kumpulan 77 dan China (G77 + China).

Keberangkatan tiba baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa Doha telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Menteri Negara Bagi Hal Ehwal Keluarga Negara Qatar, Tuan Yang Terutama Sheikh Mohammad bin Eid Al-Thani. Terdahulu sebelum itu baginda dijunjung berangkat turun dari pesawat khas oleh Kuasasaha Semantara, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di sini, Awang Haji Nordin bin Haji Ahmad.

Baginda akan berkenan berangkat ke sidang tersebut yang akan berlangsung esok di Dewan Dafna, Hotel Sheraton Doha. Sidang itu juga akan dihadiri oleh 75 ketua negara dari 132 negara-negara ahli dari Asia, Afrika, Amerika Latin dan Caribbean termasuk Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), TYT Kofi Annan.

Kumpulan 77 (G77) dibentuk pada 15 Jun 1964 oleh 77 negara membangun merupakan forum bagi kepentingan ekonomi bersama negara-negara membangun dan kerjasama teknikal di kalangan negara-negara ahli.

Soal pembangunan adalah antara agenda penting yang akan dibincangkan dalam sidang kali kedua ini selain dari isu politik, ekonomi dan lain-lain topik yang akan menjadi faedah bagi masyarakat negara-negara ahli.

Sidang ini akan dibuka rasmi oleh YTM Sheikh Hamad bin Khalifah Al-Thani, Emir Qatar dan akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Jamaica, YAB Percival Patterson.

Sidang kali ini juga akan lebih menitikberatkan kepada kemajuan ekonomi dan perdagangan di mana hasil dari sidang ini adalah sebagai persiapan bagi Sesi Plenari Peringkat Tertinggi di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-60 di New York.

Di samping itu para pemimpin Kumpulan 77 dan China di sidang ini juga akan membincangkan bagi terus melaksanakan 'Pelan Tindakan Havana' yang dikeluarkan di sidang pertamanya di Cuba, Havana pada tahun 2000 terutamanya soal-soal globalisasi, Kerjasama Selatan-selatan serta bidang sains dan teknologi bagi tujuan pembangunan.

Dua dokumen penting akan dikeluarkan di akhir sidang tersebut iaitu 'Deklarasi Doha' dan 'Pelan Tindakan Doha'.

منجان سوكن كاره كچمرلاغن نكارا
MENJANA SUKAN KE ARAH KECEMERLANGAN NEGARA

تربيتكن اوله جياتن فتراغن، جياتن فردان منتري دان دجيتق اوله جياتن فرچيتقن كراچان، جياتن فردان منتري، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

MELALUI hari-hari dengan tembakau atau tanpa tembakau? Ia satu pilihan yang akan memberi impak yang besar terhadap kehidupan kita. Segelintir masyarakat membuat pilihan lebih awal, mungkin di zaman remaja. Bagi mereka yang telah memilih untuk tidak terus berjinak dengan tembakau ada kemungkinan mereka menyedari akan kesan buruk tembakau atau telah menghadapi risiko dalam segi kesihatan penggunaan tembakau.

Mengapa tembakau menjadi fokus utama dalam kesihatan awam? Tembakau adalah punca kedua terbesar kematian di dunia dan kini bertanggungjawab ke atas kematian satu dalam sepuluh orang dewasa seluruh dunia, atau kira-kira lima juta kematian setiap tahun. Jangkaan menunjukkan bahawa jika tabiat merokok seperti sekarang ini berterusan, ia akan menyebabkan 10 juta kematian setiap tahun menjelang tahun 2020. Ini bermakna dari 1.3 bilion pengguna tembakau sekarang, kira-kira 650 juta akan meninggal dunia akibat tembakau.

Di sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2004 di negara ini dijelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam dengan penduduk kira-kira 350,000 mengimport tembakau bernilai hampir \$25 juta pada 2003, berbanding Bangladesh yang mempunyai 130 juta penduduk tetapi hanya mengimport \$33.8 juta nilai tembakau. Statistik ini saja membuktikan bahawa lebih banyak wang dibelanjakan untuk tembakau. Kesan tembakau bukan saja membahayakan kesihatan pengguna di negara ini, bahkan juga memberi kesan yang buruk terhadap pendapatan pengguna dan ekonomi negara. Ia juga membebankan individu itu sendiri dan negara.

Kajian yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa 30 peratus dari penduduk lelaki adalah perokok dan 5.2 peratus adalah perokok wanita. Penyakit jantung adalah penyebab utama kematian di negara kita dan kira-kira 80 hingga 90 peratus yang menghidap kanser paru-paru adalah perokok. Satu batang rokok mengandungi lebih dari 4,000 bahan kimia berbahaya - 400 dari kimia ini adalah beracun dan 40 kimia lagi boleh mengakibatkan kanser.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) berkata, tembakau juga menjadi faktor risiko keempat bagi penyakit seluruh dunia. Penggunaan tembakau mengakibatkan kebanyakan kes kanser paru-paru, juga beberapa jenis kanser seperti kanser 'cervix' dan kanser buah pinggang. Lain-lain risiko kesihatan yang berhubung kait dengan tembakau ialah serangan jantung, strok, lain-lain penyakit kardiyak, bronchitis, asma dan penyakit-penyakit pernafasan.

TEMBAKAU MEMBERI KESAN BURUK TERHADAP PENDAPATAN PENGGUNA



MEROKOK bukan saja merosakkan kesihatan tetapi juga memberi kesan yang buruk terhadap pendapatan pengguna dan ekonomi negara.

Selain kos yang tinggi untuk mengubati penyakit-penyakit akibat penggunaan tembakau, ia juga membunuh pengguna-pengguna semasa mereka berada di hayat produktiviti tinggi, kehilangan ahli keluarga dan menjadikan negara-negara di dunia kehilangan tenaga kerja

yang sihat. Pengguna-pengguna tembakau juga kurang produktif semasa hayatnya kerana kesihatan yang semakin berkurangan.

Kajian terbesar oleh Barnum pada 1994 menganggarkan bahawa penggunaan tembakau berkesudahan dengan kerugian tahunan sedunia sebanyak US\$200 ribu juta, 33 peratus adalah dari negara-negara sedang membangun. Kenyataan WHO berkata, walaupun tembakau berkurangan di kebanyakan negara-negara berpendapatan tinggi, tetapi ia semakin meningkat di negara-negara berpendapatan rendah. Bank Dunia menjangkakan bahawa negara-negara berpendapatan tinggi membelanjakan antara enam hingga 15 peratus dari kos keseluruhan penjagaan kesihatan untuk merawat penyakit-penyakit yang berhubung kait dengan tembakau.

Data spesifik juga diperolehi bagi negara-negara membangun. Di Mesir kos tahunan bagi merawat penyakit akibat penggunaan tembakau ialah US\$545.5 juta pada 2003, dan di China ialah US\$6.5 bilion setiap tahun iaitu dalam pertengahan tahun 1994. Kos lain terhadap ekonomi ialah kerugian

OLEH AISAH HAJI PIEE
aisah.piee@information.gov.bn

cukai pendapatan akibat penyeludupan dan kerosakan alam sekitar disebabkan penanaman tembakau.

Kajian seluruh dunia juga menunjukkan bahawa tembakau dan kemiskinan mempunyai hubungan yang tidak dapat diselesaikan. Banyak kajian menunjukkan bahawa 10 peratus dari perbelanjaan keluarga-keluarga paling miskin di sebahagian negara-negara yang berpendapatan rendah adalah untuk tembakau. Ini bermakna bahawa mereka mempunyai sedikit wang untuk keperluan asas seperti makanan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Selain dari kesan langsung terhadap kesihatan, tembakau memberi impak kepada kekurangan zat makanan, peningkatan kos penjagaan kesihatan dan kematian 'premature'. Ia juga menyumbang kepada peningkatan kadar buta huruf kerana wang yang sepatutnya boleh membiayai pelajaran sebaliknya digunakan untuk pembelian tembakau.

Selain itu, mereka yang mempunyai pendidikan rendah menggunakan lebih banyak tembakau. Kajian di Rio de Janeiro, Brazil, menunjukkan bahawa kesediaan merokok di kalangan mereka yang menghadiri musim persekolahan empat tahun ke bawah ialah 26 peratus berbanding dengan hanya 17 peratus di kalangan penuntut yang menghadiri musim persekolahan selama sembilan tahun ke atas. Tren sedemikian juga serupa dari segi taraf pendapatan.

HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA 2004

31 Mei adalah hari yang disyitihar oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai Hari Tanpa Tembakau Sedunia. Pada 2004, WHO memilih slogan 'Tembakau dan Kemiskinan': Putaran ganas yang menekankan kos ekonomi

yang tinggi tembakau dan penanamannya terhadap keluarga, masyarakat dan negara. Slogan ini menjelaskan hubungan yang tidak dapat dileraikan yang wujud antara tembakau dan kemiskinan, dan bagaimana penggunaan tembakau terutama oleh masyarakat miskin, mewujudkan kesudahan berbahaya terhadap pendapatan dan ekonomi mereka yang memang dalam keadaan tidak menentu.

WHO juga mengetengahkan dalam kempen ini bahawa majoriti penanam tembakau kecil-kecilan, terutama di negara-negara membangun, hidup dalam kemiskinan. Sebahagian besar kos kesihatan dan ekonomi yang berhubung kait dengan tembakau ditanggung oleh petani kecil-kecilan dan ahli keluarga mereka yang menanam tembakau. Keadaan buruh yang tidak dapat diselesaikan termasuk penggunaan buruh kanak-kanak, pendedahan kepada produk toksik yang tinggi dan impak negatif terhadap alam sekitar menjadikan tembakau satu isu yang dikait rapat dengan kemiskinan dan isu-isu pembangunan yang hangat dibincangkan.

Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2004 dengan kempen '30 Hari Tanpa Rokok' ke arah meningkatkan dan mengukuhkan gabungan langkah oleh beberapa agensi kerajaan untuk memberhentikan penggunaan tembakau, rokok dan merokok. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan penduduk-penduduk negara mengenai bahaya rokok dan merokok, cara-cara untuk berhenti merokok, bagaimana mengatasi tabiat merokok dan kesan merokok terhadap perokok pasif.



ANTARA usaha kerajaan untuk mengawal penggunaan tembakau ialah penghapusan pengiklanan tembakau di layar perak, larangan merokok di bangunan-bangunan Kementerian Kesihatan, penguatkuasaan Akta Kastam 1991 bagi mengenakan semua tembakau yang diimport mempunyai amaran bahaya merokok, tegahan merokok di semua bangunan kerajaan serta menaikkan cukai tembakau kepada 200 peratus mulai 1 Disember 1994.

UNIT PERKHIDMATAN KAUNSELING

'Budayakan sebagai wadah perbincangan dan motivasi, bukan hukuman'

MELANGGAR disiplin dan tata tertib termasuk permasalahan peribadi di kalangan pegawai dan kakitangan kerajaan mendapat perhatian dari Jabatan Perkhidmatan Awam. Masalah tersebut penting untuk ditangani kerana ia boleh menjejaskan kualiti dan produktiviti Perkhidmatan Awam (PA) itu sendiri.

Menurut kajian dalam tiga tahun satu bulan (1 Januari 2000 hingga 31 Januari 2003), seramai 334 orang warga PA daripada 12 kementerian telah diambil tindakan tatatertib (purata sembilan orang sebulan), lelaki 288 orang (86 peratus) dan perempuan 46 orang (14 peratus).

Jenis-jenis kesalahan tidak hadir kerja 108; penyalahgunaan dadah 66 orang; Kanun Jenayah 48 orang; judi 45 orang; Akta Bomba 14 orang; keluar negeri tanpa kebenaran sembilan orang; kesalahan Syariah tujuh orang; Akta Imigresen empat orang; prestasi kerja tidak memuaskan dua orang; Akta Kastam dua orang dan kesalahan lain 18 orang.

Walaupun jumlah tersebut belum begitu besar berbanding lebih kurang 48 ribu warga PA keseluruhannya tetapi perlu ditangani sebelum menjadi lebih parah. Jabatan Perkhidmatan Awam yang prihatin mengenai perkara tersebut telah mengambil inisiatif menubuhkan Unit Perkhidmatan Kaunseling yang dilancarkan pada 14 April lepas.

FOKUS kali ini akan membicarakan mengenai matlamat Unit Perkhidmatan Kaunseling, permasalahan warga PA dan sejauh mana pihak pengurusan agensi-agensi kerajaan memastikan bahawa setiap warganya yang melanggar disiplin dan tata tertib atau mempunyai permasalahan peribadi diantar untuk mengikuti kaunseling.

MATLAMAT

Unit Perkhidmatan Kaunseling ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ia merupakan satu lagi usaha kerajaan ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti PA.

Kerajaan merasakan, mereka yang bermasalah perlu diberikan peluang melalui bimbingan supaya boleh memainkan peranan dan balik menjadi warga PA yang komited dan patuh kepada disiplin serta etika kerja.

Pendekatan yang diambil ialah dengan cara cuba memahami permasalahan dan tekanan yang mereka hadapi baik di tempat kerja, di rumah mahupun persekitaran yang menjadi punca mereka bersikap negatif.

Warga PA yang mempunyai masalah disiplin dan etika kerja termasuk kurang komitmen dan motivasi perlu diberikan peluang untuk memperbaiki diri mereka dengan menjalani khidmat kaunseling sebelum tindakan tatatertib dikenakan kepada mereka.

Untuk tujuan ini Unit Perkhidmatan Kaunseling ditubuhkan untuk memastikan supaya warga PA dapat mempertingkatkan produktiviti dan merancang kemajuan kerjaya dengan menggunakan potensi diri secara positif dan proaktif melalui perkhidmatan kaunseling.

Dalam era sistem pengurusan sumber manusia, perkhidmatan kaunseling dianggap sebagai rakan strategik dan komponen penting dalam pengurusan sumber manusia dalam sektor awam.

Tugas dan tanggungjawab unit ini bukan hanya tertumpu untuk memberikan nasihat dan kaunseling kepada warga PA yang bermasalah atau yang dikenakan tindakan tata-



Oleh Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

tertib tetapi meliputi warga PA yang ingin mencari penyelesaian ke atas masalah peribadi, tekanan emosi dan tekanan bebanan kerja ke arah meningkatkan prestasi dalam kerjaya mereka.

Selain itu Unit Perkhidmatan Kaunseling juga diberikan tanggungjawab untuk menyediakan khidmat runding kepada agensi-agensi kerajaan berhubung perkhidmatan kaunseling untuk membangunkan motivasi, meningkatkan keupayaan dan keutuhan kepagaawain serta pembangunan kerjaya.

DISIPLIN

Selain beberapa kesalahan melanggar undang-undang yang terpaksa dibawa ke mahkamah, juga banyak berlaku di kalangan warga PA ialah masalah melanggar disiplin atau etika kerja, di samping kurang komitmen dan bersikap negatif.

Antara pelanggaran disiplin itu termasuklah sebahagian warga PA yang sering lambat datang dan awal pulang dari pejabat; tidak datang ke pejabat untuk beberapa hari; tuang kerja atau sering keluar meninggalkan pejabat dalam masa yang agak lama untuk urusan peribadi dan seumpamanya.

Dari segi sikap pula ialah kurang komitmen terhadap tugas; sikap malas dan tidak membuat tugas yang disuruh; hubungan kurang baik dengan ketua dan orang atasan atau rakan sekerja; terlalu sensitif dan suka mencetuskan perbalahan.

Perkara-perkara lain ter-

masuklah dari segi keolahan negatif baik dari segi percakapan dan perbuatan; berambut panjang; memakai pakaian dan aksesori yang tidak sesuai semasa waktu pejabat dan lain-lain.

Terdapat juga mereka yang menghadapi gangguan mental atau tekanan emosi disebabkan masalah peribadi atau keluarga dan rumah tangga; menghadapi masalah kewangan; tertekan dengan bebanan tugas yang banyak serta kompleks dan sebagainya.

TINDAKAN

Dalam menangani permasalahan tersebut di atas maka ketua-ketua jabatan dan pengurusan hendaklah bersikap tegas dan berani. Memang disedari bahawa untuk menghantar seseorang kakitangan mengikuti khidmat kaunseling mungkin mudah disebut tetapi susah dilaksanakan apatah lagi jika melibatkan pegawai senior kerana ia menyentuh soal 'maruah' dan bersifat peribadi.

Dalam hal ini pihak pengurusan perlu mempunyai garis panduan dan sukat-sukat mengenai bentuk pelanggaran disiplin yang memerlukan khidmat kaunseling. Pada masa yang sama pihak jabatan atau pengurusan perlu membuat pemantauan yang berkesanan dan teliti kerana sebarang tindakan yang diambil perlu bersifat adil tanpa mengira kedudukan dalam jabatan berkenaan.

Mungkin terdapat ketua jabatan atau pihak pengurusan yang bersikap 'lembut'

atau terlalu 'bertolak ansur' dalam menghadapi kerana anak-anak buahnya. Mungkin juga akan ada ketua jabatan dan pihak pengurusan yang bersikap 'tegas dan berani'. Apa yang penting ialah keseragaman tindakan yang bukan sahaja memberikan kepuasan kepada semua pihak malah untuk jangka masa panjang akan membawa kebaikan kepada PA sendiri.

POSITIF

Semua pihak harus melihat penubuhan Unit Perkhidmatan Kaunseling sebagai sesuatu yang positif untuk kebaikan mereka yang bermasalah dan demi kecemerlangan PA. Untuk melihat keberkesanan mungkin kita perlu membudayakan sikap 'tegas dan berani' di kalangan pihak pengurusan. Pada masa yang sama pegawai dan kakitangan pula perlu menganggap khidmat kaunseling itu bukan sesuatu yang mencemar dan menjatuhkan maruah mereka.

Alangkah baiknya jika semua warga PA melihat Unit Perkhidmatan Kaunseling itu sebagai hospital atau klinik di mana para pesakit akan datang mendapatkan rawatan, kalau tidak pun umpama kanak-kanak yang 'takut-takut' berjumpa doktor akhirnya datang juga kerana ingin cepat sembuh dari penyakit yang dihidapi. Jika budaya seperti 'pesakit dan doktor' ini dapat diwujudkan maka Unit Perkhidmatan Kaunseling akan dapat dilihat keberkesananannya.

Apa yang penting ialah menanamkan kesedaran dan kefahaman kepada warga PA supaya tidak melihat khidmat kaunseling itu sebagai 'hukuman' tetapi lebih menganggapnya sebagai 'wadah' perbincangan atau motivasi untuk meningkatkan kewibawaan dan keupayaan diri ke arah mencapai kehidupan masa depan yang lebih cerah.

Dalam usaha membudayakannya itu, mungkin

sahaja secara 'sukarela' ia dimulakan oleh beberapa orang pegawai yang mendapatkan khidmat kaunseling dari segi 'kepimpinan, kewibawaan dan kepegawaian'. Warga PA lain mungkin secara sukarela pula mendapatkan khidmat kaunseling mengenai pengurusan masa, bebanan tugas, keluarga dan kewangan.

Paling mudah menceritakan khidmat kaunseling ini ialah melalui pegawai-pegawai yang akan bersara, bagaimana menghadapi pra persaraan dan menjalani kehidupan selepas bersara. Bagi yang tidak menerima pencen bulanan pula mereka memerlukan khidmat kaunseling bagaimana mengurus sedikit wang tabungan TAP dan bagaimana mendapatkan sumber kewangan untuk menyara kehidupan seharian dan seumpamanya.

Jika khidmat kaunseling sudah terbudaya sebagai 'wadah perbincangan dan motivasi' kepada warga PA di semua peringkat maka tidak akan timbul lagi 'cemuhan dan rasa malu' malah secara 'sukarela' ramai yang ingin mendapatkan khidmat kaunseling secara percuma untuk meningkatkan diri dan kerjaya.

Apa yang perlu diberikan penekanan ialah biarlah khidmat kaunseling itu benar-benar berkesan. Umpama ubat, jika ia mujarab tentu sekali pesakit akan mendapatkannya untuk kali kedua dan seterusnya. Paling tidak dia akan memberitahu keluarga atau kawan-kawan lain mengenai kemujarabannya, akhirnya orang lain pun akan tertarik untuk mendapatkan rawatan.

Keadan mungkin akan menjadi sebaliknya, ubat atau terapi yang diberikan oleh doktor mungkin baik tetapi pesakit tidak makan atau mengamalkan. Seperti juga pesakit yang perlu mengikut nasi-

hat dan arahan doktor begitulah juga halnya mereka yang mengikuti khidmat kaunseling mereka perlu mengikut nasihat kaunselor.

PELUANG

Peluang mengikuti khidmat runding dan kaunseling secara percuma ini seharusnya dimanfaatkan oleh warga PA secara positif. Bayangkan untuk mendapatkan khidmat kaunseling pakar swasta bagi mengatasi sesuatu permasalahan umpamanya akan menggunakan belanja yang agak mahal.

Bisnes kaunseling dan motivasi ketika ini memang laris dan dimanfaatkan oleh orang ramai. Bayaran untuk mendapatkan khidmat seorang pakar motivasi dan kaunseling di luar negeri agak tinggi. Kadang-kadang seorang pakar didatangkan untuk memberikan ceramah motivasi berbentuk umum oleh agensi-agensi atau organisasi-organisasi tertentu mengenai pelbagai tajuk tidak terkecuali mengenai kerjaya, disiplin, komitmen dan sebagainya.

Tentu sekali motivasi atau kaunseling yang dibuat secara bersemuka dalam perbincangan dan interaksi yang telus dan dijiwai dengan perasaan saling memahami akan lebih efektif dan memberikan kesan yang mendalam.

Maka kita perlu mengambil peluang ini demi kebaikan diri dan masa depan yang lebih baik. Kita perlu banyak muhasabah diri dan kadangkala kita juga perlu mengakui bahawa sangat susah untuk kita melihat kesalahan dan kelemahan sendiri melainkan orang lain yang lebih nampak. Dalam keadaan ini kita masih memerlukan pandangan dan nasihat orang lain.

Akhir kata: 'Budayakan khidmat kaunseling sebagai wadah perbincangan dan motivasi'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN

Unit Kawalan Vektor

Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar

Bahagian 1

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Memberi khidmat nasihat/memberi ubat pencegah penyakit malaria (chemoprophylaxis).	2 jam
2.	Membuat penyiasatan epidemiologi ke atas penyakit malaria denggi/filial.	1 hari (termasuk cuti awam)



HUBUNGAN rasmi antara Negara Brunei Darussalam dan Persekutuan Russia termeterai dalam bulan Oktober 1991 dengan penandatanganan hubungan diplomatik antara kedua buah negara di Bilik Perundingan Majlis Keselamatan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkhiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, manakala Persekutuan Russia diwakili oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tuan Yang Terutama Boris Pankin. Semasa Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di negara ini pada tahun 2000, Presiden Persekutuan Russia, Tuan Yang Terutama Vladimir V. Putin telah mengahdirinya. Tuan Yang Terutama yang dilahirkan dalam tahun 1952, merupakan pemimpin termuda yang mengahdiri mesyuarat itu. Tuan Yang Terutama dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa mesyuarat itu berkesempatan mengadakan pertemuan (gambar kiri). - Sumber: PELITA BRUNEI, 22 November 2000 (2000 : 8 & 9), PELITA BRUNEI 8 Jun 2005 (2005-11 : 4). Berakas: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Who's Who APEC 2000 Brunei Darussalam - Brunei Darussalam: Information Department, Prime Minister's Office (2000 : 32).

وقت ۲ سمبهيڻ باڳي دائره توتوڻ ڊئمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت ڊئمبه ٽيگ مينيت، سمبهيڻ فرض جمعة دسلوروه نگارا پروني دارالسلام دمولای دری فوکل 12.45 ٿڦهاری.

SEMBAHYANG DHUHA:

Mulakan langkah sekarang

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

PERNAHKAH kita terfikir bahawa dengan mengingat Allah akan mententeramkan jiwa, meredakan kesibukan dan melapangkan segala kesempitan? Ini telah dinyatakan sendiri oleh Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Ketahuilah! Dengan Zikrullah itu tenang tenteramlah hati manusia". (Surah Ar-Ra'd : 28)

Kembaliilah menyegerakan diri kepada perkara-perkara yang mendekatkan diri kepada-Nya, sesungguhnya ia adalah keutamaan segala yang utama. Memelihara yang wajib itu suatu kemestian; rebutlah pula peluang untuk mengerjakan amalan-amalan yang sunat. Sebagai permulaan, luangkan sedikit masa di waktu pagi dengan mengerjakan Sembahyang Dhuha.

SEMBAHYANG DHUHA SEBAGAI SEMBAHYANG AWWABIN

Sembahyang Dhuha adalah termasuk dalam rangkaian Sembahyang Awwabin. Imam Ibnu Hajar mentafsirkan Sembahyang Dhuha itu sebagai Sembahyang Awwabin. Secara takrif, Awwabin bererti orang-orang yang kembali semula kepada Allah dengan melakukan perkara-perkara ketatan dan meninggalkan urusan-urusan yang kosong daripada zikrullah. Dalam istilah yang lain ia juga disebut sebagai Sembahyang Ghafrah yang membawa maksud sembahyang yang dikerjakan ketika manusia pada kebiasaannya terleka atau lalai daripada mengingat Allah.

Justeru, jika Sembahyang Dhuha itu mengandungi sifat-sifat Sembahyang Awwabin, maka amat wajarlah ia dikerjakan selalu apatah lagi waktu mengerjakannya adalah waktu di mana manusia begitu sibuk dengan aktiviti dan kepentingan masing-masing. Lazimnya, segala kesibukan tersebut mengakibatkan seseorang itu alpa dalam mengingat Allah. Fungsi Sembahyang Dhuha dicerminkan melalui waktu mengerjakannya yang paling afdal iaitu pada seperempat siang. Menurut ulama, antara hikmah ia dikerjakan pada waktu tersebut ialah agar tidak ada waktu di siang hari yang akan sunyi daripada mengingat Allah. Seperempat yang pertama diisi dengan Sembahyang Subuh, keduanya Sembahyang Dhuha, ketiga Sembahyang Zuhur dan keempat Sembahyang Asar.

HUKUM SEMBAHYANG DHUHA

Sembahyang Dhuha hukumnya sunat yang sangat dianjurkan. Walau bagaimanapun, ia tidak sunat dikerjakan secara berjemaah.

Abu Hurairah Radiallahuanhu berkata yang maksudnya:

"Kekasihku (Rasulullah) memberi wasiat (pesan) kepadaku dengan mengerjakan puasa tiga hari pada setiap bulan, mengerjakan Sembahyang Dhuha dua rakaat dan mengerjakan Sembahyang Witr sebelum aku tidur." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

Dalam satu hadis daripada Ummu Hani' meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tidak melazimkan Sembahyang Dhuha pada setiap hari. Ini bagaimanapun tidaklah boleh dijadikan sandaran ibadat itu bukan termasuk dalam anjuran. Sebaliknya, seperti yang dikemukakan oleh Imam Nawawi Rahimahullah, perlakuan Rasulullah tersebut adalah atas dasar berjaga-jaga agar ia tidak dianggap suatu keforduan sebagaimana yang Baginda lakukan ketika menyatakan kedudukan Sembahyang Tarawih.

FADILAT SEMBAHYANG DHUHA

Anjuran untuk mengerjakan Sembahyang Dhuha boleh diselami melalui hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjelaskan tentang fadilat sembahyang ini. Antara hadis-hadis tersebut adalah seperti berikut:

1. Daripada Abu Zar Radiallahuanhu yang berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Setiap sendi di tubuhmu adalah merupakan sedekah. Setiap tasbih itu sedekah, setiap tahmid itu sedekah, setiap tahlil itu sedekah dan setiap takbir itu adalah sedekah. Ajakan pada perkara kebajikan adalah sedekah, dan cegahannya daripada kemungkaran adalah juga sedekah. Semua itu adalah memadai dengan hanya melakukan dua rakaat Sembahyang Dhuha." (Hadis riwayat Muslim dan Abu Daud).

2. Daripada Abu Buraidah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Dalam setiap tubuh manusia ada tiga ratus enam puluh sendi. Maka hendaklah dia bersedekah pada setiap sendi-sendi itu. Mereka berkata: Siapakah yang berdaya melakukannya wahai Nabi Allah? Rasulullah menjawab: (Dengan) menimbus kakak yang berada

di kawasan masjid dan (dengan) menjauhkan dari di jalan-jalan. Jika kamu tidak menjumpai perkara itu, maka memadai bersembahyang Dhuha dua rakaat." (Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Hibban).

3. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Barangsiapa melazimkan dua rakaat Sembahyang Dhuha, maka diampuni dosanya meskipun banyaknya seperti buih di lautan." (Hadis riwayat At-Tirmidzi)

Dalam sanad (urutan perawi) hadis ini terkandung Nahhas bin Qahm. Menurut Imam Al-Hafiz Abu Al-'Ula Muhammad Abdul Rahman bin Abdul Rahim pengarang kitab Tuhfat al-Ahwazi, Nahhas bin Qahm ini adalah dikenali sebagai seorang perawi hadis yang lemah.

Walaupun bagaimanapun, hadis seperti di atas boleh dipegang sekadar dalam menyatakan kelebihan sesuatu amalan. Ini dilakukan sendiri oleh para ulama termasuklah Imam An-Nawawi Rahimahullah. Hadis ini turut dihipunkan oleh Al-Imam Al-Hafiz Al-Munziri dalam kitabnya At-Targhib wa At-Tarhib dalam menyatakan kelebihan Sembahyang Dhuha.

SEMBAHYANG DHUHA MENOLAK KEPAPAAAN, KUNCI PINTU REZEKI

Dalam satu hadis daripada Abu Zar Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Allah Tabaraka Wataala berfirman yang tafsirnya: Hai Anak Adam! Rukuklah untuk-Ku empat rakaat di awal siang, nescaya Aku cukupkan (keperluan-keperluan) engkau sehingga ke akhirnya." (Hadis riwayat Ahmad, Abu Daud, At-Tirmidzi dan An-Nasa'i).

Sumber rezeki adalah keperluan utama bagi setiap individu. Hakikatnya, tidak semua dapat menggapai nikmat kepuasan rezeki yang mereka peroleh. Ia suatu realiti yang tidak dapat dijejaki dengan penjelasan yang mudah. Berapa ramai yang gigih berusaha tetapi amat sukar memperoleh hasil yang banyak. Betapa ramai pula yang memiliki kepintaran untuk menjawab pekerjaan yang baik tetapi akhirnya sentiasa merasa tidak puas dengan pendapatannya. Dalam masa yang sama kita juga dapat melihat



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Bilangan 206 Bahagian Pertama

orang-orang yang berada merasa gelisah diburu hutang-piutang di keliling pinggang sedang yang miskin pula bahagia kerana secupak rezeki yang mereka nikmati.

Di sinilah tempatnya di mana faktor keberkatan rezeki itu sangat perlu diambil kira. Betapa tidak, wang nota seringgit waimapun sedikit akan dapat memenuhi keperluan tuan empunya jika ianya diberkati. Sebaliknya jumlah yang banyak belum tentu dapat memuaskan segala tuntutan jika ia hampa daripada nikmat keberkatan tersebut.

Sejauh mana keberkatan itu dapat dijana, ia berkait rapat dengan amal ibadat seseorang yang mendekatkan dirinya kepada redha Allah Subhanahu Wataala iaitu Yang Maha Pemberi segala rezekinya. Hadis qudsi di atas menjelaskan Sembahyang Dhuha itu adalah salah satu wadah menuju matlamat keberkatan tersebut. Allah Subhanahu Wataala menerangkan sesiapa yang mengamalkan sembahyang empat rakaat di waktu pagi, nescaya akan dicukupi keperluannya sepanjang hari itu.

Inilah yang telah diambil berat oleh para salaf saleh dahulu kala yang terkenal dengan sikap mereka yang 'abid dan zuhud. Setiap kali mereka mempelajari anjuran-anjuran agama seumpama ini, mereka selalu menegakkannya dengan amalan yang berterusan. Mungkin oleh sebab itu rezeki mereka diberkati dan sentiasa mencukupi, walaupun sedikit. Selain dapat memenuhi keperluan-keperluan asas, mereka masih mampu bersedekah dan membelanjakan harta mereka bagi menyebarkan syiar agama Islam. Ini banyak diceritakan dalam kisah-kisah agung pejuang Islam yang sangat mencintai agama mereka yang suci.

Lazimkanlah Sembahyang Dhuha, mulakan langkah sekarang! Ia boleh merawat duka kesempitan walaupun tanpa terduga.

BERSAMBUNG

HALAL membawa makna yang sangat besar kepada setiap individu Muslim. Ia dikaitkan dengan kebersihan, kesihatan, kemuliaan akhlak dan yang penting sekali ialah ibadah yang dilakukan setiap masa sebagai makhluk Allah. Sudah tentu yang dimaksudkan di sini ialah halal dari aspek pemakanan khususnya, kerana yang tidak halal atau haram itu hanyalah benda-benda kotor dan kelakuan yang tidak wajar, yang tidak sepatutnya umat Islam melakukannya, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu." (Surah Al-Baqarah ayat 168).

Islam merupakan agama yang mahu menjaga kebersihan dan hanya menerima perkara yang baik-baik. Hal ini meliputi semua aspek termasuk soal makanan dan barang guna. Semua ini adalah kerana ia bukan sekadar mengisri perut, malah mempunyai kaitan dengan ibadat, dan pemakanan dari sudut Islam juga memberi kesan kepada peribadi manusia. Oleh itu kita sebagai umat Islam yang beriman perlulah memelihara dan berhati-hati mengambil makanan dan minuman seharian, kerana bahan-bahan makanan atau minuman yang masuk ke dalam tubuh akan menjadi darah dan daging, seterusnya dengan tubuh itulah manusia menjalankan ibadah yang diperintahkan.

Bayangkanlah, kita melaksanakan ibadat suruhan Allah Subhanahu Wataala dan menghadap-Nya dengan tubuh badan yang dipenuhi dengan segala macam yang tidak halal, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Sudah tentulah ibadat yang dilaksanakan itu tidak akan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala dan menjadikannya perbuatan itu hanyalah menjadi sia-sia sahaja.

Malah di dalam hal memelihara makan dan minum yang halal ini, para ibu bapa yang mencari rezeki untuk anak-anak juga hendaklah lebih berhati-hati, bukan saja benda yang diperolehi itu halal akan tetapi keadaan benda itu sendiri bersih dan tidak meragukan kehalalannya,

HIDUP DENGAN MEMELIHARA MAKANAN YANG HALAL

maksudnya ialah seperti daging walaupun daging itu halal, akan tetapi jika sekiranya daging itu meragukan kehalalannya maka sudah tentulah ia akan bertukar kepada yang haram dan tidak boleh dimakan. Contohnya daging ayam yang tidak disembelih atau tidak diketahui dari mana ianya diperolehi, kerana dalam hal ini sebahagian masyarakat khususnya pihak peniaga yang ingin mengaut keuntungan akan mengambil kesempatan untuk mengelirukan orang ramai tanpa memikirkan kepentingan orang lain.

Oleh yang demikian dalam memelihara makanan ini, Allah telah berfirman di dalam Al-Quran yang tafsirnya: "Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih) dan darah (yang keluar mengalir) dan daging babi (termasuk semuanya) dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah dan yang mati tercekik dan yang mati dipukul dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi dan yang mati ditanduk dan yang mati dimakan binatang buas kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya) dan yang disembelih atas nama berhala." (Surah Al-Maa'idah ayat 3).

Sebagai seorang Islam yang mengaku dirinya benar-benar beriman kepada Allah Subhanahu Wataala hendaklah sentiasa berusaha mencari jalan bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam memelihara makan dan minum yang halal, kerana perkara yang sedemikian diperlukan dalam kehidupan seharian kita untuk

menuju jalan keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Di samping kita mencari rezeki di dunia ini, khususnya kepada peniaga-peniaga hendaklah memikirkan kepentingan orang lain. Janganlah disebabkan ingin mahu mengambil keuntungan yang besar orang lain yang menjadi mangsa dan menanggung akibatnya.

Sebagai sebuah negara yang majoriti penduduknya beragama Islam, sepatutnya dan sudah sewajarnya kita memikirkannya bahawa dalam hidup bermasyarakat haruslah ada sifat dan tanggungjawab terhadap orang lain iaitu menghormati mengenai penghidupan orang lain, khususnya dalam memelihara makanan, minuman dan sebagainya.

Sebahagian daripada umat Islam masa kini, ada juga yang tidak memikirkan dan tidak mengendahkan tanpa memperdulikan soal halal dan haram di samping tanpa memikirkan kemurkaan Allah Subhanahu Wataala demi untuk kepentingan diri sendiri sanggup menipu orang lain, ingin cepat untung yang lebih besar sanggup mengubah yang haram kepada yang halal.

Hanya mereka yang faham sahaja tahu menilai bahawa menjaga kepentingan orang lain adalah menjadi suatu keperluan dalam hidup bermasyarakat. Janganlah ianya diambil ringan akan tetapi hendaklah kita sama-sama memikirkannya. Di dalam keadaan yang sedemikian, selain menghormati kepentingan penghidupan orang lain, kita akan beruntung, negara akan aman dan menjauhkan diri kita dari



pada melakukan perkara yang merugikan diri sendiri.

Oleh yang demikian, dalam menjaga halal dalam penghidupan seharian kita di samping nikmat yang disuap itu mengandungi pelbagai khasiat, terlebih dahulu hendaklah disahkan hukum halal dan haramnya sebelum ianya menjadi darah dan daging yang masuk ke dalam jasad dan tubuh kita.

Insan mukmin harus sensitif bahawa hanya yang halal mencetus rasa kesyukuran ke arah hidup bahagia. Jauhlah rezeki yang haram, kerana ia mengakibatkan kerosakan dan padah. Sebagaimana sabda Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sesiapa yang tumbuh dagingnya daripada bahan makanan yang haram, sesungguhnya api Neraka itu lebih utama baginya."

Maka ingatlah bahawa memelihara penjagaan makan daripada makanan yang halal itu janganlah ianya diiringi-ringankan, kerana sesungguhnya syaitan itu akan sentiasa menyesatkan orang-orang yang beriman. Semoga kita umat Islam akan terpelihara daripadanya dan termasuk golongan orang-orang yang bertakwa dan ingat kepada-Nya.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

'CABARAN KEPADA GOLONGAN BELIA ...'

DEFINISI belia adalah mereka yang berumur 15 hingga 40 tahun. Di Negara Brunei Darussalam dalam perlembagaan persatuan-persatuan belia pun memberi pengiktirafan hanya belia yang berumur antara 15 hingga 40 tahun sahaja yang didaftarkan sebagai ahli persatuan belia. Kalau kita menyeronokkan sejarah Majlis Belia-Belia (MBB), sejak tahun 60-an, Yang Dipertua MBB dijawab oleh Aziz Umar (YB Pehin Aziz) meninggalkan MBB ketika umur beliau 36 tahun. Diganti oleh Mohd. Zain Haji Seruddin (YB Pehin Md. Zain) sehingga tahun 1972 ketika itu beliau berumur 39 tahun. Diganti oleh Awang Jaya Latif dan terpaksa berundur dari MBB ketika berumur 38 tahun. Selepas itu disandang oleh Pg. Dato Badaruddin Ghani, Haji Mustapha Abd. Rahman dalam waktu umur di bawah 40 tahun. Kepimpinan Pehin Aziz Umar, Pehin Md. Zain dan Jaya Latif telah berjaya mengasah belia pelapis seperti Pg. Badaruddin, Mustapha Haji Abd. Rahman termasuk Pg. Suhaimi Wahid. Entah di mana silapnya setelah dipimpin oleh pelapis yang diharapkan, MBB kecundang hingga pendaftarannya dibatalkan.

Dalam peristiwa di atas, timbul pertanyaan, di mana sekarang belia Brunei? Pucuk pimpinan yang ada sekarang terdiri daripada mereka yang sudah ada cucu dan sudah menerima pencen tua. Yang lebih menghairankan pemimpin tua yang ada sekarang, tidak pernah aktif ketika kecemerlangan MBB yang dipimpin oleh Pehin Mohd. Zain Serudin dan Awang Jaya Latif.

Belia-belie Brunei jangan memandang ringan hal ini, kerana ia berhubung dengan masa depan belia. Sayangia sama dimaklumkan lebih 60 peratus dari penduduk di negara ini adalah terdiri dari belia dan sewajarnya belia memikirkan merubah kepimpinan serta memilih golongan belia yang mempunyai inspirasi golongan belia. Mustahil dan amat menghairankan jika belia sekarang kegersangan pemimpin yang terdiri belia yang berumur 40 tahun ke bawah. Jika para belia gagal memilih pemimpin belia yang berwibawa maka alam akan musnahlah kaum belia dan masa depannya.

Suatu yang harus difikir bersama, memilih pemimpin yang terdiri daripada orang tua (nenek-nenek) belum menjanjikan perubahan drastik kepada kemajuan belia. Persatuan-persatuan belia hanjur dan hidup segan mati tak mau di seluruh negara adalah punca asalnya melalui kepimpinan yang tidak berubah dan menjadikan kepimpinan sebagai satu budaya; yang definisi belia terlalu kabur dan sengaja disembunyi dan tidak mau diketengahkan ketika diadakan Kongres MBB.

Kepada pemimpin yang sudah melebihi 55 tahun harus sama berfikir secara rasional. Selagi mereka ghairah dan tidak mau meninggalkan kepimpinan MBB dan persatuan belia; bagaimana kita dapat melahirkan pemimpin muda atau pelapis. Justeru itu untuk kepentingan belia dan masa depan mereka saya merayu kepada pemimpin yang sudah lanjut usia supaya berundur. Mereka boleh berhijrah ke organisasi lain, jika mau jadi pemimpin pertubuhan, misalnya Persatuan Orang Bersara, atau di Mukim dan Kampung iaitu Majlis Perundingan.

Belia Tua

KONVENSYEN PEMIMPIN-PEMIMPIN INSTITUSI PENDIDIKAN AGAMA KE-3



Oleh Noor Khadijah Tengah

KETUA Bahagian Latihan dan Penyelidikan Sekolah, Cikgu Haji Jaafar bin Haji Ahmad ketika berucap di Majlis Konvensyen Pemimpin-pemimpin Institusi Pendidikan Agama Ke-3 Tahun 1426/2005 berlangsung di JPA. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

RIMBA, 30 Mei. - Sesebuah organisasi perlu mempunyai wawasan iaitu visi, misi, matlamat, objektif dan fungsi dalam merancang dan melaksanakan tugas.

Sesuai dengan perubahan struktur pendidikan dan cabaran masa kini, Jabatan Pengajian Islam (JPI) sentiasa kemas kini dengan menyusun beberapa strategi membuat pengubahsuaian dan pembaharuan kepada visi JPI iaitu ke arah membentuk masyarakat yang berilmu, beriman, beramal dan bertakwa.

Manakala misi JPI pula ialah melahirkan pelajar yang kukuh akidahnya, berkependaian dan berakhlak mulia melalui pendidikan Islam yang bersestien, berkualiti dan mantap bersandarkan Al-Quran dan As-Sunnah dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti pendidikan Islam secara formal dan tidak formal bagi pembinaan, pembentukan insan yang taat beragama, berkependaian, berakhlak mulia dan taat kepada negara Melayu Islam Beraja.

Bagi mencapai visi dan misi ini, banyak cabaran dan rintangan yang menghalang perlu ditempuhi bagi mencapai kejayaan yang cemerlang untuk memandu sebuah organisasi, sumber tenaga manusia pengendalinya perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup, berkeyakinan, bersemangat, proaktif dan yang paling penting ialah menamakan sifat amanah dan jujur serta niat ikhlas dalam melakukan apa jua pekerjaan kerana Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa melihat pekerjaan yang dikerjakan itu dengan membuat penilaian

dan akan diberikan ganjaran setiap apa yang dikerjkan.

Pengarah Pengajian Islam, Ustazah Hajah Kasimah binti Haji Siput menyatakan perkara demikian sebagai tetamu kehormat di Majlis Konvensyen Pemimpin-pemimpin Institusi Pendidikan Agama Ke-3 Tahun 1426/2005 di Institusi Perkhidmatan Awam, di sini.

Menurutnya, konvensyen ini merupakan salah satu usaha JPI untuk mengembangkan pengetahuan serta meningkatkan pengalaman melalui bengkel-bengkel dan bimbingan, dengan itu akan dapat membuka minda para peserta untuk dijadikan cara merancang, bertindak dan melaksanakan hasil daripada bengkel-bengkel yang diikuti.

"Mengendalikan perkembangan staf seperti melaksanakan program-program latihan dan peningkatan kemahiran serta memberi peluang untuk mengikuti sebarang kursus dan latihan yang bersesuaian bagi pegawai-pegawai, guru-guru agama dan kakitangan adalah termasuk dalam rancangan 20 tahun ini dan akan dilaksanakan secara berterusan," jelas beliau semasa memberikan ucapannya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Latihan dan Penyelidikan Sekolah, Cikgu Haji Jaafar bin Haji Ahmad berucap bahawa konvensyen ini sangat signifikan kepada warga JPI pada keseluruhannya, kerana setelah hampir setengah abad sistem pendidikan Islam dijalankan secara formal dengan dapat menyaksikan pelancaran visi, misi dan matlamat JPI yang diperbaharui.

"Pelancaran ini signifikan kerana sebilangan besar yang hadir pada konvensyen ini akan terlibat secara langsung dalam merealisasikan aspirasi yang disasarkan dalam visi, misi dan matlamat itu nanti," jelas beliau semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Beliau menerangkan bahawa semenjak kertas kerja 'Hala Tuju Sekolah Agama' dibentangkan dalam perkumpulan pertama pada tahun 2003, gerakan membudayakan kegiatan profesional khususnya di peringkat sekolah begitu ketara rancang diungkapkan.

Jelas beliau lagi, pihak jabatan banyak menerima makluman berhubung kegiatan-kegiatan profesional seperti seminar, bengkel, kongsi sama dan seumpamanya termasuklah juga lawatan-lawatan yang berbentuk tinjauan sambil belajar.

Adalah menjadi harapan JPI, konvensyen tersebut dapat menghasilkan pemikiran-pemikiran yang dapat dijadikan landasan untuk warga JPI bergerak selaras dengan wawasan-nya.

Cikgu Haji Jaafar memberitahu bahawa pihak JPI berharap pada konvensyen-konvensyen akan datang lebih banyak lagi usaha-usaha yang kreatif dapat dikongsikan yang mana sententunya akan mencemerlangkan lagi kepimpinan guru-guru di bawah JPI di mata masyarakat pada umumnya.

Seramai 300 peserta mengikuti bengkel tersebut terdiri daripada Pengetua Sekolah, Timbalan Pengetua, Guru Besar, Penolong Guru Besar dan Guru Agama.



Kelolaan: Sahari Akim dan Siti Seri Leila Inelda Farrah Johre binti Haji Abdullah

E-EDUCATION

SELARAS dengan inisiatif e-kerajaan yang giat dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan di negara ini, Kementerian Pendidikan juga melaksanakan 28 projek di bawah tumbuk e-education: edunet, e-learning, Education Information System (EIS), Digital Library dan capacity building.

Bagi menyediakan prasarana, struktur informasi dan 'wetware' (humanware) sejumlah \$145 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan bidang-bidang utama yang akan dapat menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien selain menjadi organisasi yang dinamik.

Misi e-education ialah untuk mentransformasikan Brunei Darussalam ke arah lebih berpengetahuan, berwawasan, memiliki berbagai kemahiran, kompetitif dan terkemuka selaras dengan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Sementara misinya ialah untuk membolehkan orang ramai akses kepada e-education dengan menyediakan asas kukuh dalam ICT, di samping meningkatkan kecemerlangan dalam membina keupayaan manusia.

Matlamat e-education pula ialah supaya Kementerian Pendidikan dapat mencapai perkara-perkara tersebut di bawah:

(1) MENYEDIAKAN SUMBER ICT BERKEUPAYAAN DAN EFISIEN

a). Menyediakan semua pihak di Kementerian Pendidikan dan semua institusi pendidikan kerajaan dengan sumber ICT yang selamat, berkeupayaan dan mudah didapati.

b). Untuk menjadikan sumber-sumber e-education boleh digunakan oleh orang ramai.

c). Untuk meningkatkan mekanisme sokongan ICT dalam bentuk pusat-pusat perbincangan, meja bantuan dan seumpamanya di lokasi-lokasi strategik.

d). Menyediakan sekurang-kurangnya sebuah makmal multimedia kepada semua institusi pendidikan kerajaan.

e). Untuk memastikan Kementerian Pendidikan dan semua institusi pendidikan kerajaan mempunyai jaringan (network) dan kemudahan internet.

f). Untuk memastikan 'application interoperability and compatibility' di Kementerian Pendidikan dan semua institusi pendidikan kerajaan.

(2) MENYEDIAKAN LATHIAN KEPADA PIHAK BERKELENGKARAN DAN BERSEKUTUAN KEPADA PIHAK BERKELENGKARAN

a). Untuk menyediakan semua pihak berkenaan dengan teknologi dan kemahiran celik IT selain memfokuskan pembinaan pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat.

b). Untuk melengkapkan semua guru dengan kemahiran-kemahiran bersesuaian dalam penggunaan ICT secara lebih efektif dalam perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran.

c). Untuk mewujudkan mekanisme bagi akreditasi/sijil keupayaan ICT.

(3) MENAMBAHKAN PENYERAPAN ICT DALAM PERSEKITARAN KERJA DAN PEMBELAJARAN

a). Untuk meningkatkan dan mengembangkan pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan sikap kepada penggunaan ICT yang lebih efektif dalam aktiviti sebahagian melalui program-program dan projek-projek bersesuaian.

b). Untuk memastikan bahawa ICT penting dan bersepadu di semua peringkat pembelajaran.

c). Untuk menanamkan budaya penggunaan ICT di Kementerian Pendidikan dan semua institusi pendidikan kerajaan.

(4) TRANSFORMASI PERSEKITARAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG MENCUKUPI

a). Untuk mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan kandungan digital dan aplikasi jaringan.

b). Untuk mentransformasikan pengajaran dan pembelajaran kepada proses yang lebih aktif dan menarik.

c). Untuk menyediakan persekitaran kondusif dan motivasi bagi pengajaran dan pembelajaran IT.

d). Untuk memastikan kualiti, mesra pengguna, relevan dan kandungan yang bersesuaian.

(5) MEMASTIKAN KECERMERLANGAN PENGURUSAN, PENTADBIRAN DAN OPERASI DALAM SISTEM PENDIDIKAN

a). Untuk memastikan pemimpin di semua peringkat diberikan kesedaran dan program-program latihan mencukupi bagi meningkatkan penggunaan ICT.

b). Untuk melaksanakan aplikasi-aplikasi yang boleh meningkatkan keberkesanan dan efisiensi sistem pengurusan pendidikan (sistem pengurusan pengetahuan, sistem-sistem pengurusan dokumen elektronik dan sebagainya).

c). Untuk menggunakan sebaiknya kemudahan-kemudahan ICT yang disediakan (EIS, TAFIS, SIMPA).

d). Untuk memastikan ketahanan (sustainability) kewangan jangka masa panjang.

e). Untuk memastikan peraturan rangka kerja sentiasa berhubung kait dengan e-education.

(6) MEWUJUDKAN E-EDUCATION BERKAITAN DENGAN KEUPAYAAN R & D DAN TEKNOLOGI TEKNOLOGI KOMERSIL

a). Untuk mengadakan pembelajaran yang mencukupi (jurang analisis, pengauditan ICT sebagainya).

b). Untuk melakukan projek-projek R & D dengan melibatkan masyarakat dan sektor swasta di dalam dan di luar negeri.

c). Untuk menyediakan persekitaran kondusif bagi teknologi-teknologi komersil.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Amalan rasuah boleh menjatuhkan sesebuah kerajaan

APABILA bercakap mengenai 'rasuah' ia merupakan suatu isu hangat yang sangat perlu untuk diberi perhatian yang serius, kerana rasuah itu adalah penyakit yang boleh menyebabkan huru-hara kepada sesebuah negara. Kita sering mendengar dan melihat melalui media massa mengenai kejatuhan dan kebinasaan kerajaan-kerajaan yang disebabkan oleh amalan-amalan rasuah yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai di negara-negara berkenaan.

Berasaskan pengalaman melalui kejadian-kejadian tersebut, adalah menjadi suatu cabaran dan tanggungjawab bagi kita selaku rakyat Negara Brunei Darussalam untuk memastikan negara ini bebas dari amalan rasuah. Persoalannya ialah apakah formula atau mekanisme yang patut kita gunakan sebagai ubat kepada penyakit rasuah itu dan da-

lam masa yang sama, kita perlulah mencari asas dan penyebab utama mengapa rasuah terjadi.

Mengamalkan sesuatu perbuatan termasuk rasuah adalah atas kemahuan dan kehendak individu yang dipengaruhi oleh sifat-sifat keperibadian individu itu sendiri. Ini bermakna bahawa sifat dan akhlak individu itu adalah asas dan pendorong untuk melakukan sesuatu sama ada yang baik mahupun yang buruk. Dalam hubungan ini, pembangunan sifat dan akhlak individu itu sangatlah penting dan hendaklah berpanduan kepada ajaran-ajaran agama Islam. Di sini penerapan nilai-nilai Islam kepada sanubari individu itu perlulah dilakukan di peringkat yang paling awal, iaitu sedari kecil lagi dan hendaklah bermula dari rumah.

Dalam konteks bernegara dan bermasyarakat, kesedaran rakyat mengenai bahaya rasuah perlulah dipertingkatkan. Rakyat

perlulah bekerjasama dan bersatu dalam memerangi segala musuh negara seperti firman Allah Taala dalam surah Al-Maa'idah ayat 2 yang tafsirnya: "... Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran" Untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat mengenai bahaya rasuah, pihak yang berwajib perlulah berusaha dalam menyediakan pelbagai program dan aktiviti kesedaran mengenai rasuah. Antaranya ialah kempen-kempen antirasuah seperti Peredaran Melukis Poster dan Menulis Esei serta mengadakan seminar, ceramah atau taklimat mengenai rasuah bagi penuntut-penuntut dan orang-orang awam.

Dalam konteks pekerjaan, rasuah hanya dapat dihapuskan melalui perilaku dan etika kerja yang positif. Dalam kata lain, berkhidmat dengan cekap,

jujur, penuh amanah dan berdisiplin adalah kunci dan benteng kepada perilaku yang tidak baik termasuk amalan rasuah. Mematuhi peraturan-peraturan kerajaan seperti Akta Rasuah dan sentiasa beringat-ingat antara satu sama lain adalah juga penting untuk meningkatkan kesedaran dan menjauhi rasuah.

Pada kesimpulannya, untuk menjauhi amalan rasuah, mendisiplinkan diri dengan nilai dan etika yang murni menurut ajaran agama Islam adalah penting bagi setiap masyarakat. Dalam pada itu

kesedaran, kerjasama dan perpaduan rakyat adalah juga perlu untuk membanteras amalan rasuah. Dengan adanya nilai dan etika murni, kesedaran dan kerjasama tersebut, ianya bukan sahaja akan memberikan imej yang baik tetapi akan melahirkan sesebuah negara aman damai dan sejahtera.

Mahmud Haji Ibrahim,
No. 11A, Jalan Serusop,
Kampong Serusop,
BB 2313.
No. k/p : 00-042584

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Membanteras Negara Dari Amalan Rasuah'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Pantai Kita Indah Asalkan ...'. Tarikh tutup 22 Jun 2005.
2. 'Awasi Tingkah Laku dan Pergaulan Anak-anak'. Tarikh tutup 29 Jun 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
e-mel: pelita@brunet.bn

Rasuah mengundang kehancuran

RASUAH mempunyai pengertiannya yang cukup luas dan kompleks. Rasuah tidak hanya terbatas sebagaimana definisi yang biasa digunakan oleh masyarakat umum iaitu 'pemberian berupa wang, hadiah atau sebagainya kepada seseorang dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu pulangan atau habuan untuk kepentingan pribadi atau kelompok dengan mudah'. Rasuah turut merangkumi aspek motif dan hubungan perseorangan, strategi dan wawasan, perundangan dan keagamaan. Dari segi motif misalnya seseorang itu dianggap telah melakukan rasuah jika ketika melakukan sesuatu pekerjaan diselitkan dengan kepentingan pribadi atau kelompok.

Semua orang mengakui bahawa rasuah adalah suatu amalan salah, keji dan jenayah. Ia bertentangan dengan ajaran agama Islam. Tetapi selalunya apa yang ditegah dan dilarang itulah yang sering dibuat, justeru itu kita sering bertindak 'yang disuruh tidak dibuat, yang ditegah jadi kebiasaan'. Allah Subhanahu Wataala melarang keras akan perbuatan ini sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 188 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu makan atau mengambil harta orang-orang lain di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan atau mengambil sebahagian dari harta manusia dengan berbuat dosa, padahal kamu mengetahui salahnya."

Rasuah umpama kuman atau virus yang akan merebak dan menular dengan meluasnya jika tidak dikawal dan dibanteras dengan segera. Di mana ia boleh mengakibatkan sesebuah negara, kerajaan atau organisasi tersebut menjadi kurang mantap, penuh dengan penyelewengan, keharmonian para pekerja akan bertukar menjadi kurang mantap, penuh dengan penyelewengan, bantu membantu dan saling percaya-mempercayai. Apabila rasuah semakin bermaharajalela ia akan mengundang kehancuran kepada negara menjadi punca ekonomi negara yang kurang stabil dan lembap di mana akhirnya akan menjejaskan

pendapatan negara dan mengancam pendapatan ekonomi rakyat. Bahkan ada pula individu yang cuba untuk berselindung di sebalik perkataan 'hadiah' agar perbuatan rasuah yang dilakukan tidak nampak ketara. Biar apa pun namanya yang diberi, rasuah tetap haram dan berdosa bagi sesiapa yang terlibat dengannya.

Rasuah atau perasuah boleh dilebal sebagai perosak bangsa dan negara, kerana itu untuk membanterasnya kita memerlukan sifat amanah untuk menentangnya. Rasuah tidak akan berlaku jika adanya sifat amanah dalam diri individu tersebut. Setiap daripada kita wajib memahami, menyedari dan menghayati mengenai tugas sebenar dan tanggungjawab masing-masing. Jawatan yang dimiliki adalah amanah Allah Subhanahu Wataala yang akan dipertanggungjawabkan. Justeru itu seharusnya digunakan untuk kebaikan dan menegak dan menyempurnakan amanah kepada yang berhak menerimanya. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Anfaal ayat 27 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang mukmin janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah yang dipercayakan kepadamu sedangkan kamu mengetahui."

Langkah-langkah yang lebih bijak haruslah diambil untuk mengurangkan gejala rasuah daripada terus bermaharajalela di dalam masyarakat. Penerangan dan penekanan melalui pengajaran dan mendidik masyarakat supaya mereka sedar betapa kejinya amalan rasuah, di samping itu sebagai umat Islam, keimanan merupakan kunci dan pendinding yang dapat mengelakan daripada terlibat dalam perbuatan rasuah. Ia harus disemai, dihayati, dijiwai dan diamalkan. Perlu juga disedari bahawa kebahagiaan hidup di atas dunia ini bukanlah terletak dan ditentukan oleh kekayaan kebendaan tetapi adalah kekayaan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Samri bin Haji Mohd. Said,
No. 403, Simpang 403, Kampong Lambak, BB 1314.
No. k/p: 00-110771

Rasuah musuh utama negara

MENYEBUT mengenai rasuah, umumnya ia boleh difafsirkan atau didefinisikan sebagai amalan yang termasyhur yang membolehkan seseorang mendapat ganjaran melalui cara yang salah dan tidak benar. Rasuah juga membolehkan seseorang yang berkuasa melakukan sesuatu untuk kepentingan orang yang memberi rasuah tersebut. Seperti yang kita ketahui bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang berpegang pada falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Ini kerana kita mengetahui bahawa dengan berpegang kepada Islam sahajalah sesebuah negara itu akan hidup dalam keadaan aman, makmur dan sentosa tanpa sebarang jenayah.

Namun apa yang mendukacitakan kita ialah sejak dari dahulu lagi sehinggalah di zaman yang serba canggih atau dimengertikan juga dengan kehidupan di era globalisasi ini, amalan rasuah yang turut merupakan salah satu penyakit sosial dalam kehidupan bermasyarakat masih lagi diamalkan oleh pihak-pihak yang tertentu sehinggalah tujuan kerajaan untuk membangun negara dengan lebih pesat lagi menjadi terbantu dan seterusnya melambatkan proses pembangunan. Bukan itu sahaja, rasuah juga merupakan suatu jenayah besar kerana ia menyalahi undang-undang negara dan sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda serta penjara beberapa tahun. Perkara ini termaktub di dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Tahun Baru Masihi 2004, antara lain baginda bertitah:

"Di antara ancaman-ancaman sosial itu ialah menyangkut perkara-perkara jenayah, penyalahgunaan dadah serta pelanggaran terhadap undang-undang dan agama. Semuanya ini menjadi punca penyakit di dalam masyarakat, di mana pula akhirnya ia boleh menyebabkan keimanan dan ketenteraman binasa."

Malah penyakit (rasuah) ini turut dilarang keras sama sekali dalam Islam dan diharamkan ke atas seseorang yang mengamalkan dan melakukannya, seperti mana yang disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh At-Tirmizi yang bermaksud:

"Penerima dan pemberi rasuah akan ditempatkan ke dalam api Neraka."

Perbuatan ini juga dikutuk dengan kerasnya oleh Allah Subhanahu Wataala di dalam hadis lain yang diriwayatkan oleh Ahmad yang maksudnya:

"Allah melaknat orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah serta orang yang memberi jalan terhadap keduanya."

Al-Quran juga amat tidak senang dengan perbuatan rasuah ini. Terdapat banyak ayat yang melarang keras perbuatan terkutuk ini. Di antaranya ialah dalam Surah Al-Baqarah ayat 188 yang tafsirnya:

"Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil."

Dari penerangan hadis dan ayat Al-Quran tersebut telah

jelas membuktikan kepada kita bahawa begitu serius dengan larangan Islam terhadap perbuatan keji ini. Kutukan itu bukan sahaja terbatas kepada penerima malah meliputi pemberi dan sesiapa sahaja yang bersubhat melicinkan kegiatan rasuah ini. Walhal larangan rasuah turut ditekankan oleh Islam dalam hidup bernegara dan berorganisasi iaitu organisasi politik pengurusan negara perundangan dan kehakiman. Dalam ruang lingkup inilah Islam telah menekankan seberat-beratnya mengenai kewajipan setiap pihak yang terlibat dalam pengurusan institusi tersebut agar berlaku adil, amanah, jujur dan jauh dari amalan rasuah.

Oleh itu bagi membanteras negara dari amalan rasuah ialah dengan cara menurut segala yang diperintahkan dalam Al-Quran. Di antaranya ialah mengharamkan sama sekali segala kegiatan dan memberi ancaman balasan seksa yang amat pedih di akhirat kelak terhadap pemberi, penerima dan mereka yang bersubhat dengannya, meningkatkan keimanan dan ketakwaan serta ihsan kepada Allah Subhanahu Wataala dan menunjukkan seribu satu sumber untuk mencari rezeki dan mengumpulkan kekayaan yang halal, baik dan digalakkan dalam Islam. Sedangkan rasuah merupakan perbuatan yang keji dan wajib dijauhkan, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 275 yang tafsirnya: "... Sesungguhnya jual beli itu dihalaikan oleh Allah ..."

Sememangnya rasuah merupakan musuh utama negara kerana ia mampu membantutkan pembangunan negara dan masyarakat. Justeru, keimanan kepada hari akhirat adalah merupakan satu elemen yang terpenting dalam membanteras negara melalui amalan rasuah. Ia perlu disemai, dihayati dan diamalkan. Lebih-lebih lagi kebahagiaan hidup di dunia ini menuntut Al-Quran bukanlah semata-mata ditentukan oleh kekayaan kebendaan tetapi kekayaan keimanan dan ketakwaan. Seperti mana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1422 Hijrah pada 15 Oktober 2001, antara lain baginda bertitah:

"Inilah hakikat iman. Ia mengasuh dan mengawal pemiliknya menjadi orang baik bukan kerana siapa-siapa tetapi ialah kerana Allah semata-mata dan juga kerana takut akan azab-Nya. Iman itu berkeadaan turun dan naik. Oleh itu, usahakanlah ia supaya terus baik dan jangan turun, atau sekurang-kurangnya stabil bagi mengekalkan pemiliknya menjadi orang yang baik. Caranya ialah ucapkan banyak-banyak zikir dan rajin belajar ilmu agama, serta bergaulah banyak-banyak dengan orang-orang salih. Manakala semua ini menjadi budaya, maka insya-Allah negara kita akan menjadi negara teraman yang sukar didapati penyakit-penyakit sosial di dalamnya. Amin."

Mohammad Arif bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867, Kampong Serdang,
BD 2117.
No. k/p: 00-313556.

REMAJA

KETERBUKAAN MINDA

RAMAI yang sudah mengetahui dalam kerancakan suasana sekeliling yang ada pelbagai teori yang bertujuan ke arah meningkatkan kedayapayaan seseorang terus menjadi fokus perhatian. Skop yang inginkan diwujudkan ialah bagaimana memperkembangkan kesingkatan daya fikir, daya kreativiti, daya inovasi seseorang boleh berubah menjadi saiz yang berkembang. Perkembangan inilah yang ingin dijadikan sebagai asas pada mewujudkan iklim perubahan yang dinamik dan kreatif. Keterbukaan minda perlu wujud pada setiap individu itu supaya ia tidak akan terkongkang pada tahap lama dan tidak mahu berubah. Anjakan paradigma selalu menjadi sukut-sukat untuk mencapai perubahan ke satu tahap yang membolehkan perubahan itu berlaku mengikut keadaan dan perkembangan semasa. Kendatipun demikian keupayaan diri untuk berubah lebih berperanan untuk mewujudkan dan melahirkan keterbukaan yang mengarah ke arah pembentukan sikap berani dan suka menerokai pembaharuan.

Bukan semudahnya kita dapat melakukan keterbukaan minda, ia perlu kepada pengasuhan dan nilai diri

yang menjurus kepada peningkatan. Banyak orang berusaha untuk meletakkan diri masing-masing berada sebaris dengan mereka yang proaktif merubah corak. Namun keupayaan untuk melakukannya begitu terhad dan hanya mampu melangkah tidak jauh. Elemen yang selalu mengongkang keupayaan langkah ini ialah apabila tahap ilmu pengetahuan yang dimiliki, tidak memadai untuk melakukan gerak sedemikian. Ini berlaku kerana kemampuan diri untuk berubah masih terkongkang pada tahap lama.

Banyak sikap dan perangai yang selalu menjadi penghalang ke arah mewujudkan perubahan dalam diri mereka. Ego juga merupakan faktor yang menyumbang kepada ketidakmampuan berubah. Ego juga menjadikan seseorang mudah lupa dan lalai, bahawa keadaan sekelilingnya begitu cepat berubah. Melihat secara 'inward' sebenarnya tidak mampu membuka ruang untuk berubah. Kesyikan untuk melihat hal-hal orang lain tanpa mengambil kira kesempatan yang sama patut dimanfaatkan untuk dirinya berkembang tidak diendahkan. Keadaan ini jika dibiarkan akan menjadikan diri seseorang itu kaku, pasif dan berangan panjang yang

tidak berkesudahan. Keterbukaan minda jika berlaku pada diri seseorang memberikan peluang yang seluasnya untuk ianya mudah berubah. Penerokaan ilmu akan bertambah menarik dan berupaya dilakukan. Kemampuan berubah pula akan mewujudkan semangat daya saing yang tinggi. Kemampuan inilah yang menjadi pemangkin ke arah perubahan yang membentuk sikap keterbukaan yang jitu.

Dalam menentukan apakah kita mampu mewujudkan keterbukaan minda itu, ia banyak bergantung kepada sikap, pengetahuan, kemahiran dan cara kita berfikir. Perkara ini jika dapat kita miliki ia boleh menjadikan daya bersaing dalam keadaan pemikiran yang jauh ke hadapan untuk mencapai kegemilangan dan kecemerlangan diri. Ilmu yang mendalam dan banyak diperolehi, tidak dapat tidak menyumbang ke arah perubahan dan kemampuan mencorakkan nilai-nilai keterbukaan minda yang kita inginkan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan di negara kita ini, ternyata mampu untuk berperanan menjadi asas ke arah mewujudkan iklim dan

pemikiran yang lebih strategik.

Bila kita mengajak supaya keterbukaan minda sentiasa dilakukan, ia pada waktu yang sama mengajak generasi muda belia bersiap untuk memenuhi kehendak dan keperluan negara. Justeru langkah yang paling bertepatan ialah bagaimana ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mendalam boleh diperolehi. Adalah menjadi hal yang merugikan kita, terutama sekali kepada generasi muda belia, jika tidak menggunakan kesempatan yang tersedia ini.

Menggunakan kesempatan untuk berubah melalui kemudahan yang sedia ada, lebih banyak menguntungkan kita untuk mengangkat perubahan diri dan masyarakat. Namun dalam arus perubahan masa kini tuntutan terhadap sikap dan nilai diri yang berkualiti, semakin diperlukan. Inilah nilai dan kriteria apabila kita mahu mewujudkan lebih ramai mereka yang bersikap dan memiliki keterbukaan minda. Nilai dan keterbukaan yang banyak bersendikan kekuatan diri, ketinggian ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tidak statik.

Lapan kumpulan terpilih dalam Pertandingan Dikir Syarafil Anam

Oleh

Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre Haji Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mei. - Seramai empat kumpulan lelaki dan empat kumpulan perempuan terpilih dalam Pertandingan Dikir Syarafil Anam Penuntut-penuntut Asrama Senegara Kali Pertama yang berlangsung di Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SUAMPRIAD).

Pertandingan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Pemakanan Sekolah dan Asrama (BPPSA), Awang Haji Aziz bin Haji Nayan yang menjelaskan, tujuan pertandingan itu diadakan untuk mengisi masa penuntut dengan aktiviti berfaedah sesuai dengan situasi hidup bermasyarakat, mengeratkan hubungan silaturahim, menghidupkan dan memelihara lagu-lagu Dikir Brunei agar khazanah kita yang berharga itu tidak luput ditelan zaman.

Pertandingan tersebut juga akan dapat mempertingkatkan dan menggalakkan penuntut-penuntut asrama terus mempelajari dikir serta memperbaiki bacaan, khususnya dari segi fasahah, lagu dan suara, tambah Awang Haji Aziz.

Menurutnya lagi, Pertandingan Dikir Syarafil Anam bagi penuntut-penuntut asrama seluruh negara merupakan rancangan dan kegiatan pertama yang diungkapkan oleh BPPSA, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Ke-

menterian Pendidikan yang melibatkan pelajar-pelajar asrama.

Rancangan ini seterusnya dikongsi dan dibincangkan bersama warden asrama di seluruh negara, natijahnya merupakan perintis dan penggerak pertama yang dihasilkan oleh BPPSA supaya sepanjang tahun terdapat kegiatan seumpama ini, kehidupan penuntut-penuntut di asrama akan lebih ceria, riang, seronok dan dapat memanfaatkan masa mereka kepada perkara-perkara yang berfaedah dan berkebaikan, jelasnya.

Dalam pertandingan itu, Kumpulan Shababul Ma'had dari Asrama Ma'had Islam Brunei menjadi juara memperolehi markah sebanyak 88 peratus, manakala bagi kumpulan perempuan, juara ialah Kumpulan Janatu Na'ema dari Asrama Sekolah Persediaan Arab, Bandar Seri Begawan dengan mengutip markah sebanyak 89 peratus.

Penyampaian sijil dan hadiah kepada para pemenang pertandingan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ishaq bin Haji Abdullah selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Antara yang hadir ialah Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, pegawai-pegawai kanan, pengetua-petua, para warden, pengerusi dan ahli jawatankuasa pertandingan serta penuntut-penuntut asrama bagi tahun 2005.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 1 Jun 2005

Masjid Kampong Binutan, Tutong.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 675

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 675,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 675



Apakah nama masjid ini?

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 1 Jun 2005

Mohd. Khairul Hazmie bin Ali Yusof,
 Sekolah Nusa Laila Puteri, Gadong.
 Umur : 9 tahun

Muhammad Hamizan bin Mislee,
 Sekolah Al-Falah.
 Umur : 8 tahun

Muht. Faris bin Muht. Firdaus,
 Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong.
 Umur : 9 tahun

'PASTIKAN Setiap Ibu dan Anak Diberi Pemeliharaan'. Begitulah slogan Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini yang bermakna ibu-ibu dan anak-anak yang sihat. Pertubuhan Kesihatan Sedunia memilih tema ini untuk menimbulkan kesedaran di kalangan orang ramai akan masalah kesihatan, penderitaan dan kematian yang masih lagi berlaku di kalangan ibu-ibu dan kanak-kanak di seluruh dunia.

Salah satu golongan ibu-ibu yang berisiko tinggi sewaktu mengandung ialah golongan ibu-ibu remaja adalah dua kali ganda dari ibu-ibu yang berumur dalam 20-an.

Definisi remaja ialah golongan yang berumur kurang dari 20 tahun, yang bukan lagi kanak-kanak tetapi belum juga mencapai umur dewasa; golongan remaja ini masih lagi mengalami proses pembesaran.

STATISTIK KELAHIRAN DI KALANGAN REMAJA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - 2004

* Jumlah kelahiran: 456

* Jumlah remaja yang mengandung buat kali pertama: 281 (62 peratus)

* 85 peratus berumur 17-19 tahun

(Lihat Rajah 'A')

MASALAH-MASALAH KESIHATAN YANG DIHADAPI OLEH IBU-IBU REMAJA

1. ANEMIA (KEKURANGAN DARAH)

Definisi: Hemoglobin kurang dari 10g/dl

Symptom dan tanda-tanda:

* Mudah keletihan

* Mudah singkat pernafasan sewaktu membuat pergerakan fizikal

* Selalu pening

* Wajah pucat

Kesan anemia ke atas ibu:

* Boleh menyebabkan si ibu mudah mendapat jangkitan penyakit yang berulang-ulang kerana daya tahan penyakit berkurangan.

* Boleh menyebabkan penyakit lemah jantung jika terlalu ekstrim.

* Boleh membahayakan nyawa ibu tersebut jika berlaku pendarahan yang teruk (haemorrhage) sewaktu melahirkan sehingga menyebabkan kematian.

Kesan pada kandungan:

* Boleh menyebabkan kandungan tidak membesar dengan baik.

* Boleh menyebabkan kandungan dilahirkan terlalu awal (kelahiran prematur).

Masalah anemia ini



GAMBAR HIASAN.... Dalam pergaulan dan perhubungan para remaja seharusnya berhati-hati dalam segala tindak-tanduk agar tidak terlibat dengan kegiatan negatif.

lumrah di kalangan ibu-ibu remaja kerana:

* Tubuh mereka sendiri masih mengalami proses pembesaran; jadi mereka memerlukan zat makanan untuk proses pembesaran diri sendiri, di samping memerlukan zat makanan untuk kandungan.

* Pemakanan yang tidak sihat dan seimbang; tidak mempunyai jadual makan yang teratur dan selalu berdiet;

* Tidak mendapat penjagaan doktor sewaktu kehamilan.

* Tidak memakan ubat-ubatan/vitamin-vitamin yang diberikan oleh doktor.

Penyakit anemia ini dapat dikesan melalui ujian darah. Ibu-ibu remaja yang didapati mengalami masalah ini akan diberi pil-pil tambahan zat besi (iron supplements) dan vitamin-vitamin.

2) PRE-EKLAMPSIA (TEKANAN DARAH TINGGI YANG MEMBAHAYAKAN)

Definisi:

* Tekanan darah diastolik yang tinggi, menyamai atau melebihi 90mmhg yang bermula selepas minggu ke-

20 kehamilan.

* Air kencing yang berprotein dan;

* (Kadangkala) Bengkak-bengkak kaki, tangan dan muka.

Symptom-symptom pre-eklampsia:

Selalunya tidak ada simptom-symptom pada peringkat awal. Apabila menjadi teruk, simptom-symptomnya adalah seperti berikut:

* Sakit kepala dan pening-pening.

* Kabur penglihatan mata.

* Sakit bahagian perut (seperti dugul).

* Kurang membuang air kecil.

* Serangan sawan (Eklampsia).

Kesan pre-eklampsia dan eklampsia kepada ibu:

* Kerosakan organ-organ dalam seperti buah pinggang, limpa dan paru-paru.

* Pendarahan dalam otak.

* Koma.

* Kematian.

Kesan pre-eklampsia dan eklampsia kepada kandungan:

**Disediakan oleh
Dr. Hajah Roslin Haji Sharbawi,
Pemangku Pegawai Perubatan Kanan,
Ketua Bahagian Perkhidmatan Ibu-ibu
Mengandung dan Kanak-kanak,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan,
Kementerian Kesihatan.**

chlamydia, syphilis dan HIV/AIDS.

Penyakit-penyakit ini boleh mendatangkan mudarat sewaktu kehamilan. Jangkitan chlamydia boleh meningkatkan risiko seorang remaja itu untuk mengalami kehamilan di luar rahim (ectopic).

Syphilis boleh menyebabkan kecacatan penglihatan pada anak yang dikandung dan boleh menyebabkan kematian ibu dan anak. Begitu juga HIV/AIDS boleh menyebabkan kehilangan jiwa ibu dan anak.

4. KELAHIRAN ANAK PRAMATANG (PREMATURE)

* Kandungan dilahirkan terlalu awal sebelum masanya.

* Mempunyai kekurangan berat badan yang ketara.

* Organ-organ dalam yang belum cukup matang. Paru-paru yang belum matang menyebabkan masalah pernafasan yang kronik. Otak yang belum matang menyebabkan pendarahan otak.

* Tidak membesar dengan baik (Intrauterine Growth Retardation - IUGR).

* Kecederaan otak.

* Kecacatan fizikal dan mental.

* Kematian.

CARA-CARA UNTUK MENGESAN PENYAKIT PRE-EKLAMPSIA

Penting untuk mendapatkan penjagaan doktor seawal mungkin untuk mengesan penyakit ini sebelum ia menjadi lebih teruk.

Dikesan dengan:

* Memeriksa tekanan darah.

* Pemeriksaan air kencing.

* Pemeriksaan fizikal.

Ibu-ibu remaja yang didapati mengalami penyakit ini akan dirujuk terus ke hospital untuk mendapat penjagaan rapi daripada pakar obstetrik.

3. JANGKITAN DISEBABKAN PERHUBUNGAN SEKSUAL

Golongan remaja mempunyai risiko yang tinggi bagi mendapatkan jangkitan yang disebabkan oleh perhubungan seksual seperti

MENJANA KESIHATAN BISKITA
KELOLAAN HAJAH HAJI ISMAIL
haji.ismail@information.gov.bn

yang mempunyai kelulusan ini terpaksa bergantung kepada ahli keluarganya yang terdekat untuk menolong menampung kehidupannya dan anaknya. Masalah pengangguran dan kemiskinan akan berleluasa jika gejala kehamilan remaja ini tidak dibanteras.

Begitu juga dengan kes penderaan anak. Kanak-kanak yang dibesarkan oleh ibu bapa remaja yang belum matang dan belum bersedia ini mempunyai risiko yang tinggi untuk didera.

NASIHAT-NASIHAT KEPADA IBU-IBU REMAJA

* Berkunjunglah ke Klinik Kesihatan Ibu-ibu Mengandung yang berdekatan seawal yang mungkin untuk mendapatkan penjagaan rapi dari doktor dan pekerja kesihatan yang lain.

* Rajin-rajinlah berkunjung ke klinik untuk mendapatkan pemeriksaan mengikut perjanjian yang telah diberikan.

* Makanlah makanan yang berzat dan seimbang; elakkan dari amalan berdiet.

* Berhentilah dari

merokok.

* Makanlah ubat-ubatan/vitamin-vitamin yang telah diberi oleh doktor setiap hari dan elakkan memakan ubat-ubatan yang dibeli di luar kecuali setelah mendapatkan kebenaran dari doktor.

NASIHAT KHUSUS BAGI REMAJA YANG MASIH BERSEKOLAH ATAU YANG BELUM BERKAHWIN

* Berpegang teguhlah kepada pengajaran agama Islam.

* Elakkan dari melakukan perhubungan seks bagi mencegah berlakunya kehamilan yang tidak diinginkan.

* Sekiranya berlaku kehamilan, walaupun berasa takut dan malu, segeralah mendapatkan pertolongan ibu bapa atau ahli keluarga yang lain.

* Berkunjunglah ke Klinik Ibu-ibu Mengandung yang berhampiran seawal yang mungkin untuk mendapatkan penjagaan yang rapi dari doktor dan pekerja kesihatan yang lain demi keselamatan nyawa ibu remaja tersebut dan anak yang dikandung.



KEGIATAN beriadah atau bersukan banyak memberikan faedah kepada kesihatan dan kecerdasan.

STATISTIK KELAHIRAN DI KALANGAN REMAJA DI HOSPITAL RIPAS (2000-2004)

Tahun	Jumlah	Peratus Bujang	Peratus tidak mendapatkan penjagaan kesihatan sewaktu mengandung
2000	365	9.0	3.8
2001	364	4.7	4.9
2002	345	8.1	3.5
2003	317	8.8	3.5
2004	283	12.0	5.6



PARA remaja perlu diberikan bimbingan dan asuhan sama ada di bidang keagamaan mahupun kemasyarakatan agar mereka tidak terjebak dalam perkara-perkara yang tidak diinginkan.

* 85 peratus berumur 17 -19 tahun

* Ibu paling muda: 13 tahun (3 kes antara tahun 2000-2001)



**JABATAN MUZEUM-MUZIU
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

BILANGAN TAWARAN : DUA/JMB/2005

TAWARAN adalah dipelawa bagi:
MEMBEKAL BAHAN-BAHAN MENTAH PUSAT LATIHAN
KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI.

1. BAHAGIAN LATIHAN

1.1 Kepingan Perak

1.1.1 Perak No. 0.016" ; 1.1.2 Perak No. 0.018"
1.1.3 Perak No. 0.020" ; 1.1.4 Perak No. 0.023"
1.1.5 Perak No. 0.025" ; 1.1.6 Perak No. 0.028"
Perak (Kepingan Perak Sterling 92.5%)
Panjang: 31.24"
Lebar: 12"

1.2 Benang Emas

Benang Emas Beres SMG 200G
Item : Metallic Yarn
Brand : Mami Rex
Make up : 1,000 meter per hank (10 hanks per pack)
Country of Origin : Japan.

2. BAHAGIAN PERDAGANGAN

2.1 Kepingan Perak

1.1.1 Perak No. 0.016" ; 1.1.2 Perak No. 0.018"
1.1.3 Perak No. 0.020" ; 1.1.4 Perak No. 0.023"
1.1.5 Perak No. 0.025" ; 1.1.6 Perak No. 0.028"
Perak (Kepingan Perak Sterling 92.5%)
Panjang: 31.24"
Lebar: 12"

2.2 Benang Kapas (Cotton Yarn)

1.2.1 Biru Air Lukin - M5064 ; 1.2.2 Hitam - D5060
1.2.3 Hijau Tua - D5086 ; 1.2.4 Kalas - M5033
1.2.5 Merah Manggis - ED5036
Brand : Star Camel or Equivalent
Mark Up : 0.125 IB Per Hank (40 hanks in one bundle)
Composition : 64/2 ECC Combed Mercerised Dyed Cotton
Yarn in Hank
Country of Origin : Japan

2.3 Mata Keris

Panjang : 12"
Mata Keris : Lok 13

2.4 Songkok Lining

Logo : Tulisan Jawi dan Rumi 'Pusat Latihan Kesenian
dan Pertukangan Tangan Brunei'.
Panjang: 27"
Lebar: 1 1/2"

SYARAT-SYARAT TAWARAN

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang tertutup (seal) ditulis dengan:
Bilangan Tawaran : DUA/JMB/2005.
Tarikh tutup : 12 Julai 2005 (Hari Selasa)
Nama Tajuk : MEMBEKAL BAHAN-BAHAN MENTAH PUSAT LATIHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN BRUNEI. Kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336/17, Bandar Seri Begawan BA1210
Tidak lewat jam 2.00 petang pada 12 Julai 2005 (Hari Selasa)
- Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada: Ketua Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency Negara Brunei Darussalam.
- Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran syarikat.
- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain.



**PEJABAT AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN : AUD/UKP/Q&T/05/03

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemohon-pemohon yang berpengalaman dan berkelayakan untuk:
PENYEWAAN DAN PERKHIDMATAN KANTIN KOMPLEKS BANGUNAN JABATAN AUDIT, UNIT PETROLEUM DAN JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN (BANGUNAN BAHIRAH), JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
- Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada:
PENGURUS
LEMBAGA TAWARAN KECIL,
JABATAN PERDANA MENTERI,
TINGKAT 1, BANGUNAN SEKRETARIAT,
BANDAR SERI BEGAWAN BS 8610,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
Tidak lewat dari 5 Julai 2005, hari Selasa jam 2.00 petang.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk dan bilangan tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di perenggan 2 dengan menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
- Dokumen-dokumen Tawaran serta keterangan yang lanjut boleh diperolehi dari: BAHAGIAN PENTADBIRAN, TINGKAT 6, KOMPLEKS BANGUNAN JABATAN AUDIT, UNIT PETROLEUM DAN JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN (BANGUNAN BAHIRAH), JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
pada waktu pejabat dibuka sehingga hari Isnin, 4 Julai 2005.
- Penender adalah dikehendaki membayar wang yuran tawaran (tender fee) sebanyak \$100.00 tunai kepada Jabatan Audit di Tingkat 6 Kompleks Bangunan Bahirah pada hari dan waktu bekerja untuk memperolehi Dokumen Tawaran ini. Tender fee ini tidak boleh dituntut semula dan tidak akan dikembalikan.
- Tawaran yang dihadapkan mesti sah bagi tempoh sekurang-kurangnya 150 hari selepas tarikh tutup tawaran.
- Borang tawaran hendaklah disertakan dengan kenyataan lengkap seperti Lesen Perniagaan dan pengalaman-pengalaman dalam urus niaga.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat kepada tawaran sewa yang paling tinggi atau sebarang tawaran.



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

BILANGAN TAWARAN : JL/8/2005

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari kontraktor kategori MNC Kelas 2 atau 3 kontraktor dan pemborong berdaftar di JKR Kelas V (Specialist Services) yang berkelayakan bagi "SUPPLY AND INSTALL OF SINGLE PILE BEACON AT THE AREA OF AJUNG BATU ISLAND".
- Butir-butir lengkap tawaran dan syarat-syarat am kontrak boleh didapati dengan pembayaran Yuran Dokumen sebanyak \$10.00 (tidak dikembalikan) semasa waktu bekerja dari PEJABAT PENGARAH LAUT, JABATAN LAUT, SERASA, MUARA BT1728, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa menyatakan nama penender, yang bertanda "SUPPLY AND INSTALL OF SINGLE PILE BEACON AT THE AREA OF AJUNG BATU ISLAND" JL/8/2005, di bahagian atas sebelah kiri.
(i) Bahagian perdagangan dan kewangan dialamatkan kepada:
PENGURUS
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
JALAN MENTERI BESAR BB3910
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
(ii) Buku-buku panduan, katalog-katalog dan contoh-contoh (jika ada) dialamatkan kepada:- PENGARAH LAUT, JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, SERASA, MUARA BT 1728, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
- Semua tawaran hendaklah sampai di alamat-alamat yang dinyatakan tidak lewat dari 21 Jun 2005 (Selasa) jam 2.00 petang.



**BAHAGIAN PROMOSI DAN
PERKEMBANGAN KEUSAHAWANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA**

**Bilangan Tawaran : 1) PSP/KPSU/SH/016/2005
2) PSP/KPSU/SH/017/2005
3) PSP/KPSU/SH/018/2005
4) PSP/KPSU/SH/019/2005**

- TAWARAN BAGI PENGENDALIAN KURSUS PROGRAM PRE-REQUISITE HACCP: "MEMBANGUNKAN PROSEDUR 'PRODUCT TRACEABILITY AND RECALL PROGRAMME' SYARIKAT" (PSP/KPSU/SH/016/2005).
Tarikh Mengendalikan : 13 - 14 Julai 2005 (2 hari)
- TAWARAN BAGI PENGENDALIAN KURSUS PROGRAM PRE-REQUISITE HACCP: "MEMBANGUNKAN PROSEDUR 'WATER QUALITY AND WASTE MANAGEMENT' SYARIKAT" (PSP/KPSU/SH/017/2005)
Tarikh Mengendalikan : 15 - 16 Ogos 2005 (2 hari)
- TAWARAN BAGI PENGENDALIAN "BENGKEL PERUSAHAAN MEMPROSES KACANG SOYA DAN TEMPE" (PSP/KPSU/SH/018/2005)
Tarikh Mengendalikan : 10 - 11 Ogos 2005 (2 hari)
- TAWARAN BAGI PENGENDALIAN "BENGKEL PERUSAHAAN MEMPROSES MAKANAN BEBOLA (IKAN, SOTONG, UDANG DLL)" (PSP/KPSU/SH/019/2005)
Tarikh Mengendalikan : 30 - 31 Ogos 2005 (2 hari)

Syarat-Syarat Tawaran :

- Syarikat atau pemborong hendaklah :
1.1 Dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam. Jika syarikat dimiliki secara kongsi, sekurang-kurangnya 60% daripada saham syarikat hendaklah dimiliki oleh rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.
- Berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Perniagaan Jabatan Peguam Negara.
- Mempunyai Akaun Bank Syarikat dengan Bank yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan professional di dalam bidang yang berkaitan serta berpengalaman mengendalikan latihan tidak kurang dari 1 (satu) tahun.
- Setiap Syarikat atau pemborong mestilah menghadiri taklimat / penerangan dari pegawai projek / penolong pegawai projek / penyelaras projek mengenai dengan projek berkenaan.
- Syarikat atau pemborong tidak dibenarkan mewakili syarikat atau pemborong lain untuk mengambil dokumen tawaran.
- Setiap syarikat atau pemborong hanya dibenarkan untuk menghantarkan satu tawaran bagi setiap projek. Mana-mana syarikat atau pemborong menghantar lebih dari satu tawaran bagi setiap projek, tawarannya akan ditolak atau dibatalkan.
- Tender dokumen yang di photocopy atau di scan tidak akan diterima, jawatankuasa Sebutarga hanya akan menerima tender dokumen yang copnya asli.
- Setiap tender dokumen akan dikenakan bayaran sebanyak Sepuluh ringgit Brunei [B\$10.00] dan tidak akan dikembalikan.
- Dokumen tawaran boleh diperolehi melalui :
Program Latihan Keusahawanan / Pusat Sumber dan Piawai Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Km 33 Kg Sinaut Jalan Tutong, TB 1741, Negara Brunei Darussalam. Tel no : 4240132/33 Ext 215/235.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup bertulis sama ada:
A. Bilangan Tawaran : [PSP/KPSU/SH/016/2005]
TAWARAN BAGI PENGENDALIAN KURSUS PROGRAM PRE-REQUISITE HACCP: "MEMBANGUNKAN PROSEDUR 'PRODUCT TRACEABILITY AND RECALL PROGRAMME' SYARIKAT"
Tarikh Tutup : 30 Jun 2005, Hari Khamis Jam 2.00 petang.
B. Bilangan Tawaran : [PSP/KPSU/SH/017/2005]
TAWARAN BAGI PENGENDALIAN KURSUS PROGRAM PRE-REQUISITE HACCP: "MEMBANGUNKAN PROSEDUR 'WATER QUALITY AND WASTE MANAGEMENT' SYARIKAT"
Tarikh Tutup : 14 Julai 2005, Hari Khamis Jam 2.00 petang
C. Bilangan Tawaran : [PSP/KPSU/SH/018/2005]
TAWARAN BAGI PENGENDALIAN "BENGKEL PERUSAHAAN MEMPROSES KACANG SOYA DAN TEMPE"
Tarikh Tutup : 14 Julai 2005, Hari Khamis Jam 2.00 petang
D. Bilangan Tawaran : [PSP/KPSU/SH/019/2005]
TAWARAN BAGI PENGENDALIAN "BENGKEL PERUSAHAAN MEMPROSES MAKANAN BEBOLA (IKAN, SOTONG, UDANG DLL)"
Tarikh Tutup : 14 Julai 2005, Hari Khamis Jam 2.00 petang
ditujukan kepada : Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga Peti Surat Sebut Harga, Tingkat 5 Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama Jalan Menteri Besar BB3910 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
- Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

MAKLUMAN TARIKH TUTUP BILANGAN: SATU/JMB/2005

Dimaklumkan bahawa tarikh tutup bagi Bilangan Tawaran SATU/JMB/2005 yang telah dikeluarkan pada 25 Mei 2005 yang lalu telah ditunda tarikh tutupnya kepada 21 Jun 2005 (Hari Selasa) Jam 2.00 Petang.

SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan
<http://www.brunet.bn/news/pelita/15jun/kerja.htm>

Iklan-iklan tawaran
<http://www.brunet.bn/news/pelita/15jun/iklan.htm>



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 42/2004

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

1. HAJI ISIRIS BIN HAJI ABD RAHMAN (BYIC NO. 073658)
2. NORSIAH BINTI HAJI OMAR (BYIC NO. 121650)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 April 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
1. HAJI IDRIS BIN HAJI ABD RAHMAN
2. NORSIAH BINTI HAJI OMAR,
No. 10, Simpang 355-86-40-55, Perpindahan Kampong Katok,
Jalan Tungku, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 29 April 2004. Bertarikh : 14 Mei 2005.

KEBANKRAPAN NO. 45/2004

ISLAMIC DEVELOPMENT BANK OF BRUNEI BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

HAJAH AMINAH BINTI OMAR (BYIC NO. 00-077788)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 April 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HAJAH AMINAH BINTI OMAR,
A5, Ground Floor, Chuchu Plaza,
Simpang 480, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 24 Jun 2004. Bertarikh : 14 Mei 2005.

KEBANKRAPAN NO. 319/2003

ABDUL RAZAK HOLDINGS

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

JHANG BAHADUR IQBAL SINGH BABRA (BGIC NO. 151969)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 April 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
JHANG BAHADUR IQBAL SINGH BABRA,
No. 3, Simpang 396-54-41, Jalan Jerudong BG3122,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 17 Januari 2004. Bertarikh : 16 Mei 2005.

KEBANKRAPAN NO. 268/2004

IRB FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

AWG HAJI DALUS BIN HAJI LADIS (WARRANT CARD NO. 2103)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 5 Mei 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
AWG HAJI DALUS BIN HAJI LADIS,
No. 21, Jalan 99, Berakas BC2315,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 17 Mac 2005. Bertarikh : 14 Mei 2005.

HAZARENA BINTI POKSJ DP HAJI HURAIRAH
- Timbalan Pegawai Penerima Rasmi

KEBANKRAPAN NO. 188/2004

THE ISLAMIC BANK OF BRUNEI BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

MOHAMMAD ALI HANAFIAH BIN HAJI SALLEH

(BYIC NO. 268213) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

- a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 April 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
MALAI ANUAR BIN HAJI MASHOR,
No. 56, Simpang 637-35, Perpindahan Lambak Kiri,
Berakas BC2315, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 27 Disember 2004. Bertarikh : 14 Mei 2005.

KEBANKRAPAN NO. 161/2004

HSBC FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

MALAI ANUAR BIN HAJI MASHOR

(BYIC NO. 055661) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

4. Dokumen-dokumen Tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, semasa waktu Pejabat (Isnin hingga Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak B\$ 25.00 tidak dikembalikan.
5. Untuk mendapatkan penerangan yang lebih lanjut sila hubungi Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Kompleks Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui telefon 2330142 atau 2332337 sambungan 1484, 1356 atau melalui faks: 2331772.
6. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad Pengenalalan atau Nombor Pasport Pemilik.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang tinggi atau lain-lain tawaran.

Bilangan Sebut harga : MET/2005/SH-04, MET/2005/SH-05 DAN MET/2005/SH-06

1. DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong kawasan Daerah Temburong:
Bilangan Sebut harga : MET/2005/SH-04 : KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT/PEMBERSIHAN TAPAK STESEN-STESEN KAJI CUACA (KAWASAN LABU DAN BATANG DURI). Tarikh tutup: 5 Julai 2005

2. DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong kawasan Daerah Tutong
Bilangan Sebut harga : MET/2005/SH-05 : KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT/PEMBERSIHAN TAPAK STESEN-STESEN KAJI CUACA (KAWASAN TASEK MERIMBUN). Tarikh tutup: 5 Julai 2005

3. DIBUKAKAN kepada pemborong kawasan Daerah Belait.

Bilangan Sebut harga : MET/2005/SH-06 : KERJA-KERJA PEMOTONGAN RUMPUT/PEMBERSIHAN TAPAK STESEN-STESEN KAJI CUACA (KAWASAN SUKANG DAN LABI LAMA). Tarikh tutup: 5 Julai 2005

Syarat-Syarat Tawaran Sebut harga :-

1. TAWARAN sebut harga adalah dipelawa bagi kerja-kerja pemotongan rumput/pembersihan tapak stesen-stesen Kaji cuaca.
2. Tawaran sebut harga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, ditulis dengan:
Kepada : Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, Jabatan Penerbangan Awam, d/a Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan BB2513, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran sebut harga hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga yang beralamat di atas tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 5 Julai 2005. Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Tawaran sebut harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang ANNEX B1 yang telah disediakan. Jumlah harga tawaran hendaklah dicatat/ditulis dengan betul dan jelas demi mengelakkan sebut harga berkenaan tiada layanan. Kerja-kerja yang ditawarkan hendaklah menepati kehendak spesifikasi seperti dinyatakan di dalam ANNEX B2.
5. Dokumen Tawaran sebut harga dan keterangan lanjut boleh diperolehi dari pejabat Ketua Pegawai Kaji cuaca, Tingkat 1, Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin-Khamis dan Sabtu). Telefon No: 2330142 sambungan 1348.
6. Tawaran sebut harga hendaklah sah sehingga 90 hari dari tarikh tutup Tawaran sebut harga ini.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan "section" 16 dan 17 hendaklah disertakan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain.



JUALAN LELONG DI JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

SENARAI 42 BUAH KENDERAAN DAN JENTERA BERAT YANG AKAN DILELONG

TARIKH LELONG : KHAMIS 30 JUNE 2005

TEMPAT LELONG : UNIT MEKANIKAL, JABATAN KERJA RAYA, SIMPANG 116, JALAN MUMONG BYPASS, KUALA BELAIT, JAM : 9:00 PAGI

TARIKH MELIHAT : 20 JUNE 2005 HINGGA 30 JUNE 2005
TEMPAT MELIHAT : (VIEWING) BENKEL ANDULAU, UNIT MEKANIKAL, JABATAN KERJA RAYA, SIMPANG 237, SUNGAI LIANG, KUALA BELAIT, JAM : WAKTU PEJABAT

LOT 1 BG 3794 KOMATSU Motor Grader, 2. BG 3890 Motor cycle YAMAHA, 3. BG 3660 Pick Up TOYOTA, 4. BG 3438 Pick Up NISSAN, 5. BG 3527 St. Wagon TOYOTA, LOT 2.6 BG 3570 Tractor SCANIA, 7. BG 3437 Pick Up NISSAN, 8. BG 2169 Tipper Truck AUSTIN, 9. BG 2988 Excavator Loader, LOT 3.10 BG 2949 Tractor Caterpillar, 11. BG 2459 Tipper Truck AUSTIN, 12. BG 4927 Water Tanker Mitsubishi, 13. BG 2008 Tipper Truck AUSTIN, LOT 4 BG 4674 Tipper Truck HINO, 15. BG 1958 Tractor Truck Caterpillar, 16. BG 2651 Toyota Dyna, 17. BG 5286 Tipper Truck HINO, LOT 5.18 BG 2128 Tractor 944A Caterpillar, 19. BG 2484 Tipper Truck AUSTIN, 20. BG 2914 D.S. Truck FORD, 21. BG 2978 Light Truck Daihatsu, LOT 6.22 BG 4828 Jeep 4WD SUZUKI, 23. BG 2467 Tipper Truck AUSTIN, 24. BG 2159 Tractor 944A Caterpillar, 25. BG 4681 Tipper Truck HINO, 26. BG 1813 Land Rover, LOT 7 BG 4929 Water Tanker Mitsubishi, 28. BG 2405 Dropside Lorry BEDFORD, 29. BG 665 Seamount Wall, 30. BG 5651 Pick Up ISUZU, LOT 8 BG 3834 BITUMEN Tanker FORD, 32. BG 2465 Tipper Truck AUSTIN, 33. BG 2456 Tipper Truck AUSTIN, 34. BG 4195 Motor Grader Babcock Allatt, LOT 9.35 BG 1931 Tractor Wheel MICHIGAN, 36. BG 5288 Truck HINO, 37. BG 4677 Tipper Truck HINO, 38. BG 3443 Lorry BEDFORD, LOT 10.39 BG 616 Stabilizer, 40. BG 2091 Tractor REX, 41. BG 3529 Light Truck DAIHATSU, 42. BG 3442 Wrecker BEDFORD.

Lelong ini mengandungi beberapa syarat syarat seperti berikut :-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar "deposit sebanyak 20% daripada harga membeli atau \$100.00 bayaran minima" semasa jualan lelong dijalankan jika gagal membuat pembayaran tersebut, jualan yang ditawarkan akan di batalkan. Untuk menjelaskan bayaran sepenuhnya baki pembayaran mestilah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut.
2. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar cukai kastam jika diperlukan.
3. Barang-barang yang telah dibeli, jika tidak dipindah dari tempat tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelong tersebut, akan dirampas balik dan akan dilelong semula.



JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KOD PROJEK : BFS/LTK/08/2005 :
PROJEK : MEMBEKAL, MEMASANG DAN UJIAN SERTA PENYERAHAN 1 UNIT GODIVA PUMP BAGI JENTERA WATER TENDER LADDER (WRL 7 - BG 3844)

KOD PROJEK : BFS/LTK/09/2005.
PROJEK : MEMBEKAL 'TRAILER' BAGI PORTABLE PUMP.

KOD PROJEK : BFS/LTK/10/2005.
PROJEK : MEMBEKAL RURAL FIRE-FIGHTING PUMP

KOD PROJEK : BFS/LTK/11/2005
MEMBEKAL 'FLOATING WATER PUMP'

KOD PROJEK : BFS/LTK/12/2005
MEMBEKAL PERALATAN PENYELAMAT (RESCUE TOOLS)

Bayaran bagi setiap Tawaran di atas : \$ 50.00

KOD PROJEK : BFS/LTK/13/2005
MEMBEKAL 1 UNIT 'LIGHT ATTACK FIRE VEHICLE' (LAFV)
Bayaran Tawaran : \$ 100.00.

Syarat-Syarat Tawaran :

- a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :- Pengerusi Lembaga

Tawaran Kecil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan BS8610.

- b. Tawaran mestilah dihantar dalam 2 salinan berserta salinan pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, kad pengenalan atau pasport pemilik sebagai rujukan lembaga.
- c. Tarikh tutup tawaran ialah pada **28 Jun 2005 hari Selasa** tidak lewat dari jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- d. Dokumen Tawaran boleh dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Lama Berakas.
- e. Pembayaran 'Tender Fee' mengikut projek yang diambil adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba pada hari-hari bekerja kecuali hari kelepasan awam.
- f. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dengan menyatakan Tajuk Tawaran dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah dibuat rujukan dan tarikh tutup tawaran seperti yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- g. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah dan lain-lain.
- h. Katalog/gambar asal peralatan yang ditawarkan hendaklah dihadapkan bersama semasa menghadapkan Dokumen Tender, manakala contoh-contoh bolehlah dihadapkan kepada Ketua Logistik dan Perbekalan, Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba



BERTOLAK ANSUR DI JALAN RAYA

SERING kali timbul kekeliruan dari sudut pandangan ibu bapa dalam usaha memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak mereka. Para ibu bapa kebanyakannya melihat pendidikan anak-anak mereka adalah tanggungjawab organisasi pendidikan atau sekolah-sekolah. Ramai antara mereka seperti menyerahkan bulat-bulat tanggungjawab tersebut di tangan para guru. Kecemerlangan anak-anak mereka itu adalah tanggungjawab para guru yang mengajar.

Seringkali dalam muzakarah antara ibu bapa dengan guru, para ibu bapa, kata perambahan kita orang Brunei umpama 'lantak mati' menyalahkan guru yang mengajar anak mereka. Bermacam-macam pendapat dan kritikan yang dilontarkan kepada para guru. Antaranya ada yang menyatakan cara guru itu mengajar tidak sesuai dengan kehendak anak mereka. Ada pula menyatakan guru itu tidak berpengalaman dan bermacam-macam lagi. Atas alasan itulah anak mereka tidak berupaya menguasai mata pelajaran yang dipelajarinya.

Pendapat itu mungkin sahaja benar dan diterima pakai seandainya kesemua murid yang diajar oleh guru itu tidak mencapai sasaran yang diharapkan. Tetapi jika diperhatikan atau jika kita rajin membuat penyelidikan, nyatanya murid yang berada di dalam kelas itu mempunyai pencapaian yang berlainan. Ada yang cepat, ada yang sederhana dan ada pula yang lemah. Lemah yang dimaksudkan di sini bukannya murid-murid dalam kategori murid istimewa. Di sini dapat dilihat dan dibuat perbandingan, masalah yang dihadapi oleh anak yang gagal menguasai pelajaran tidak dapat dipitulkan sebulat-bulat ke bahu guru yang mengajar atau organisasi pendidikan. Murid-murid yang berkeupayaan dan pandai tersebut memperolehinya daripada siapa? Jika dilihat cara berfikir yang selapis tentulah dari guru yang mengajar murid tersebut. Tentulah guru itu telah memberikan mereka berbagai-bagai kemahiran dan pengetahuan sehingga murid-murid itu pandai. Soalnya, kenapakah dalam masa guru itu berjaya mengajar segelintir murid menjadi pandai, ada pula muridnya yang tidak pandai. Sedangkan dalam situasi pengajaran, guru akan menyampaikan pengajaran dengan isi kandungan, alat bantu dan cara penyampaian yang serupa.

Dari permasalahan di atas dapat dikesan bahawa kuasa penyerapan murid-murid itu sebenarnya yang berlainan. Ada murid yang mudah menyerap pelajaran yang diberikan oleh guru dan ada pula murid yang susah dan berhemas-pulas untuk menyerapnya. Antara murid yang mempunyai kuasa penyerapan yang kuat dan murid yang sukar untuk memahami pelajaran itu bukanlah semuanya sudah ditakdirkan begitu. Ia berkaitan dengan situasi pendidikan awal dalam rumah anak itu sendiri. Anak-anak yang diasuh dengan konsep pendidikan dan mendapat perhatian serta hidup dalam keadaan yang harmoni dengan ibu bapanya menunjukkan memiliki tahap kecemerlangan belajar yang tinggi. Sebaliknya anak-anak yang terbiar dan tidak mendapat pendidikan awal akan memiliki tahap penguasaan belajar yang rendah.

Seringkali juga timbul perdebatan mengenai pendapat di atas. Ada juga ibu bapa yang mengatakan bahawa mereka sebenarnya memberikan perhatian kepada anak mereka. Apa sahaja yang diminta oleh anak mereka akan mereka berikan. Jika anak orang lain sanggup menyambut hari jadi secara besar-besaran, mereka pun sanggup juga membuat hal yang sama untuk anak mereka. Jika anak orang lain dihantar ke sekolah swasta yang mahal mereka juga sanggup berbuat demikian terutamanya ibu bapa yang mempunyai status sosioekonomi yang baik. Tetapi sebenarnya penentuan permintaan tersebut adalah dari aspek fizikal sahaja yang kesannya hanya sedikit menyentuh aspek rohani dan mental anak tersebut. Sewajarnya semakin hebat sesebuah sekolah itu, maka semakin tinggillah lagi komitmen kita kepada pendidikan anak-anak kita di rumah.

Namun begitu, sangat sedikit ibu bapa yang sanggup memenuhi keperluan anak-anak mereka dengan sentiasa mendampingi dan memenuhi keperluan rohani anak-anak mereka. Anak-anak minta dibelai dan dimanja. Anak-anak yang dimanja secara sihat tidak akan 'naik kepala'. Anak-anak mestilah sentiasa diajak bercakap atau berbual-bual. Dari berbual inilah anak tersebut berkembang dengan lebih baik. Kanak-kanak suka berbual-bual. Kanak-kanak sudah mampu berbincang dengan ibu bapa dari awal usia dua tahun lagi apabila mereka sudah mula bercakap. Kita dapat pastikan kanak-kanak yang sering diajak bercakap dan membuat perhatian kepada benda di sekeliling akan dapat menguasai bahasa mereka pada usia mereka di bawah empat tahun. Semakin cepat anak itu menguasai bahasanya semakin cepatnya dia memperoleh pelajaran dan memahami pelbagai konsep.

Dalam masa yang sama, anak itu juga dengan sendirinya akan membina kuasa penyerapan kepada input pelajaran dan membina kemahiran belajar yang kuat dalam diri mereka. Bagaimanapun, kuasa ini akan lemah jika anak tersebut tidak mempunyai tempat untuk bertanya, berbual dan berbincang. Mereka tidak mempunyai tempat mengutarakan pendapatnya. Jika ini terjadi tentunya mereka bergerak secara lambat untuk memahami pelbagai konsep yang amat berguna apabila mereka belajar secara formal.

PERANAN IBU BAPA DALAM PENDIDIKAN

OLEH ABDUL SAMAT BIN BANIN

Aspek inilah yang perlu diberi perhatian yang wajar oleh ibu bapa. Masa yang anak itu luangkan di sekolah adalah singkat. Memanglah matlamat sekolah memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak-anak. Namun, tindakan organisasi pendidikan kurang berkesan jika anak yang dididik itu mempunyai asuhan yang berlainan di rumah. Di rumah dia dibiarkan. Di rumah dia bercakap sendiri. Di rumah dia hanya berkomunikasi dengan permainan dan komputer. Bagi ibu bapa yang berlatarkan sosio-pendidikan yang rendah ditambah lagi dengan pendapatan yang rendah, tentunya suasana pendidikan di rumah adalah jauh sekali. Sementara ibu bapa yang mempunyai sosioekonomi yang baik pula seringkali sibuk dengan tugas pejabat dan niaga mereka. Mereka hanya mampu menghantar anak mereka ke sekolah dan mengambil balik dari sekolah. Selebihnya diserahkan kepada pembantu rumah. Sekali-sekala mungkin ada mereka menjalin keakraban dan bermesra. Kadang-kadang pada masa itu baharulah mereka menyedari anak mereka tidak atau belum menguasai kemahiran belajar tertentu. Pada masa inilah timbul kalam-kabut dan rasa resah-gelisah. Baharulah mereka berjumpa dengan guru bertanya hal-hal kelemahan anak mereka. Keadaan tambah haru-biru apabila anak mereka hendak menduduki peperiksaan besar. Pada ketika itu, kesedaran yang sepatutnya dibina dari awal kelahiran anak itu boleh



kita katakan sudah agak terlambat.

Tidak cukup hanya dengan bertanya "Ada kerja rumah?", "Sudah buat kerja rumah?". Itu tidak menjelaskan bahawa ibu bapa itu prihatin dengan pelajaran dan pendidikan anak mereka. Sebaliknya ia menjelaskan perhatian yang kurang sempurna.

Kita tidak boleh menilai anak-anak secara luaran sahaja. Bagi sesetengah ibu bapa, mereka mudah menjangka anak mereka bijak dan berkemampuan apabila anak mereka boleh melayari internet dengan menggunakan komputer. Mereka bangga jika anak mereka boleh bermain 'game' dengan baik. Mereka juga senang hati jika anak-anak mereka dalam usia yang masih muda sudah memiliki dan berupaya menggunakan telefon bimbit dalam kehidupan mereka. Sekali pandang memanglah pencapaian anak tersebut amat membanggakan dibandingkan dengan anak-anak yang terdahulu. Namun begitu jika kita selami dengan lebih dalam, sikap anak-anak yang suka mengasingkan diri dengan melayari internet itu adalah kesan dari sikap kurang pemedulian ibu bapa kepada tuntutan rohani dan mental, malah fizikal anak mereka itu sendiri.

Secara psikologinya, apabila sesuatu tuntutan tidak dapat dipenuhi maka manusia akan cuba mencari sesuatu sebagai pengganti bagi memenuhi kehendak mereka. Tidak hairanlah sekarang ini kanak-kanak lebih suka menyendiri dengan 'game', komputer, internet dan telefon bimbit.

Melalui teknologi terkini tersebut mereka dapat menenggelamkan dan melupakan tuntutan asas kementerian, dialog dan layanan yang sepatutnya diberikan oleh ibu bapa. Akibatnya aktiviti yang dibuat oleh anak-anak kita semakin jauh dari pengetahuan kita. Kita kurang menyedari sama ada mereka dalam aduan yang sihat atau sudah tergelincir. Jika ini terjadi, matlamat kita untuk memberikan pendidikan yang sehat kepada anak-anak semakin bertolak dari paksinya.

Bekerja mencari nafkah dan mencari kedudukan memang perlu. Namun begitu untuk kejayaan rumah tangga keseimbangan mesti ada. Tanpa perimbangan yang betul rumah tangga akan pincang. Mungkin dari satu aspek ibu bapa berjaya membina kerjayanya; berjaya meningkatkan pendapatan; berjaya meningkatkan kemahiran dan pengetahuan hingga ke peringkat yang lebih tinggi. Sedangkan pada satu aspek atau mungkin banyak aspek dalam kehidupan mereka yang akan terbiar. Bilamana mereka berjaya mendapatkan kejayaan, mereka melihat satu aspek kehidupan mereka sekeluarga dan anak-anak ada yang tidak kena. Pada masa itu penyakit dalam keluarga sudah timbul. Anak-anak didapati lemah dalam pelajaran. Kanak-kanak dibantut dan dipaksa tuisyen pada waktu malam dan pada waktu-waktu cuti hujung minggu. Masa anak itu mula penuh pergelutan dengan pelajaran. Waktu rehat semakin sedikit. Kalau dilihat secara longgar nampak tindakan kita itu berkesan. Kita juga dilihat sebagai prihatin kepada pelajaran anak-

anak kita. Namun begitu sebenarnya kita membina suatu tekanan yang besar kepada anak tersebut. Secara halus naluri dan emosi anak itu sudah terganggu. Mereka dipaksa membuat perkara yang tidak patut kanak-kanak buat. Jika kita imbas semula, ia tidak ubah seperti memaksa kanak-kanak di bawah umur membuat kerja berat dalam zaman hamba abdi. Oleh sebab itu kita jangan hairan apabila anak tersebut memasuki alam remaja dan sekolah menengah sikap mereka langsung berubah. Mereka menimbulkan pelbagai masalah disiplin. Kenapa? Kerana pada masa itu mereka sudah mempunyai kuasa untuk membantah. Mereka boleh bertindak di luar kawalan ibu bapa. Mereka tidak lagi dapat dipaksa seperti mana mereka masih di sekolah rendah. Situasi inilah perlu dilihat dan disedari bukan sahaja oleh ibu bapa tetapi oleh masyarakat keseluruhan.

Dalam konsep pendidikan, pendapat itu adalah salah. Pendidikan bukanlah akademik. Akademik adalah sebahagian dari pendidikan. Jika guru itu hanya memberi tumpuan kepada akademik, bermakna hasrat pendidikan tidak tercapai. Pendidik bertugas membentuk tabiat yang positif murid-murid. Membentuk tabiat positif bukanlah semudah memetik jari dalam hikayat 'Bujang Si Gandam'.

Tabiat manusia dibentuk oleh tiga elemen asas yang sebenarnya bercampur secara berantai antara satu dengan lain. Pertama ialah pengetahuan; kedua ialah kemahiran dan ketiga ialah kematangan. Seringkali sekolah-sekolah hanya dilihat berperanan memupuk tabiat dari aspek pengetahuan dan kemahiran. Sementara aspek kematangan jarang sekali dibincangkan. Sedangkan, aspek kematangan adalah tabiat yang paling sukar dibentuk berbanding dengan aspek pengetahuan dan kemahiran. Maksudnya, jika anak-anak yang memang terdidik di rumah dari usia yang awal memiliki kematangan yang tinggi maka aspek pengetahuan dan kemahiran dengan mudah dapat disampaikan kepada anak-anak kerana aspek kematangan itulah menjadi penyelempunya. Tetapi bilamana aspek kematangan murid itu tidak disuburkan dari kecil, aspek pengetahuan dan aspek kemahiran akan menghadapi halangan untuk ditanamkan kepada mereka. Apabila ini berlaku, guru-guru di sekolah akan terlebih dahulu bertindak mengubati aspek kematangan murid itu dan membela-kangkan sedikit aspek pengetahuan dan kemahiran. Bila ini terjadi tentunya aspek perkembangan anak itu agak terlambat. Namun begitu ada ibu bapa yang tidak menyedari hal ini akan terus-menerus menyalahkan pihak pendidik tanpa menyedari bahawa kesalahan itu adalah dari mereka.

Guru-guru sentiasa memberikan pendidikan dan pengajaran kepada anak-anak. Sepatutnya ibu bapa sedar jika anak mereka lambat menerima pelajaran, mereka perlu melihat dan menilai diri mereka dan anak mereka sendiri dahulu. Mengapakah anak mereka itu lambat belajar? Adakah anak mereka itu cerdik dan peka dengan persekitaran serta memiliki tabiat yang membolehkan mereka belajar? Apakah anak mereka suka membuat kerja rumah yang diberikan oleh guru? Apakah mereka menyiapkan kerja rumah itu dengan cermat dan kemas? Akhir sekali, adakah anak itu sudah diasuh secara sempurna di rumah? Dan yang penting adakah anak itu mendengar cakap mereka? Jika kriteria itu tidak

ada, janganlah dahulu memikirkan anak itu memperoleh kecemerlangan secara drastik apabila datang ke sekolah. Kalau sudah cakap ibu bapa sendiri tidak didengar, manakan mungkin anak itu mendengar cakap gurunya.

Sebaliknya ibu bapa sering berfikir, jika diri mereka berpelajaran dan bijak dan mempunyai status yang tinggi dalam masyarakat, mereka juga berfikir anak mereka dengan sendirinya juga seperti mereka. Anak mereka mesti pandai dan bijak. Ini sebenarnya adalah pendapat yang salah. Kebiasaan itu tidak turun sendirinya tanpa diasuh, biarpun para ibu bapa memiliki status yang tinggi dan menyandang pelbagai kelulusan. Ia tambah salah jika kita sebagai ibu bapa menyerahkan pendidikan anak kita bulat-bulat kepada sekolah tanpa memberikan bimbingan dan pemedulian di rumah. Pendidikan di rumah adalah paling utama walaupun ia berbentuk bukan formal. Melalui asuhan dan dorongan serta pemahaman kita kepada anak-anak itulah sebenarnya nanti yang akan membuahkan satu tenaga yang amat bernilai iaitu kamajuan untuk belajar. Cara kita mendekati anak kita menentukan tahap pencapaian anak kita itu sendiri pada masa hadapan. Adalah rendah peratusnya anak-anak yang dididik sendiri oleh ibu bapa di rumah mempunyai masalah yang kronik di sekolah melainkan anak tersebut mempunyai masalah kesihatan dan kecacatan pandangan dan otak.

Kesimpulannya, jika kita ingin melihat anak kita berjaya maka kita sendiri-lah yang perlu 'turun padang' mendidik anak itu dari awal usia mereka. Pendidikan yang dimaksudkan bukan hanya akademik, malahan yang penting ialah membentuk sahsiah mereka. Kita tidak boleh jadi penonton sahaja di tepi padang melihat anak-anak kita yang umumnya dilakukan oleh para ibu bapa sekarang. Ibu bapa cuma pandai memberi komen kelemahan anak mereka berdasarkan kepada mata kasar mereka sahaja.

Sewajarnya, kita perlu ikut bermain bersama mereka baharulah kita tahu masalah yang mereka hadapi di padang kehidupan mereka. Semakin kerap kita mendampingi kehidupan mereka semakin pekalih kita dengan perangai mereka. Jika ini dapat kita lakukan, maka semakin tinggillah peratus kejayaan anak tersebut dalam kehidupannya. Kesedaran amat penting dalam situasi ini. Kita perlu ingat, rumah adalah institusi pendidikan asas yang berkesan berbanding dengan sekolah yang hanya bertindak sebagai organisasi pendidikan. Organisasi pendidikan adalah pelengkap dan memperkembangkan pendidikan di rumah. Walaupun masa dan suasana akan terus berubah, tetapi pendidikan asas dalam rumah adalah titik tolak kepada pendidikan yang anak kita akan terima seterusnya. Kita tidak patut berfikir sebaliknya dan cuba menukar fitrah kehidupan tersebut. Anak kita ialah diri kita. Mereka ialah imej diri kita yang sebenar.

BIBLIOGRAFI

- Covey, R. Stephen, 2002, *7 Tabiat Orang Yang Amat Berkesan*, Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Fatimah Hj. Omar, 1995, *Anak 'Amanah Allah'*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah.
- M. Thalib (Drs), 1991, *40 Tanggungjawab Orang Tua Terhadap Anak*, Pustaka Al Kautsar.
- Omardin Ashaari, 1998, *Peranan, Tugas dan Tanggungjawab Guru Di Sekolah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Perairan negara bebas daripada air kemerah-merahan

Oleh Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Jun. - Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memaklumkan, berdasarkan pemantauan, pengambilan dan analisa contoh-contoh air yang dibuat secara berterusan oleh jabatan itu, didapati perairan negara ini tidak lagi mengandungi air kemerah-merahan.

Sehubungan itu, jabatan tersebut dalam kenyataan akhbar hari ini, mengisytiharkan bahawa perairan negara ini telah bebas daripada air kemerah-merahan. Walau bagaimanapun larangan memakan semua jenis kerang-ker-

ngan adalah masih dikuatkuasakan.

Dalam pada itu, tambah kenyataan itu lagi, sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai sentiasa disarankan untuk membuang insang, perut dan organ dalam ikan serta mencuci bersih sebelum dimasak.

"Jabatan Perikanan akan meneruskan pemantauan seperti biasa dan bagi sebarang kemusykilan atau keterangan lanjut, orang ramai boleh menghubungi talian-talian berikut: 8819218, 8769730, 8786399 dan 8887480," jelas kenyataan itu.



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman menyampaikan sijil kepada Tuan Liang Jian Jun seorang pegawai diplomatik Republik Rakyat China yang ikut serta menjalani Kursus Intensif Bahasa Inggeris di UBD. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

RIMBA, 21 Mei. - Majlis Penyampaian Sijil Kursus Bahasa Inggeris dalam bidang diplomasi dan komunikasi kepada dua pegawai diplomatik Republik Rakyat China berlangsung hari ini di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Penyampaian sijil kepada Tuan Liang Juan Jun dan Puan Song Jing Wa disempurnakan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji

Duraman dan dihadiri oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini, Puan Yang Terutama Yang Yan Yi.

Tuan Liang Jian Jun dan Puan Jing Wa baru-baru ini telah menamatkan kursus intensif selama sembilan bulan yang dikendalikan oleh Pusat Bahasa, UBD.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China telah menghantar dua orang

Dua diplomat China menerima sijil dari UBD

Oleh Noor Khadijah Tengah

pegawai diplomatik setiap tahun sejak tahun 2001 bagi menjalani Kursus Intensif Bahasa Inggeris di UBD di bawah Program Pertukaran Sumber Manusia antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China.

Menurut Pengarah Pusat Bahasa UBD, Datin Hajah Rosnah binti Ramly, seramai enam pegawai diplomatik telah berjaya menamatkan Kursus Intensif Bahasa Inggeris pada masa lepas dan setelah kembali dilantik memegang jawatan kanan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China.

Kursus intensif tersebut diadakan untuk memperbaiki lagi kemahiran dan kebolehan berbahasa Inggeris kepada pegawai-pegawai diplomatik yang baru berkhidmat dalam bidang diplomasi dan komunikasi.

Pegawai-pegawai diplomatik tersebut telah mengikuti pelbagai modul bahasa dan komunikasi yang direka bentuk untuk meningkatkan kemahiran mengarang dan bercakap terutama dari segi sebutan dan penyampaian dalam seminar.

Lain-lain modul bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis dalam pelbagai genre selain bertujuan untuk membantu diplomat-diplomat muda membina keupayaan dalam bidang komunikasi secara formal dan informal.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail semasa menyampaikan Sijil Kursus Intensif Bahasa Inggeris kepada Puan Song Jing Wa. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

BICTA

Brunei ICT Awards

Hadiah / Prize

Pemenang-pemenang akan menerima bagi setiap kategori:

- Wang tunai B\$1000.00 serta sebuah trofi bagi setiap kategori.
- Tiket pulang balik ke Bali, Indonesia serta penginapan 5 hari dan mewakili Negara ini di anugerah APICTA 2005 Bali, Indonesia.

The winners will be receive:

- B\$1,000.00 and a trophy for every category.
- Sponsor return ticket to Bali, Indonesia with 5 days accommodation and opportunity to represent Brunei in APICTA

LEAD AGENCY



Ministry of Communications
Brunei Darussalam

SUPPORTING AGENCIES



BICTA

Brunei ICT Awards



Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

PEMEROLEHAN BAHASA PADA KANAK-KANAK

PENGENALAN

MENURUT Kamus Linguistik (1997: 193), psikolinguistik ialah bidang yang menggabungkan usaha para ahli linguistik dengan ahli psikologi, yang cuba menerangkan sama ada hipotesis tertentu tentang pemerolehan bahasa dan kecekapan, seperti yang disarankan dalam teori linguistik semasa, mempunyai asas yang kukuh dari segi persepsi, ingatan, kecerdasan atau motivasi.

Sementara Harimurti (1984) pula mendefinisikan psikolinguistik ialah ilmu yang mempelajari hubungan antara bahasa dengan perilaku dan akal budi manusia, ilmu interdisiplin linguistik dengan psikologi.

Dengan demikian, dapatlah penulis simpulkan bahawa psikolinguistik itu ialah satu bidang yang menggabungkan antara teori-teori linguistik dengan teori-teori psikologi dan berkait rapat dengan minda manusia, perilaku dan sebagainya. Dalam esei yang ringkas ini, penulis akan mengupas secara ringkas bagaimana proses perkembangan berbahasa yang diperoleh oleh kanak-kanak, sebagai satu deskripsi proses berbahasa oleh manusia.

Pada kebiasaannya, apabila kita melihat kanak-kanak mula belajar bertutur, mereka akan mengeluarkan beberapa urutan bunyi, misalnya satu kata seperti m-a-a, p-a-a, m-a-e, a-a-a-m dan sebagainya. Inilah yang dipanggil proses memebel pada tahun pertama, iaitu berdasarkan teori Piaget (masa deria motor). Pada peringkat ini, kanak-kanak akan berinteraksi dengan persekitaran dan menggunakan semua pancainderanya untuk memperoleh semantik bahasa ibundanya dengan cara melekatkan erti yakni melalui fitur-fitur semantik yang ada kepada urutan bunyi bahasa tertentu.

Keupayaan mental seorang kanak-kanak kecil nampak agak terbatas dari banyak segi, tetapi kanak-kanak menguasai struktur bahasa aslinya yang begitu kompleks dalam jangka masa yang pendek iaitu tiga atau empat tahun. Bagi penulis, perbezaan jantina tidak penting dalam proses pemerolehan bahasa. Lebih-lebih lagi, setiap kanak-kanak terdedah kepada sampel bahasa yang berlainan, dan umumnya dengan sedikit atau tanpa pengajaran secara sadar atau tidak oleh kedua ibu bapanya. Mereka memperoleh tatabahasa dan rumus-rumus penggunaan bahasa yang semestinya sama dalam jangka masa

yang pendek tersebut. Maksudnya ialah setiap kanak-kanak dengan cepat akan menjadi ahli komuniti bahasanya yang penuh. Mereka juga boleh menghasilkan dan memahami berbagai-bagai ragam ujaran baru tetapi bermakna dalam bahasa yang dikuasainya.

Penulis membayangkan bahawa teori sifat bahasa seseorang itu adalah berkait rapat dengan teori pemerolehan dan penggunaan bahasanya. Penulis juga percaya bahawa kanak-kanak mendapat pemerolehan lengkap dengan strategi-strategi kognitif yang membolehkan mereka mentafsirkan dan membentuk rumus-rumus kod. Seseorang kanak-kanak akan membina bahasanya dengan sendiri secara kreatif iaitu mengikut keupayaan semula jadi dan dalaman (rohania). Seorang kanak-kanak yang mengembangkan teori-teori baru struktur bahasa, mengubah dan membuang teori-teori lama dalam proses pemerolehan bahasa. Kajian bahasa kanak-kanak menjadi penting bagi pendekatan yang berpanjangan antara nativisme (pengetahuan semula jadi) dengan empirisme (pengetahuan melalui pengalaman deria).

Semua teori pertumbuhan mental berkehendakkan kanak-kanak mempunyai pengalaman dunia luar, kerana ia boleh mengukur sejauh mana deria minda distrukturkan pada masa kelahiran dan sejauh mana deria pengalaman boleh mencorakkan struktur-struktur dalaman (rohania).

Di bawah ini, penulis cuba memberikan satu contoh mengenai perbualan antara ayah dan anaknya yang berumur tiga tahun;

AYAH: Ke mana alai bejalan kelamarin dengan nimu?

ANAK: (ke) padang kami (kel) marin.

Ayah bertanya satu soalan mengenai gerak tarah iaitu ke satu sasaran, melibatkan pendengar dan peserta, pada masa lampau (kelmarin). Jawapan anaknya menunjukkan bahawa dia telah memahami semua unsur ujaran ayahnya. Apakah yang perlu diketahui oleh kanak-kanak mengenai bahasa Melayu untuk mereka menjawab soalan itu? Untuk kanak-kanak mengenal pasti bahawa ujaran tersebut sebagai satu ujaran, dia mesti mengenali peranan kata tanya yang awal, ke mana, dan intonasional soalan. Makna kata ini, bersama-sama makna berjalan, menunjukkan bahawa pendengar dan seorang yang lain, nimu, yang terlibat dalam peranan ini.

Walaupun begitu kanak-kanak itu tidak tahu bahawa soalan tersebut merujuk soalan yang berlaku di masa lampau. Apa yang didengar oleh kanak-kanak itu adalah satu arus bunyi, yang juga tidak boleh dipisahkan ke dalam kata-kata dengan jelas. Kita akan melihat ayat bahasa Melayu, tanpa sempadan, sempadan kata, dan mendapat idea tertentu mengenai masalah ini:

Kemana alai bejalan kami marindengannimu

Kita akan begitu sukar untuk menjaui pengetahuan bahasa Melayu kita dalam melihat rangkaian huruf ini, begitu juga dalam mendengar bunyi yang berurutan, kerana mulut kita hanya satu, dengan demikian kita mesti ikut peraturan bertutur. Ada dua proses yang berlaku di sini, iaitu Proses Berbahasa dan Proses Pengajaran. Contoh lain, iaitu apabila kita ada idea secara global maka akan lahir perkataan:

Sayaadamama (saya ada mama) 'mama' itu ada imej dalam 'Girus Angular', ia dihantar ke 'Fasikulus Buser', kemudian ke 'Medan Broca' (mengutar apa yang diutarakan). Melalui 'Medan Broca' ia dihantar ke 'Korteks Motor', lalu 'Korteks Motor' menghantar ke 'Speech Tract' (tempat untuk bercap). Begitulah otak memproses berbahasa dalam pengucapan 'mama' tadi.

Berbalik kepada proses berbahasa yang diutarakan antara ayah dan anaknya yang berumur tiga tahun tadi, nampaknya mudah dan begitu menarik. Kanak-kanak tersebut bukan sahaja perlu mengorganisasikan arus ujaran ke dalam unit-unit bermakna, tetapi dia juga mesti mengetahui bagaimana menggabungkan untuk memperoleh proposisi dalam yang dikehendaki. Pengetahuan ini tidak diberikan secara langsung oleh ibu bapa dan juga

tidak nyata serta-merta dalam penandaan.

Kanak-kanak mesti memiliki keupayaan mental yang istimewa dan kuat yang membolehkan mereka memperoleh pengetahuan seperti tersebut tadi. Kesalahan kanak-kanak tadi hanyalah dari sudut penguguran imbuhan, sedangkan dari sudut struktur perkataan tersebut boleh diterima. Ini bermakna, bahasa mempunyai bentuk yang dipunyai kerana tidak ada jenis struktur linguistik yang lain yang boleh dipelajari kanak-kanak. Maka terdapat satu kesesuaian yang erat antara sifat bahasa yang universal dengan sifat strategi pemerolehan bahasa oleh kanak-kanak. Jika sekiranya kanak-kanak dapat memperoleh pola-pola bahasa yang abstrak dan umum, ini adalah kerana dia sendiri yang melakukannya (telah ditetapkan terlebih dahulu). Dengan demikian, penulis rasa ianya bersesuaian dengan teori-teori idea semula jadi falsafah dengan teori-teori nativistik tingkah laku haiwan.

PROSES BAHASA PERTAMA KANAK-KANAK

Pada peringkat percubaan awal, anak damit menggunakan suara dalam berkomunikasi adalah sangat berlainan daripada bahasa dalam cara-cara yang penting. Ianya terdapat suatu pengumpulan bunyi semula jadi yang menyatakan spektrum keadaan kehendak tetapi memerlukan masa yang lama sebelum proses pengeluaran suara digunakan untuk melambangkan objek-objek ataupun peristiwa-peristiwa, misalnya untuk bertanya dan menjawab soalan dan sebagainya.

Pada akhir tahun pertama, kanak-kanak biasanya boleh mengeluarkan beberapa bunyi yang dapat dibezakan dengan jelas. Ibu bapa pula mula mendengar apa yang mereka kenal pasti sebagai kata-kata pertama yang

keluar daripada suara agahan anak damit. Kata-kata pertama selalunya mempunyai kekuatan ayat secara keseluruhan dan telah diujuk sebagai 'ayat satu kata'.

Semua anak damit, pada kebiasaannya melalui tahap satu kata sebelum mencapai umur dua tahun. Ujaran terkecil seperti 'mama' boleh bermaksud 'mama minta susu' atau 'mama saya minta dukung' atau 'saya takut' dan sebagainya. Kita tidak boleh bercakap mengenai tatabahasa aktif kanak-kanak, kerana mereka belum lagi menggabungkan sebarang kata ke dalam ujaran yang lebih panjang. Di sini jelas, bahawa pengetahuan bahasa anak damit adalah lebih daripada pengumpulan kata terpisah yang diketahuinya.

Anak damit yang amat kecil juga boleh membezakan beberapa isyarat akustik yang perlu bagi pemahaman pertuturan iaitu pada tingkat persepsi. Eimas et al. (1971) telah mendapati bahawa anak damit yang berusia sebulan boleh membezakan isyarat akustik yang tersembunyi yang membezakan konsonan bersuara, seperti [b] daripada konsonan tak bersuara seperti [p]. Ketika umur lapan bulan, anak damit boleh bertindak balas dengan cara berlainan terhadap kontur intonasi yang menurun dan meninggi (E.L. Kaplan, 1969).

Sebenarnya alat persepsi asas bagi mentafsirkan kod linguistik telah lama wujud sebelum kanak-kanak mula bertutur. Kanak-kanak kecil boleh memahami banyak perkataan dan arahan orang dewasa dan bertindak balas dengan mengambil bahagian dalam permainan tunjukkan dan interaksi bahasa yang terkawal dengan orang-orang dewasa seperti ibu bapanya.

PROSES TATABAHASA PASIF KANAK-KANAK

Janellen Huttenlocher

OLEH ABIL HASSAN

(1974) gemar melawat empat orang anak damit di rumah mereka, bertemu apabila kanak-kanak tersebut berumur 10 hingga 13 bulan. Beliau menguji perbendaharaan kata aktif kanak-kanak itu dan juga kebolehan mereka untuk memahami pertuturan orang dewasa. Kanak-kanak itu boleh mencari objek yang bernama, walaupun mereka belum lagi menggunakan nama-nama itu dalam pertuturan mereka sendiri. Tetapi lebih daripada pemahaman awal nama-nama ini, Huttenlocher mendapati pemahaman awal kombinasi kata yang menakutkan.

Misalnya, seorang kanak-kanak, Craig, pada umur satu tahun setengah, mengeluarkan hanya dua perkataan: 'di' apabila melihat anjing ke-luarganya atau binatang-binatang lain, dan 'uh-uh', apabila menolak permintaan orang dewasa. Craig mendapat seorang adik perempuan yang baru lahir, dan selepas dua minggu Craig dapat membezakan antara 'your bottle' dan 'baby's bottle', 'your diaper' dan 'baby's diaper', dan pergi mendapatkan objek-objek yang sesuai dari bilik yang lain. Dia juga membezakan antara 'show' dan 'give', memegang sesuatu objek sebagai tindak balas pada arahan pertama, dan membawanya kepada seseorang sebagai tindak balas pada yang kedua.

Di sini kelihatan jelas bahawa kanak-kanak kecil seperti Craig boleh menyimpulkan dan memahami beberapa patah perkataan dalam ingatan dan menentukan makna gabungan kata yang dihasilkan.

Sachs dan Truswell (1976) pula telah memberi bukti lanjut bahawa kanak-kanak pada peringkat perkembangan pertuturan satu kata boleh membuat jangkaan secara produktif berdasarkan lebih daripada satu kata daripada suatu ujaran. Mereka memberi bayi arahan-arahan baru, iaitu dengan memberikan kata-kata yang sudah mereka fahami dalam gabungan yang luar biasa, seperti 'tickle book', 'smell truck' dan 'kiss ball'.

Kanak-kanak yang dalam ujaran mereka mengandung tidak lebih daripada satu kata panjangnya boleh bertindak dengan tepat mengikut arahan-arahan yang ganjil seperti itu.

PROSES PEMEROLEHAN MAKNA UJARAN SATU KATA

Biasanya kedua-dua ibu bapa dapat mentafsirkan

ujaran satu kata ini dan akan bertindak balas terhadapnya. Dari itu terdapatlah perbualan atau komunikasi bahasa yang penuh dengan makna. Pertuturan kanak-kanak kecil hanya boleh difahami mengikut konteks. Jika sekiranya kanak-kanak mengucapkan 'ayah' atau 'bapa' apabila merujuk kepada gambar ayahnya, fungsi ujarannya adalah penamaan, manakala jika dia mengucapkan 'ayah' bila mendapat kasut bapanya, bermakna dia menyampaikan perkhataian tertentu, iaitu melalui hubungan kebiasaan atau milik antara ayahnya dengan objek, walaupun tanpa menamakan objek tersebut.

Greenfield dan Smith (1976) telah membuat percubaan yang teliti untuk menunjukkan makna ujaran satu kata yang mempunyai fungsi. Mereka mendakwa bahawa banyak fahaman perkaitan yang diucapkan dengan lebih lengkap dalam peringkat terkemudian perkembangan bahasa sudah wujud sebelum bermulanya pertuturan gabungan. Mereka berdua menggolongkan ujaran kanak-kanak berdasarkan fahaman dalam seperti perilaku, objek, lokasi dan lain-lain.

Mereka berdua mendakwa bahawa jika seseorang kanak-kanak mengucapkan 'ball' dalam situasi di mana seorang ayah membalik bola berkehendakkan kanak-kanak mengenali sesuatu objek tersebut, maka ujaran satu kata bukan sahaja nama suatu benda, tetapi menunjukkan objek perbuatan dalam satu situasi keseluruhan. Begitu juga apabila kanak-kanak itu mengucapkan perkataan 'ayah', ianya bukan sahaja menamakan 'bapa' tetapi menamakan pelaku atau ejen yang membalik bola itu.

KESIMPULAN

Setelah kita perhatikan dari beberapa bukti atau data-data deskripsi mengenai proses berbahasa khususnya di kalangan kanak-kanak, sama ada dari peringkat anak damit hingga tiga atau empat tahun, maka jelaslah sudah dalam tanggapan penulis bahawa teori-teori pemerolehan bahasa itu berkembang sesuai dengan kekuatan minda dan fizikal kanak-kanak itu sendiri. Dengan demikian benarlah sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Kanak-kanak itu ibarat kain yang putih, maka ibu bapanyalah yang mencorakkannya (mewarnai) sama ada menjadi seorang Nasrani atau Yahudi."

PADA peringkat percubaan awal, anak damit menggunakan suara dalam berkomunikasi adalah sangat berlainan daripada bahasa dalam cara-cara yang penting. Ianya terdapat suatu pengumpulan bunyi semula jadi yang menyatakan spektrum keadaan kehendak tetapi memerlukan masa yang lama sebelum proses pengeluaran suara digunakan untuk melambangkan objek-objek ataupun peristiwa-peristiwa, misalnya untuk bertanya dan menjawab soalan dan sebagainya.

KERETA mewah merah itu membelok masuk ke halaman sebuah rumah besar dua tingkat, cantik dan tersergam megah. Mansor, pemandu berkulit hitam gelap yang masih pelat berbahasa Melayu, segera keluar dan membuka pintu belakang sambil separuh tunduk-tunduk, tanda hormat. Bagi Mansor menghormati majikan adalah perkara yang patut dilakukan. Tidak kiralah sama ada majikannya itu kurus, gemuk, tua, muda, kuning, biru, jingga, hitam atau putih, yang penting setiap majikan harus dihormati. Majikan adalah tuan! Segala kata-kata dan perbuatan majikan adalah benar, tidak ada yang dusta kecuali yang benar-benar belaka! Sama ada majikan lelaki atau majikan perempuan, dua-duanya adalah benar. Jika ada yang tidak benar itu semua mestilah Mansor yang tidak benar!

Sudah lapan tahun Mansor kerja sebagai pemandu Iskandar, dan semua yang Mansor lihat dan tahu adalah benar, tidak ada yang tidak benar! Mansor ada anak, ada isteri jauh di kampung yang setiap bulan memerlukan wang untuk hidup. Jadi Mansor harus sentiasa bekerja dengan benar untuk mendapatkan gaji yang benar-benar dapat menjamin keperluan perikuh belangnya.

Seperti biasanya juga Iskandar yang berusia lebih 60 tahun, berbadan gemuk pendek, berkulit putih dengan kaca mata tebal akan keluar tanpa memandang wajah Mansor, terus melangkah longlai menuju ke pintu. Sambil melangkah, tangan kanannya akan terkapai-kepai cuba melonggarkan tali leher yang sudah sebatan dengan dirinya selama hampir 25 tahun itu. Mansor pula akan menyusul dari belakang dengan 'brief case' Iskandar yang hitam berkilat dan padat dengan segala macam bahan kerjanya. Setibanya di dalam, baju kot dan tali leher dilemparkan ke atas sofa. Tanpa membuka kasut, Iskandar merebahkan tubuh ke atas kusyen empuk dalam ruang berhawa dingin itu. Keenakan segera terasa pada seluruh anggota tubuhnya.

Mbak Yanti, orang gajinya yang sedang sibuk di dapur segera menjenguk keluar. Dari muka pintu itu ia dapat melihat Iskandar sedang melepaskan lelah dengan mata terpejam.

Keinginannya untuk bertanya sama ada makanan siang mahu dihidangkan segera, terpadam begitu saja. Biasanya kalau ada apa-apa yang Iskandar kehendaki, ia akan bersuara juga memanggil Mbak Yanti. Mbak Yanti kembali masuk ke dapur sambil terus memasang telinga mana tahu tiba-tiba saja Iskandar mencelik mata dan minta hidangan disipkan atau minta bawakan minuman. Namun sudah kira-kira 15 minit berlalu belum ada apa-apa suara yang terdengar dari dalam. Kini Mbak Yanti pasti, Iskandar tentu terlalu penat dan sudah terlena ketika itu. Mansor masuk dari pintu belakang dapur terus duduk menghadap meja kecil tempat Mbak Yanti mengupas bawang atau memotong sayur. Bagi Mbak Yanti meja yang agak kusam itu adalah meja keramat. Meja yang selalu mendatangkan kebahagiaan dalam meniti hari-hari sepi. Mansor juga suka meja itu.

Mansor suka tengok Mbak Yanti mengupas bawang sambil bercerita-cerita mengenai itu dan ini, sambil itu juga bertanya sudah makan atau belum sambil-sambil juga senyum-senyum sedikit dan mata saling berbicara mengenai 'apakah kau

merasa seperti mana yang kurasa'. Kadang-kadang sewaktu pandang-memandang begitu kaki-kaki mereka yang di bawah meja senggol-senggolan dan gesel-geselan kemudian pura-pura, ah maaf tidak sengaja! Kemudian senyum lagi. Senyum berbalas senyum kemestaraan pun semakin dekat dan sama-sama mahu semakin dekat dan dekat!

Suasana dalam rumah sunyi dan sepi. Hanya sekali-sekala terdengar bunyi kenderaan yang lalu lalang di depan jalan raya. Itu pun tidak terlalu jelas. Hashim dan Halim masih belum balik dari sekolah. Biasanya banyak aktiviti sekolah menyebabkan mereka sering balik petang. Hamidah, bini Iskandar pula memang jarang balik makan tengah hari.

Biasanya jauh malam baru balik, sibuk dengan urusan niaga itu dan ini. Sibuk dengan kursus-kursus niaga, aerobik atau menghadiri ceramah motivasi, kecantikan, majlis-majlis makan malam dan lain-lain kegiatan. Iskandar memang tidak peduli mengenai itu semua.

Sebagai manusia moden, hidup pula dalam dunia yang serba sengit dengan cabaran. Kesemua itu adalah perkara lumrah. Hamidah sendiri, bininya yang 15 tahun lebih muda dari dirinya memang menampakkan kecenderungan yang kuat dalam perniagaan.

Untuk maju dan mampu terus bersaing Iskandar selalu pula memberikan dorongan dan semangat pada Hamidah.

"Abang bangga dapat bini macam kau. Kau bukan saja pandai menjaga bentuk body tapi pandai juga mencari wang. Memang tidak sia-sia abang dapat kau. Teruslah berusaha."

Abang yakin dan percaya satu masa nanti kau akan mampu meraih kejayaan yang lebih besar dan cemerlang."

"Makasih bang. Macam tulah baru laki nombor satu. Bukan macam laki orang, asyik-asyik kurung bini dalam rumah saja, tiada kemajuan langsung. Tapi abang mesti ingat, semua ini pun untuk kemakmuran hidup kita kemudian hari juga."

Hampir setengah jam terlena, Iskandar tiba-tiba terjaga. Semenjak mencecah usia lebih 60 tahun ia sendiri dapat merasakan bahawa kecergasan tubuh-

DUA KALI DUA

nya agak menurun.

Sudah tidak cergas untuk bermain badminton, sepak takraw atau berjoging. Hanya sekali-sekala pada sebelah petang di hujung minggu ia berjalan-jalan sedikit di stadium untuk mengeluarkan peluh. Itu pun kerana saranan doktor peribadinya. Tubuh badan Iskandar yang gempal dan sentiasa berkurung dalam bilik berhawa dingin perlu senaman untuk membuang segala toksin yang terkumpul. Begitu kata doktor peribadinya.

Kalau tidak, Iskandar boleh kena darah tinggi, tekanan jantung, kencing manis dan lain-lain penyakit yang suka datang kepada orang-orang yang hanya berfikir mencari harta kekayaan seperti itu. Mujur kesemua penyakit itu belum ada satu pun yang benar-benar sudah mengenai dirinya. Hanya satu, kolesterol yang memang sudah sah ada pada darahnya.

Kadang-kadang Iskandar merasa malas juga untuk balik makan tengah hari. Tapi Hamidah yang garang dan kuat cemburu itu pula sering menelefon Iskandar. Tanya makan di mana dan dengan siapa. Meskipun memang selalu tidak dapat makan bersama, Hamidah sentiasa memastikan Iskandar balik makan tengah hari di rumah. Bagi Hamidah, walaupun Iskandar bukan kategori lelaki macho seperti Rosyam Nor, atau juga Malik Noor tetapi lelaki tetap lelaki! Perut yang buncit, wajah yang monyok, rambut yang botak dikelilingi uban dan suara yang parau bukan jaminan lakinya yang kaya-raya itu tidak mendapat perhatian dari wanita-wanita lain. Memang, Hamidah belum pernah mendapati kalau Iskandar ada 'curi-curi kesempatan' di luar rumah. Tapi untuk memastikan kejadian-kejadian yang sudah sering berlaku di mana-mana jua seumpama itu di dunia ini tidak menjangkit juga dalam sejarah rumah tangganya, Hamidah sentiasa beringat bahawa 'air yang tenang jangan sang-



OLEH SOSONJAN A. KHAN

ka tak ada buaya'.

Walaupun kadang-kadang, malah sejak Iskandar kena penyakit lemah-lemah badan, keinginan Hamidah untuk bermesra dengannya sudah tawar setawar-tawarnya macam minum kopi tidak bergula, namun dalam masa yang sama Hamidah juga tidak mahu sebarang anasir terutama dari kaum yang sejenis dengannya merampas tubuh badan sekali gus tugu harta dan tandatangan Iskandar yang cukup berharga itu! (Biasalah lelaki ada harta ada harga!) Lagi pula zaman sekarang bukan mudah mau dapat laki yang ada harta. Kalau tiada rupa tiada pula harta, bila-bila masa boleh blah! Begitu juga lelaki, kalau dapat bini lawa dengan body bollywood pula, mintalah apa saja hatta bulan, bintang dan matahari, selagi dapat dibeli dengan wang gerenti dapat punya! Jadi jelas aset rukun di zaman moden seperti sekarang adalah laki kaya dan bini lawa! Betulkan? Hanya zaman nenek moyang dulu saja budi bahasa dan kejujuran dipandang paling berharga.

Sekarang? No way! Dengan tandatangan berharga Iskandar, Hamidah dengan tidak perlu bersusah payah boleh mengembangkan lagi urusan perniagaannya di samping meneruskan kegiatan hobinya seperti berbelanja di gedung-gedung mewah atau memeram di tempat-tempat istimewa! (ehm... ehmm). Bukan tidak dapat hidup senang-lenang tanpa menyusah-nyusahkan diri

mengurus perniagaan. Boleh. Tapi Hamidah memang minat berniaga yang banyak memerlukan kegiatan di luar rumah. Hamidah wanita moden.

Berpelajaran dan berwawasan.

Selepas makan tengah hari dan beristirahat sebentar, Iskandar kembali keluar untuk ke pejabat. Sebenarnya Iskandar pun tidak perlu menyusah-nyusahkan diri untuk bekerja lagi. Ia boleh tidur makan saja dalam rumah mewahnya itu, tapi Hamidahlah yang pandai mengatur-ngatur lidah mengesyorkan agar Iskandar terus naik turun ke pejabat.

Hamidah cakap, kalau Iskandar makan tidur saja di rumah, penyakitnya akan bertambah.

Naik turun pejabat, sekadar melihat-lihat para pekerja bawahannya pun macam satu 'exercise' juga. Itu cuma alasan Hamidah. Sebenarnya Hamidah memang tidak berapa sedap hati kalau Iskandar asyik berduaduaan dengan Mbak Yanti, orang gaji mereka yang memang janda begetah tu. Bagi Hamidah, Mbak Yanti janda yang

belum menopause bukan batang kayu! Tapi manusia. Manusia yang cukup sifat zahir dan batin, sama juga seperti Iskandar! Sekali-sekala ketika terserempak Mbak Yanti yang baru lepas mandi dan hanya mengenakan tuala, rasa cemburu menyelinap jua di sudut hatinya. Walaupun sudah berusia 40 tahun, namun keindahan tubuh Mbak Yanti masih 'bermagnet'. Putih, licin dan gebu. Nasib baik Mbak Yanti tidak pandai berfesyen atau menghias-bias diri.

Kalau tidak Titiek Puspita pun boleh dikalahkannya!

Tiba di pejabat, Iskandar merasa mengantuk pula. Perkara itu bukan baru sekali.

Mungkin kerana usianya yang sudah meningkat, ia mudah penat dan sering mengantuk.

Suzita kerani sulitnya dipanggil masuk untuk membancuh kopi.

"Manis kopi yang kau buat," kata Iskandar sambil meletakkan cawan.

"Abang kenapa, sakit kepala?" soal Suzita sambil duduk santai di depan Iskandar. Mata Iskandar terbuka lebar melihat Suzita yang berusia 25 tahun itu merenung manja ke wajahnya. Iskandar merasa bahagia... entah kenapa setiap kali keadaan itu berlaku ia merasa segala kebekuan dan kepenatan tubuhnya boleh lerau begitu saja. Sebaliknya rasa penuh semangat dan ingin terus berada di pejabat pula semakin bergelora dalam jiwanya.

"Ia... sakit-sakit kepala. Sikit-sikit... tadi sakit sekali. Tapi sekarang setelah minum kopi yang sayah buat, ada kurang. Hm hm..."

"Abang Iskandar, aku dah bosan sangat dengan

Lihat muka 13

Dari muka 12

laki aku tu," tiba-tiba Suzita mengeluh sambil berjalan merapat Iskandar. Bagi Suzita walaupun jelas, Iskandar lebih layak dipanggil bapa atau atuk ia adalah lelaki yang cukup dermawan pernah ditemuinya.

Lelaki tua macam Iskandar lebih memahami naluri seorang perempuan, pandai melayan, pandai mengambil hati, tidak pula lokek dari segi material dan wang ringgit. Dapat kasih sayang, dapat kemewahan itu sudah cukup baik.

"Eh! Apasal pula bosan? Dapat laki muda kecangg rangup macam tu pun boleh bosan?"

Iskandar yang sudah tahu, pura-pura tidak mengerti.

"Tidak pandai teranah di rumah. Balik sekejap, jalan lagi. Jumpa kawan-lah, ada urusanlah, over timelah, kalau mahu ikutkan hati rasa-rasanya aku tidak mahu balik lagi ke rumah," suara halus Suzita sepuar hidut keluar dari lubang hidungnya yang agak pesek.

"Dia ada cakap tidak sukakan kau lagi?" Iskandar menyoal tenang, sama seperti menyoal Amanda, Lili, Doris, Saadah, Malini dan semua kerani-kerani dan setiausaha yang pernah bekerja dengannya dulu.

"Tidak. Tapi kalau sudah macam tu, memang sudah tidak suka lagi lah tu... mesti ada 'makan' di luar! Ntah! Ntah! Jadi simpanan... apa tu, gigolo!" Suzita terus melepaskan wap kesalnya pada Iskandar. Iskandar terse-nyum meleret-leret. Kedut-kedut di pipinya turut leret-leret. Ah... (peduli apa perempuan sekarang bukan pandang itu semua, yang penting ada wang! Ada kedudukan!) Bagi Iskandar perempuan di mana-mana pun di dunia

ini senang dibeli dengan wang, macam beli sarung kaki!

"Hm... itulah perempuan sekarang suka sangat cari laki yang muda-muda. Mahu yang kacak dan bergaya pulak tu... akhirnya baru sadar, kela-pa-kelapa tua juga yang berguna."

"Abang lain. Abang romantik penuh belaian kelembutan dan tidak tergopoh-gapah..."

Sebuah kotak kecil dile-takkan di hadapan Suzita. Segera dibukanya. Sebe-nut cincin berlian berkilau indah. Iskandar menarik cincin itu dan menyarungkan ke jari manis Suzita.

Iskandar terus menyuguhkan umpannya. Bagi Iskandar perempuan macam Suzita ni memang kacang! Tidak perlu banyak pakai teknik. Suzita cuma burung pipit. Ham-bur padi sikat, gerenti turun terkapar-kapar menyerah diri. Bukan macam Flo-renda atau Siti Nurbaya atau Nancy Smith dulu. Banyak minta, banyak syarat. Perempuan yang sudah berusia dan ada pelajaran pula memang susah nak jerat. Jual mahal. Demand! Tapi kalau sudah 'hendak' sangat, terpaksa peras otak juga guna beberapa pendekatan yang sudah dikenal pasti boleh mengena! Iskandar pula tidak pernah gagal dalam setiap misi-misi pemburu-annya. Jangankan singa betina, naga betina pun boleh sujud di tapak kakinya.

"Terima kasih bang, sudah banyak yang abang berikan selama ini... Sudah lama kita tidak makan angin di luar negeri... bosan," Suzita bersuara lebih lembut dan manja lagi sambil mere-nung-renung cincin di jarinya.

"Hmmm... kalau ter-lalu bosan tidak apa, ming-gu depan kita makan angin lagi ke Langkawi, mau? Sambil tu kita shopping," soal Iskandar lagi yang

memang sudah tahu hasrat sebenar Suzita.

Wajah Suzita segera bertukar ceria seperti mata-hari pagi yang baru bersinar setelah diseliputi mendung. Suzita bangun dan meluru ke tubuh Iskandar. Pucuk dicita, ulam men-datang! Iskandar termeng-ngh-mengah.

Rosdi masih berkumpul dengan selimut ketika Hamidah mandi dan bersiap-siap untuk keluar. Setiba-nya di rumah petang itu, Mbak Yanti segera mem-beritahu mengenai pemeri-gian Iskandar pagi tadi.

"Ya, aku sudah tahu! Ada apa-apa pesannya lagi, Mbak Yanti?" Hamidah berkata serius.

"Tidak ada. Cuma kata-nya kalau puan balik, segera hubungi ia."

"O.k!" Hamidah berlari naik ke tingkat atas sambil menekan punat pada tele-fon bimbitnya. Jauh di sudut hatinya tergerak untuk 'menyasat' sendiri apa sebenarnya yang Iskandar buat di Kuala Lumpur. Hamidah memang mempunyai kuasa 'gerak hati'.

Namun selama itu, belum ada yang betul-betul terbukti jika Iskandar memang sudah sering menye-lewang. Walaupun begitu, azamnya kali ini terasa kuat pula. Macam ada sesuatu?!

"Rosdi! Bangunlah!" suara Hamidah kedengaran tidak sabar-sabar.

"Arggh!! Ah? Ada apa honey?" Rosdi menjawab malas.

"Kita ke Kuala Lumpur, esok. Kau tempah tiket hari ni..."

"Ada apa?"

"Ah... biasalah, aku ada urusan di sana. Penting."

"Urusan pentingkah atau kau mahu spy Iskandar lagi?"

"Jangan banyak tanya-lah sayangggggg."

"O.k.lah! O.k.lah!... Orang tua tu juga yang kau kejar."

"Cepatlah!"

Sehari selepas itu Hamidah dan Rosdi sudah sampai ke Kuala Lumpur. Beberapa jam selepas itu mereka terus ke Langkawi pula.

"Apa kau mahu buat jika Iskandar bersama perempuan lain?" soal Rosdi kurang senang.

"Aku akan ajar perem-puan itu cukup-cukup! Kau jangan keluar. Kau tunggu di dalam kereta saja nanti."

"Lagi? Asyik-asyik aku kena tunggu dalam kereta."

"Kau mahu apa lagi? Tidak cukup segala apa yang kau dapat selama ini?"

"Kau terlalu mengawasi Iskandar..." nada suara Rosdi seperti separuh me-rajuk.

"Tapi aku sentiasa sayangkan kau..." tangan Hamidah yang lembut putih menyentuh dagu Rosdi. Mereka sama-sama tersenyum.

Belum sempat Hamidah keluar dari kereta, dari jauh kelihatan Iskandar dan Suzita sedang berpimpin tangan melangkah menuju sebuah kereta. Api marah tiba-tiba meruap naik di dada Hamidah. Segala tulang-tulang sendi dan da-ging-daging tubuhnya terasa kejang. Rosdi terpi-nga-pinga antara percaya dengan tidak! Hamidah melompat keluar, berlari macam kena kejor harimau terus menerkam tubuh Suzita. Iskandar terkejut bukan alang-kepalang. Wa-jahnya pucat ketakutan macam sedang berhadapan dengan maut!

Panik dan tidak tahu hendak berbuat apa. Kedua-dua belah lututnya yang memang agak lemah, mengeleter. Hamidah ter-jang Iskandar hingga jatuh tergoles, kemudian terus memusingkan tubuh melepaskan satu tumbukan sulung ke perut Suzita. Suzita cuba melawan. Tapi tangannya tidaklah sekuat tenaga Hamidah yang sedang panas baran di tahap yang paling maksima



itu. Rosdi pula asyik men-jenguk-jenguk dari dalam kereta untuk memastikan wajah Suzita betul-betul. Iskandar cuba bangun dan meleraikan pergomolan yang diikuti dengan maki hamun itu.

Tanpa mepedulkan belahan kainnya yang semakin koyak ke atas, Hamidah tendang bawah perut Iskandar sekuat tenaganya dan kali ini Iskandar benar-benar merasakan kesakitan yang paling luar biasa, men-galahkan pengalaman bersu-kan sewaktu kecil hingga tergoles-goles macam ayam kena sembe-lih di atas tanah. Iskandar mengerang-ngerang kesakitan. Rasa-rasanya seperti sudah pecah! Azab dan seksa betul-betul men-cengkam dirinya ketika itu. Rasa macam nak pengsan. Pandangannya terpinar-pinar, biru hitam... terus gelap...! Hamidah menga-mbil peluang keemasan itu terus menolok Suzita rebah ke tanah lantas melanyak-lanyak dengan kedua belah kakinya yang berkuat tumit tinggi. Suzita menge-rang-ngerang kesakitan. Wajahnya biru lebam. Se-mentara tangan dan kakinya luka kena kuku dan tumit kasut Hamidah yang tajam macam kuku

beruang.

Orang ramai yang ada di sekeliling semakin ramai berkumpul. Masing-masing hanya mengele-geleng-geleng kepala tidak kurang yang ter-senyum-senyum sumbing.

Perempuan-perempuan yang sudah bersuami pula semakin rancak bersuara memberi semangat dan dorongan pada Hamidah agar terus maju ke hadapan dan kalau boleh ajar Suzita hingga tulang dan daging-dagingnya berkecai!

"Ha... Baru padan muka! Rasakan. Hentak dia biar sampai konyol kak!"

"Ajar dia cukup-cukup! Biar dia tahu tinggi ren-dahnya langit."

"Kakak betul-betul he-bat! Jangan bagi muka kak, ajar perempuan gatal ni cukup-cukup."

Hamidah semakin ber-semangat macam 'bionic women'. Tubuh Suzita yang sudah tidak bermaya itu terus dikerjakannya sepuas-puas hati. Tapi itu pun ia belum merasa puas lagi.

Kalau boleh, ia ingin tubuh Suzita hancur-lebur dan bertebaran seperti debu dan tidak akan ada lagi perempuan yang bernama Suzita di dunia ini! Tiba-tiba pula, Rosdi

seperti baru tersedar dari kekakuannya sejak tadi. Rosdi melompat keluar.

"Midah! Midah! Sudah Midah! Bawa mengu-cappppppp!!!" Rosdi bersuara lantang sambil menarik tubuh Hamidah yang sudah seperti orang kerasukan. Hamidah me-ronta-ronta minta dilepas-kan. Rosdi menggunakan segala kekuatan tenaganya untuk menghalang Hami-dah dari terus membelasah Suzita. Iskandar mulai mencelik mata. Rasa sakit membengkak dan nyeri masih terasa pada bahagian bawah perutnya. Dengan bertatih-tatih Iskandar menghampiri tubuh Suzita yang sudah benar-benar tidak berdaya.

"Rosdi..." Suzita bersuara sambil menahan kesakitan ketika melihat kelibat Rosdi yang sedang memaut tubuh Hamidah.

Seminggu selepas kem-balinya mereka semua dari Kuala Lumpur. Iskandar dan Hamidah bercerai. Begitu juga Rosdi, dengan rela hati menceraikan Suzita dengan talak satu! Sementara Mansor dan Mbak Yanti telah ter-tangkap basah oleh Pegawai Pencegah Maksiat sewaktu sedang berduaan dalam kereta di Pantai Seri Kenangan, Tutong.

Dari muka 1

Negara Brunei Darus-salam mula mengambil langkah-langkah positif ke arah mengatasi masalah penggunaan tem-bakau sejak pertengahan 1970-an. Ia termasuk penghapusan pengkilanan tembakau di luar perak, larangan merokok di ba-ngunan-bangunan. Kem-entrian Kesihatan mu-lai Ogos 1990, penguat-kuasaan Akta Kastam 1991 bagi mengenakan semua tembakau yang diimpot mempunyai amaran bahaya merokok, arahan Jabatan Perdana Menteri bagi tegahan merokok di semua ba-ngunan kerajaan, me-naikkan cukai tembakau kepada 200% mulai 1 Disember 1994, semua sekolah bebas dari rokok mulai 1 Januari 2002 dan larangan merokok dalam Penerbangan Diraja Bru-nei mulai 1 April 1998.

Kementerian Kesihatan bagaimanapun berkata, pencapaian langkah meng-atasi penggunaan tem-bakau masih belum me-muaskan. Larangan tidak merokok di bangunan-ba-ngunan kerajaan dan tega-han merokok di hospital-hospital tidak begitu dihormati dan langsung tidak dipatuhi. Masih terdapat orang yang hanya memen-tingkan kepuasan diri tanpa menghiraukan kesan ba-haya kepada orang lain.

Usaha ke arah me-merangi tembakau memer-lukan komitmen dan ker-jasama yang padu dari semua agensi dalam kera-jaan dan masyarakat. Kita menyaksikan bahawa de-ngan keyakinan dan soko-ngan semua, beberapa buah negara telah berjaya memerangi epidemik tem-bakau. Negara pengeluar tembakau seperti Brazil yang merupakan negara ketiga terbesar mengeks-port tembakau dalam tahun 2000 dan memperoleh

pendapatan US\$961.2 juta pada 2001 masih berjaya mengatasi epidemik tem-bakau.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar (sekarang Menteri Perhubungan) juga menjelaskan bahawa pe-ngalaman negara-negara yang berjaya menurunkan kadar penggunaan tem-bakau membuktikan baha-wa kekuatan undang-undang, keberkesanan pen-didikan dan kesedaran masyarakat, penglibatan semua agensi, NGO's dan masyarakat serta sokongan kepimpinan adalah di antara pendekatan yang boleh menghasilkan keja-yaan.

FCTC PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

'The Framework Con-vention On Tobacco Con-trol' Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO FCTC) diluluskan di Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-56

pada Mei 2003. 168 negara menandatangani, termasuk Negara Brunei Darussalam dan negara anggota ASEAN. Ia menunjukkan komitmen negara-negara di dunia untuk mengurangkan ke-matian dan penyakit dari kesan penggunaan tem-bakau. Rang perintah ini antara lain mengandungi pengawalan iklan, penga-walan promosi penjualan dan tajaan produk tem-bakau, pembungkusan dan label, larangan merokok serta penguatkuasaan. WHO FCTC berkuatkuasa pada 27 Februari 2005 dan ia adalah saat bersejarah kerana perjanjian ini mem-beri lebih banyak kaedah untuk mengawal tembakau dan menyelamatkan lebih banyak nyawa.

Laporan WHO bagi Asia Tenggara juga menje-laskan bahawa dari hampir lima juta orang yang meninggal setiap tahun akibat penggunaan tem-bakau, 1.1 juta adalah dari

rantau Asia Tenggara. Menurut, kuasa globa-lisasi memberi ruang kepa-da industri tembakau untuk terus berkembang bagi mencari pasaran baru di negara-negara sedang membangun. Epidemik tembakau seperti ini juga mendorong berku-atkuasanya WHO FCTC.

'WHO Tobacco Free Initiative' mempunyai misi untuk memelihara generasi sekarang dan akan datang dari kesihatan yang men-gahancurkan dan kesudahan penggunaan tembakau terhadap sosial, alam sekitar dan ekonomi serta pendedahan kepada asap tembakau. Antara strategi ke arah pencapaian matlamat ialah penguatkuasaan infrastruktur nasional dan keupayaan kawalan tem-bakau dengan menggu-nakan WHO FCTC sebagai kaedah bimbingan. Ia juga menekankan pentingnya pendidikan awam, penye-baran maklumat dan mobilisasi masyarakat.

HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA 2005

Tahun ini sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia melaukan tema 'Pakar Kesihatan Menen-tang Tembakau' atau 'Health Professionals Against Tobacco'. Hari Tanpa Tembakau Sedunia bertujuan untuk mening-katkan kesedaran pen-duduk dunia terhadap penyakit dan kematian yang dapat dielakkan dari kesan merokok dan mem-promosi persekitaran tanpa tembakau. Sambutan te-sebut tahun ini memfokus peranan pakar kesihatan dalam mengawal tem-bakau.

Kita di Negara Brunei Darussalam pasti tidak ke-tinggalan memberi perha-tian terhadap Hari Tanpa Tembakau Sedunia. Nega-ra kita yang kecil molek ini amat mengharapkan indi-vidu-individu yang sihat jasmani dan rohani. Untuk terus maju ke hadapan, ber-

saing sama dengan negara-negara lain di dunia serta berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju, kita memerlukan rakyat yang berpendidikan, berkualiti, berproduktiviti tinggi, ber-semangat, berkeupayaan, berkaliber serta sihat afiat. Salah satu cara yang kita pasti boleh terima ialah melalui hari-hari tanpa tembakau kerana ia memu-daratkan.

Sebagai renungan bersama, Allah Suba-hanahu Wataala melarang dengan tegas dan sekeras-kerasnya dari menghampiri apa-apa yang memu-daratkan, bahkan menyuru-h membanterasnya, apatah lagi yang menjadi pemusnah kepada jiwa. Firman Allah Taala dalam Surah An-Nisaa' ayat 29 yang tafsirnya: "Jangna-lah kamu membunuh diri kamu sendiri. Sesungguh-nya Allah sentiasa men-gasihani kamu."

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

SAHABAT

Sahabat ...
kau beri ketenangan
di kala aku keresahan
kau tunjukkan jalan terang
di kala aku dalam kegelapan.

Sahabat ...
hadirmu sangat bererti
memberi kedamaian di hati
sahabat mengapa kau bersembunyi
menjauhkan diri.

Sahabat ...
di manakah kau kini
ku terca-cari
tiada khabar kau beri
kubertanya dalam hati
apa salah diri ini.

Sahabat ...
jika ku banyak salah
kupohon maafkanlah
semoga persahabatan kita berkekalan
baik budimu takkan kulupakan.

RINDU

Di kala rasa rindu datang
wajahmu selalu terbayang
walau kau jauh di seberang
kau kan selalu kukenang.

Oh rindu ...
datangmu tanpa permissi
membuka pintu hatiku yang terkunci
ingatkan dia si jantung hati
yang kian menyepi.

Oh rindu ...
adakah datang bertemu di hatimu
ingatkan ku yang jauh darimu
kasih mengapa engkau membisu
dengarlah rintihanku.

Oh rindu ...
bilakah kita kan bertemu
ku tak sanggup menahan rindu
yang semakin menggebu-gebu
sampai kapan pun aku kan menunggu
semoga kita kan bersatu.

Deelah

IGAUAN

Hening sepi menyelimuti malam yang dipagari
bulan, bintang
angin bayu melamar tubuhku yang penuh kering
kehampaan
debaranku kini kian bertambah kencang
apabila sinar bulan yang mula mengambang
ketika bintang turut kesilauan
tubuhku juga turut merasa akan sinarnya.

Oh ...
sungguh asyik aku dibaluti dengan sinar-sinar
yang sungguh indah
terlena aku dengan sinar suria yang mula
mengambang
rupa-rupanya ...
rupa-rupanya ...
aku leka dalam igauan mimpi yang datang
dengan tiba-tiba
kucuba sedaya-upaya untuk menahan akan sinar
suria yang datang
malang
oh malang ...

Lantas aku cuba untuk mencari sinar yang
hilang itu ...
penglihatanku kian pudar ...

rupanya aku turut hilang dengan impian
serta igauanku ...
aku hampa ...
sungguh hampa
kehampaanku bertambah kencang ...
sinar itu hilang dari penglihatanku
mungkinlah ia akan kembali
ah ... igauan ...
cuma igauan ...

KEHAUSAN RINDU

Tawamu... gurauanku juga senyummu...
masih ada di dalam bayanganku...
dalam kumeniti hari-hari yang mendatang...
kucuba untuk menahani akan bayanganku
buat dirimu
dalam kumenyusur perjalanan hidupku...
kuselitkan akan bayangan di dalam dirimu...
ternyata bayanganku dapat membawa
kebahagiaan baru
buat jiwaku yang kekosongan.

Tanpa kusedari bayanganku hilang dari
pandangan buat seketika
kusangkakan bayanganku akan kau abadikan
untuk perjalanan dirimu
rupanya aku kau singkirkan
di sini...
ya di sini...
aku telah kehausan rindu yang selama ini
kuharap-harapkan
yang membawa erti kehidupan buat diriku
dan juga jiwaku.

Apa yang kupinta hanyalah keikhlasan
tidak lebih dari itu
malang sekali keikhlasan kau kaburkan dari
penglihatanku
buat selama-lamanya aku buta dengan
kerinduan itu
aku buta dalam perjalanan hidupku
nyata sekali aku buta dalam segala-
galanya
buat dirimu...
abadikan diriku ini di dalam jasadmu
supaya aku tidak sesat buat selama-lamanya...

Arsyhad

REAKSI SI PENULIS

Seharian memerah otak
berfikir mencari ilham
ada yang menyinggah
namun hanya buat seketika
ibarat debu berterbangan
melayanglah ia ke sana sini
tatkala ditiup angin.

Pena semakin lincah beraksi
di atas nota mengukir madah
madah penuh bersimpul makna
duduk termenung
mata tertumpu memerhati gubahan
dalam ciptaan
keremukan kertas dilemparkan.

Masih dalam pencarian
minda semakin hebat tertekan
namun akhirnya!
matlamat telah ditemui
sebuah puisi terbentuk
penuh dengan kiasan
beginilah reaksi si penulis.

PENCARIAN

Membiduk daku di lautan sepi
menyusur syahdu di hiliran senja
di segenap sudut kubertabuh
meninjau di sekeliling pelusuk dunia.

Aku mendongak ke langit

bagaikan mencari sesuatu
aku sendiri tak pasti
apakah mungkin ada jawapannya.

Aku seolah-olah tidak bermaya
seluruh jasadku lemah
kusut fikiranku
hancur
remuk
lebur hatiku.

Naluriku tertanya-tanya
apakah masih ada ruang untuk diriku
masih mampukah aku bernafas
sedangkan aku terumbang-ambing
di balik kaca dunia.

Briduanda

MENCARI PENGABDIAN

Mencari terus mencari
tanpa henti meski dalam
ke dasar lautan penuh
warna-warni mempesona
jiwa, alpa dan leka
yang menggoncang dada
alun bimbang jiwa hamba
namun kupunya impian
yang tak pernah pudar
yang tak pernah sirna
kusuri jalan-Mu
meski ranjau berliku
namun cintaku abadi buat-Mu
dalam saat merintih
tak tertahan pilu di dada
derai air mata bersambut
dalam sujudku
setiap nafasku berhembus
setiap degupan nadiku
hanya pada-Mu
kuserah abdi.

TUNGGUL KAYU

Tunggul wahai tunggul
betapa malang nasibmu
punah dimamah usia
menjadi santapan
api yang kejam
kala dirimu dulu
tegak berdiri
teguh berdiri
megah berdiri
banting berdiri
tiang-tiang
rumah-rumah
di muka air
tinggal reput
menjadi tunggul
tidak berharga
di mana hilang perikemanusiaan?

Adi Swara

ANAK DERHAKA

Anak derhaka
kau tidak pernah mahu mengikut kata
apa saja kata ibu ayahmu tidak akan kau
hiraukan saja
kerap kali kau akan melawan, tidak tahu
hati mereka kau sakitkan.

Anak derhaka
tidakkah kau tahu?
azab Neraka balasan untuk dirimu
syaitan yang berada di sebelahmu, senyum
lebar tidak sabar untuk bersamamu
kerana terlalu gembira mendapat ahli baru.

Insafilah engkau wahai anak derhaka
minta maafkah kepada ibu bapamu
sebelum terlambat

semoga engkau jangan tersesat
supaya hidupmu selamat dunia akhirat.

TIADA KUMENYANGKA

Suatu ketika dahulu kau pernah berkata
padaku kau akan tetap setia
kini kau senyum duduk di sana
di atas pelamin di depan mata.

Tidak kumenyangka, tidak kumenduga
semua janjimu kau lupakan begitu saja
sumpah setia yang engkau janjikan
hanya tinggal satu kenangan yang berbisu.

Hatiku hancur, air mataku berguguran
hanya Tuhan saja tahu, aku punya perasaan
kau duduk di sana senyum di atas pelaminan
duduk berdampingan dengan rakan kerjaku,
teman seperjuangan.

Tidakkah menyangka, tidak kumenduga
kau lukakan hatiku begitu saja
tidak kudapat berbuat apa
selain memohon kepada Yang Maha Esa
semoga kau berbahagia sentiasa.

SESAL

Bilaku buka mata
semuanya gelap-gelita
ternyata aku telah buta
menangis meraung sudah tidak berguna.

Dulu aku dapat melihat segala
tapi tidak pernah aku bersyukur kepada
Yang Maha Esa
kini aku terlambat sudah
menangis meraung sudah tidak berguna.

Ya Allah, ampunkan aku atas segala dosa
apa yang terjadi kuterima sahaja
aku tahu semua ini ada kelebihanannya
aku akan bertaubat dan mengikut perintah-Mu
sentiasa.

Kepada insan yang berada di luar sana
janganlah kamu abaikan perintah Maha Esa
kerana sesungguhnya kamu akan kecewa
sesal kemudian tiadalah berguna.

Sofian

IBU

(Syurgaku di bawah telapak kakimu)

Dari kecil hingga dewasa
dengan kasih sayang
dengan manja dan mesra
ibu menjaga dan memelihara
ibu mendidik dan mengasuh
bagai menatang minyak yang penuh.

Ibu,
budi dan jasamu
kukenang selalu
budi dan jasamu
tak terbalas olehku
hanya kudoakan
semoga ibu sihat afiat
aman sejahtera berkekalan
dalam rahmat abadi Tuhan.

Ibu,
kaulah tempat bermanja
kaulah tempat mengadu
kaulah ratu hatiku
Syurgaku di bawah telapak kakimu.

Rahim M. S.



سنتياسا برسام بيسكيتا
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليڤيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 15 JUN	PAGI		Sambungan	PETANG					
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00 RANCANGAN HARI INI	4.00 LAGU KEBANGSAAN	5.45 BERITA	8.50 DRAMA -			
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02 TELENODELA - 'Daniella'	4.02 TILAWAH AL-QURAN	6.00 INNOV 8	'Misteri Di Balik Tabir'			
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	10.50 GADGET AND GISMOS	4.15 RANCANGAN HARI INI	6.33 AZAN MAGHRIB	9.30 RHYTHM FIESTA			
	9.00	BERITA	11.20 LIPUTAN SEMASA	4.20 KONG THE ANIMATED SERIES	6.45 SINAR	10.00 NEWS AT 10			
	9.15	RAMPAI PAGI -	11.35 DRIVE	5.20 GILLETTE WORLD OF SPORT	MALAM	10.30 BRUNEI LEAGUE 2005			
			12.00 SIARAN TAMAT		7.00 LIPUTAN SEMASA	11.00 SEMINAR HARI KEBANGSAAN			
					7.30 CRB	12.00 THE PRACTICE YR. 8			
					7.49 AZAN ISYAK	12.45 DOA DAN SIARAN TAMAT			
					8.00 BERITA NASIONAL				

K H A M I S 16 JUN	PAGI		10.00 RANCANGAN HARI INI	12.00 SIARAN TAMAT	5.35 LAST EDENS -	7.49 AZAN ISYAK			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.02 TELENODELA - 'Daniella'	PETANG	'Mozambique'	8.00 BERITA NASIONAL			
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00 RESIPI PILIHANKU -	4.00 LAGU KEBANGSAAN	5.45 BERITA	8.50 AN NUUR -			
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	'Kek Strawberry Strips Mint	4.02 TILAWAH AL-QURAN	6.33 AZAN MAGHRIB	10.00 NEWS AT 10			
	9.00	BERITA	Roil dan Biskut Coklat	4.15 RANCANGAN HARI INI	6.45 FIOHUL MIRATS	10.30 DRAMA - 'Mimpi Di Garis Pelangi'			
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	Berkismit'	4.20 ANIMATION HOUR -	MALAM	11.00 WAYANG PILIHAN -			
			11.30 LIPUTAN SEMASA -	'Kid and Kaboodle/Teletubbies'	7.00 SURAH-SURAH PILIHAN	12.30 DOA DAN SIARAN TAMAT			
			Ulangan	5.10 ON THE BALL	7.25 WARTA ISLAM				

J U M A A T 17 JUN	PAGI		10.02 GLADITOR ACADEMY	12.30 SEMBAHYANG FARU	3.48 AZAN ASAR	7.20 DEKOR			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.25 WHAT DO YOU THINK ABOUT THAT?	JUMAAT- Siaran Langsung	3.55 TAYANGAN GAMBAR	7.49 AZAN ISYAK			
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.50 BEING EVE	PETANG	HINDI - Sambungan	8.00 BERITA NASIONAL			
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15 EHSAN	1.30 VISI SUCI	5.45 BERITA	9.00 PREBIU TALENTIME 2005			
	9.00	BERITA	11.30 BERITA	2.00 TETAMU SUKAN -	6.00 SYIAR MASJID	10.00 NEWS AT 10			
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.45 JEJAK RASUL SR. 9 -	Siaran Langsung	6.33 AZAN MAGHRIB	10.40 KHUTBAH JUMAAT			
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.15 GREAT MOMENTS IN SCIENCE AND TECHNOLOGY	2.30 DIARI KEHIDUPAN	6.45 SUTERA HATI	10.55 TELEDRAMA -			
				3.00 TAYANGAN GAMBAR	MALAM	'Wilangun'			
				HINDI - 'One Two Ka Four'	7.00 LIPUTAN SEMASA	12.25 DOA DAN SIARAN TAMAT			

S A B T U 18 JUN	PAGI		10.05 KIDS HOUR - 'Bug	12.22 AZAN ZUHUR	3.48 AZAN ASAR	7.49 AZAN ISYAK			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	Alert/Li'l Elvis Jones & The Truckstoppers'	12.45 PANGGUNG PETANG	4.10 BLUE PLANET -	8.00 BERITA NASIONAL			
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.55 CONTROL FREAKS	SABTU - 'Life's Little Struggles'	'A Natural History of Ocean'	8.50 HIBURAN HUJUNG MINGGU -			
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20 DRAMA - 'SAMBAT	PETANG	5.00 KIDS HOUR -	10.00 NEWS AT 10			
	9.00	BERITA	MALAM HARI' - Ulangan	2.15 RANCANGAN KHAS -	5.45 BERITA	10.30 TAYANGAN GAMBAR -			
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30 BERITA	'Jalinan Persahabatan Brunei Darussalam/ Malaysia' - Bhg 2	6.10 LATITUDES	10.40 KHUTBAH JUMAAT			
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.00 30 TAHUN PERKHIDMATAN RBA -	2.45 EXPERIENCE BRUNEI	6.34 AZAN MAGHRIB	11.00 ARE YOU BEING SERVED			
			'Merentas Dunia'	3.15 CHICAGO HOPE YR. 6 -	6.45 PEDOMAN AKIDAH	12.00 DOA DAN SIARAN TAMAT			
				'Vigilance And Care'	MALAM				
					7.00 DUNIA ASIA				
					7.30 INCREDIBLE JOURNEY				

A H A D 19 JUN	PAGI		'We All Live Here' Sr. 2/	LEAGUE 2004/2005	MASYARAKAT	7.50 AZAN ISYAK			
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	Time Blazers'	1.45 ENGLISH PREMIER	5.05 ANIMATION - 'Maple Town'	8.00 BERITA NASIONAL			
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00 KIDS CORNER	LEAGUE 2004/2005	5.30 WILDLIFE DIARY	8.50 TIRAI KELUARGA -			
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15 SUNDAY MATINEE -	JUARA - Siaran Langsung	5.45 BERITA	'Panglima Badul'			
	9.00	BERITA	11.30 SUNDAY MATINEE -	3.15 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT	6.15 MODERN MANAGEMENT	10.00 NEWS AT 10			
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.45 SUNDAY MATINEE -	3.49 AZAN ASAR	6.34 AZAN MAGHRIB	10.30 TIRAI KELUARGA -			
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.23 AZAN ZUHUR	4.10 PERTUKARAN RANCANGAN MOU (RTB/STV12) 'RAKAN'	6.45 PENGAJARAN DARI AL-QURAN	11.10 NYPD BLUE -			
	10.05	ANIMATION HOUR -	PETANG	4.40 KAUNSELING	MALAM	'Take My Wife Please'			
			1.15 ENGLISH PREMIER		7.00 TAHUKAH AWDA	12.02 DOA DAN SIARAN TAMAT			

I S N I N 20 JUN	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI -	PETANG						
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		Sambungan	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.55	ANIMALIA	8.50	DRAMA - 'Meniti Sinar'	
		KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.34	AZAN MAGHRIB	9.30	RHYTHM FIESTA 2005	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA-	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.00	NEWS AT 10	
				'Daniella'	4.20	ANIMATION -		MALAM	10.30	LIGA PERDANA	
	6.15	RAMPAI PAGI -				'Nanook's Great				MALAYSIA - 'Brunei	
		Siaran Langsung	11.00	SELERA ASEAN		Hunt/Super Little Fanta	7.00	LIPUTAN SEMASA		Darussalam Iwn Melaka'	
		11.30	BODY AND SOUL	5.15	SPORT PAGES	7.20	SAJIAN ORIENTAL SR. 3	11.30	NILE - 'The Search For		
	9.00	BERITA	12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	7.50	AZAN ISYAK		The Source'	
							8.00	BERITA NASIONAL	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT	

S E L A S A 21 JUN	PAGI			Ulangan	4.40	GOLI GOLI BRUNEI -		'Tamu'		KOD 486 - 'Terjerat'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	LIPUTAN SEMASA -		Siaran Langsung		DOKUMENTARI	10.00	NEWS AT 10
	6.02	TILAWAH AL-QURAN		Ulangan	5.30	NEW ADVENTURES OF	7.30	AZAN ISYAK		
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran	12.00	SIARAN TAMAT		OCEAN GIRLS -	7.50	BERITA NASIONAL	10.30	ASEAN-EC
		Langsung				'A Common Bond'	8.00	SIMPOSIUM INTEGRITI		INTERNATIONAL HRD
	9.00	BERITA		PETANG	5.45	BERITA	8.50	DALAM PERKHIDMATAN		CONVENTION &
	9.15	RAMPAI PAGI -	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.15	KID SINAR		AWAM - 'Daerah		EXHIBITION
		Sambungan	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.34	AZAN MAGHRIB		Temburong'	11.15	WITHOUT TRACE
	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	AL ISLAM		DRAMA: BIRO	12.00	PRETENDER - 'Mister Lee'
	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.20	KIDS HOUR: 'Button And		MALAM		MENCEGAH RASUAH	12.45	DOA DAN SIARAN TAMAT
10.45	MUTIARA HUTAN SR. 1 -		Rusty'		7.00	DRAMA SITKOM -				

Perjumpaan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi keberkesanan dalam jentera kementerian

BERAKAS, 4 Jun. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan mengadakan perjumpaan bersama ketua-ketua jabatan, penolong ketua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah.

Perjumpaan tahunan itu merupakan salah satu usaha kementerian berke-

naan bagi meningkatkan lagi keberkesanan jentera kementerian itu dalam menjalankan peranan kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Juga hadir semasa perjumpaan tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato

Oleh Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn

Paduka Haji Awang Dani.

Mereka juga berkongsi pendapat mengenai perkembangan dan pertukaran fikiran mengenai isu-isu yang bersangkutan dengan kementerian berkenaan.

Semasa perjumpaan itu Yang Berhormat juga memberi kata nasihat dan beberapa teguran mengenai

permasalahan dan komitmen.

Terdahulu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff ketika menyampaikan kata-kata aluan antara lain mengingatkan supaya semua pengarah-pengarah komited dalam membuat tindakan yang pantas seperti yang terdapat dalam prosedur kerja di kementerian berkenaan.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan ketika berucap mengadukan perjumpaan bersama ketua-ketua jabatan, penolong ketua jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah. - Gambar oleh Halim bin Haji Sulaiman.

Semangat perlu untuk capai kejayaan

Oleh
Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre
Haji Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Jun. - Dalam menuntut ilmu, semangat amat diperlukan kerana tanpa semangat untuk belajar, seseorang penuntut itu tidak akan dapat mencapai kejayaan yang diharapkan.

Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Haji Zaimi bin Haji Talip berucap demikian di Majlis Konvensyen Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STUPB) sesi tahun 2004 yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolkihah (SMALHB).

Menurut beliau jangan ada dalam fikiran penuntut untuk bekerja awal, kerana

kebanyakan mereka yang bekerja lebih awal menyatakan penyesalan kerana tidak meneruskan pengajian mereka lebih tinggi sebelum menceburkan diri di dalam alam pekerjaan.

Walau bagaimanapun, tambah beliau, mereka yang bekerja lebih awal tidaklah dianggap gagal kerana mungkin masa itu peluang untuk meneruskan pengajian lebih tinggi agak terbatas atau keadaan yang memaksa mereka untuk tidak meneruskan pengajian.

Di dalam bidang menuntut ilmu, bukan kerana ijazah semata-mata tetapi kerana ilmu, banyak juga yang berkerja awal dapat menyambung pengajian mereka dan berjaya, cuma banyak cabaran serta ma-



PENGARAH Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Haji Zaimi bin Haji Talip semasa menyampaikan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STUPB) sesi tahun 2004 kepada seorang pelajar. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

salah terutama bagi mereka yang sudah mempunyai tanggungan keluarga, jelas beliau.

Beliau selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil dan hadiah kepada 106 pelajar.

Di antara 106 pelajar yang menerima sijil itu, 28 daripadanya mendapat kepujian Mumtaz (Gred 1), 22 pelajar memperoleh

kepujian Jayyid Jiddan (Gred 2), 27 pelajar mendapat kepujian Jayyid (Gred 3) dan 29 pelajar lagi mendapat pangkat Makbul (Lulus).

Hadiah pelajar terbaik dalam kegiatan diterima oleh Dayang Siti Aminah binti Haji Julaihi, sementara hadiah pelajar terbaik dalam akademik diterima oleh Dayang Siti Radhiyah



JANGAN ada dalam fikiran penuntut untuk bekerja awal kerana kebanyakan mereka yang bekerja lebih awal menyatakan penyesalan kerana tidak meneruskan pengajian mereka lebih tinggi sebelum menceburkan diri dalam alam pekerjaan, jelas Pengarah Hal Ehwal Syariah. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

binti Haji Abdul Mutalip, manakala Dayang Nurul Majeedah binti Pengiran Haji Hamdan pula mendapat hadiah Pelajar Mithali Terbaik dalam akademik dan kegiatan.

Tujuan majlis seumpama itu diadakan ialah semata-mata untuk memberikan penghargaan dan

motivasi, bukan sahaja kepada pelajar-pelajar yang diraikan, tetapi juga untuk menjadikannya sebagai contoh yang baik kepada pelajar lain yang masih berada di sekolah itu.

Pada tahun 2004, SMALHB telah mencapai beberapa kejayaan dan perkembangan, antaranya

di bidang akademik aliran agama yang mana keputusan mencapai 94 peratus lulus dalam peperiksaan STPUB, manakala dalam Aliran Sains Tulen dan Umum dalam peperiksaan GCE 'A' Level November 2004 telah pun mencapai 50 peratus lulus dengan peningkatan sebanyak 10 peratus.



PEMANGKU Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Abdul Majid ketika merasmikan Karnival Persatuan Membasmil Dadah Brunei Darussalam (BASMIDA) baru-baru ini. Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Ibu bapa berperanan mendidik anak-anak menjauhi dadah

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BERAKAS, 5 Jun. - Pelbagai cara dilaksanakan bagi menjaga keamanan dan keselamatan di negara ini dari terus dicerobohi oleh anasir-anasir luar yang merancang kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang negara ini termasuklah pengedaran dadah haram.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Biro Kawalan Narkotik, Awang Haji Abdul Majid ketika berucap semasa melancarkan Majlis Karnival Persatuan Membasmil Dadah Brunei Darussalam (BASMIDA) 2005.

Awang Abdul Majid seterusnya mengingatkan

bahawa pencegahan penggunaan dadah haram seharusnya bermula di rumah, ibu bapa mempunyai peranan yang amat penting dalam menanamkan di hati sanubari anak-anak mereka dengan nilai-nilai murni, adat-adat yang baik, ilmu agama dan kemahiran sendiri untuk menjauhi dadah.

"Ibu bapa merupakan 'model' yang baik kepada anak-anak, jika ibu bapa gagal menjadi contoh yang baik, anak-anak akan menjadi keliru dan mungkin menjadikan rakan-rakan sebagai 'model' yang akan mendedahkan mereka

kepada unsur-unsur negatif," jelasnya lagi.

Awang Haji Abdul Majid juga menyaksikan secara lebih dekat pameran, gerai-gerai jualan dan aktiviti yang berlangsung di karnival itu, di samping disediakan permainan bouncer dan rumah bantu khusus bagi kanak-kanak.

Karnival sehari itu dibukakan untuk kunjungan orang ramai yang memberi peluang kepada pihak BASMIDA untuk menyebarkan maklumat antidadah selain menambah tabung kewangan persatuan tersebut. BASMIDA

adalah sebuah badan bukan kerajaan ditubuhkan pada tahun 1987.

Jawatankuasa tertinggi persatuan itu setiap tahun mengadakan Kempen Anti

Dadah dengan menggunakan pendekatan proaktif yang mesra belia dan mesra remaja agar isu masalah penyalahgunaan dadah dapat difahami oleh para belia di negara ini.



TETAMU kehormat ketika hadir di Majlis Karnival BASMIDA Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.